

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 5	Selasa	21 Mac 2006
---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): <ul style="list-style-type: none">• Ancaman Virus Avian – Langkah Pencegahan Gagal - <i>Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 21 & 93)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 23)
USUL-USUL: Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)</i>	(Halaman 23)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 96)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 21 Mac 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Perdana Menteri menyatakan sampai bilakah masalah isu pendatang tanpa izin dan pemegang dokumen IMM 13 di Sabah dan Labuan dapat diselesaikan dengan mengambil kira bahawa mereka adalah penyumbang terbesar kepada masalah sosial terutamanya dalam pengedaran dadah jenis Syabu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menangani isu pendatang tanpa izin ataupun PTI di Sabah dan Labuan sentiasa dilaksanakan secara berterusan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan dan diselaraskan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Labuan.

Kerajaan tidak dapat menetapkan satu jangka masa yang khusus bagi menyelesaikan isu ini sepenuhnya selagi wujud tekanan ekonomi di negara asal mereka, dan wujud peluang yang luas untuk mereka memperbaiki taraf hidup mereka di negara ini. Kerajaan akan terus berusaha membendung kemasukan PTI dengan meningkatkan kawalan sama ada menerusi laluan laut ataupun laluan darat secara bersepadu oleh semua agensi penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan.

Pemegang dokumen IMM 13 dibenarkan oleh kerajaan untuk tinggal dan bekerja di Sabah dan Labuan. Pada masa ini jumlah pemegang dokumen IMM 13 adalah seramai 61,314 orang. Mereka juga tidak terlepas daripada tindakan undang-undang sekiranya didapati melakukan kesalahan jenayah. Dokumen IMM 13 mereka akan ditarik balik seterusnya mereka diusir keluar dari negara ini selepas menjalani hukuman.

Pada 2 Mac hingga 3 Mac 2006 yang lalu, operasi melibatkan penggemblengan keanggotaan pelbagai agensi penguat kuasa telah diadakan di kawasan-kawasan setinggan di Kota Kinabalu, di mana seramai 544 PTI telah dapat ditahan dan di dalam operasi pada 4 Mac hingga 5 Mac 2006 pula seramai 263 PTI telah dapat ditangkap. Usaha-usaha ini akan diteruskan di sepanjang tahun 2006 ini ke seluruh pelosok negeri Sabah dan juga Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Sebelum saya mengemukakan soalan

tambahan, terlebih dahulu saya mengalu-alukan pelajar-pelajar Tingkatan 6 dan guru dari Sekolah SAS Klang Selangor [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pemegang IMM 13 ini merupakan isu yang berlarutan untuk Sabah dan juga Labuan. Seperti yang telah saya katakan bahawa mereka ini penyumbang besar kepada masalah sosial terutama dalam pengedaran Syabu. Di Labuan terbukti bila mana ada operasi (Ops) yang dilakukan oleh pihak polis, kadar jenayah kecil dan juga pengedaran Syabu turun dengan begitu drastik sekali.

Soalan saya Yang Berhormat Dato' Seri Menteri ialah pemegang IMM 13 ini adalah satu *liability* kepada negara terutama kepada warga Labuan di negeri Sabah. Soalan saya, kenapakah kerajaan memberikan mereka keistimewaan dengan membiarkan mereka berterusan berada di negara kita sedangkan mereka tidak boleh mengundi, malahan kerajaan terpaksa menanggung kos setiap kali berlaku operasi dan penangkapan. Sebelum dihantar pulang mereka ditahan di kem-kem tahanan di mana makan minum mereka ditanggung, belanja *transport* untuk mereka balik juga ditanggung. Sampai bilakah kerajaan akan membiarkan IMM 13 ini berada di Malaysia?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pemegang IMM 13 ini merupakan sekumpulan orang yang diklasifikasikan sebagai pelarian di bawah peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagai sebuah negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, walaupun kita tidak merupakan penandatanganan kepada UNHCR, tetapi kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan supaya mereka yang dianggap sebagai pelarian ini di mana di negara asal mereka, mereka ditekan maka adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai warga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberikan layanan yang baik kepada kumpulan yang dipanggilkan "pelarian" ini.

Oleh kerana itu, dalam jawapan asal saya sebentar tadi, selagi keadaan di negara asal mereka itu tidak aman dan mereka menerima tekanan di sana, selagi itulah kita mesti melayani mereka mengikut peraturan-peraturan yang telah disediakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini bukan suatu masalah yang dihadapi oleh Malaysia sahaja, kita lihat bahawa rakyat Palestin yang tidak mempunyai negara yang boleh mereka duduki di Timur Tengah, negara-negara jiran seperti Syria dan Egypt menerima mereka sebagai pelarian walaupun melebihi 40 atau 50 tahun. Ini adalah merupakan tanggungjawab kita dan kalau Yang Berhormat bertanya sampai bila, ia sampai di suatu ketika di mana negara asal mereka itu berada di dalam aman dan daman dan mereka tidak merupai tekanan.

Kemudian berkenaan dengan saya telah sebut juga bahawa kalau mereka melakukan kesalahan, kita tetap akan mengambil hukuman terhadap mereka. Adalah tidak adil untuk kita menghukum seluruh masyarakat pelarian ini disebabkan oleh tiga atau empat orang yang membuat kesalahan, saya menyokong. Ini berdasarkan kepada Yang Berhormat bagi Sri

Gading mengatakan bahawa kita tidak boleh hukum pihak polis kalau sekiranya ada sekerat sahaja yang membuat kesalahan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masalah pendatang tanpa izin di Sabah dan Labuan bukanlah masalah baru tetapi sudah dekat 40 tahun. Kali yang pertama saya telah membangkitkan hal ini di Sabah ialah pada tahun 1978 yang menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan saya dihalau daripada Sabah oleh Ketua Menteri pada masa itu Datuk Haris Sallah.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar satu kempen di Sabah mengenai masalah ini oleh kerana menyebabkan ledakan kependudukan atau *population explosion* sehingga 400% atau 600% kalau apa-apa angka diambil dan dibandingkan dengan perangkaan tahun 1970, terdapat 650,000 orang penduduk di Sabah tetapi sekarang mungkin seramai tiga juta atau empat juta.

Adakah kerajaan rela mengadakan suatu Suruhanjaya Diraja yang ada disokong oleh Suhakam supaya menyiasat dengan sedalam-dalamnya dan membuat *recommendation* untuk mengatasi masalah ini, oleh kerana ia mengancam ketenteraman, keselamatan malahan kestabilan politik di Sabah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, PTI tidak boleh mengundi dan mereka tidak mempunyai hak di negara kita ini dan kita mesti membezakan di antara PTI yang tidak dapat IMM 13 dengan PTI yang mendapat IMM 13. Daripada segi PTI yang tidak mendapat IMM 13, kerajaan sentiasa menjalankan operasi untuk mencari mereka dan kalau mereka didapati berada di negara kita secara tanpa izin, sudah tentu kita akan halau mereka balik ke negara asal. Itu bagi mereka yang berada di negara kita tanpa ada apa-apa sebab.

Sebab itu saya sebut sebentar tadi pada jawapan saya, iaitu pada 2 Mac hingga 3 Mac 2006, kita tangkap 544. Pada 4 Mac hingga 5 Mac, 2006 kita tangkap 263 dan kita akan terus mengadakan operasi seperti ini sepanjang tahun. Saya harap supaya perkara ini jangan disalahtafsirkan seolah-olah kerajaan *tolerate* perkara ini.

Soal Yang Berhormat kena tahan dahulu, saya tidak tahulah mungkin Ketua Menteri pada ketika itu terfikir bahawa Yang Berhormat pun PTI juga iaitu pendatang tanpa izin di Sabah.

2. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh mana peringkat pelaksanaan sistem amaran awal risiko Tsunami dan penyediaan kerja-kerja mitigasi kejadian bencana. Bagaimanakah sistem amaran awal dapat disambungkan secara berkesan dengan stesen radio, televisyen, media massa, syarikat telefon talian tetap dan mudah alih.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong pada 23 Mac 2006 kerana menyentuh isu yang sama, iaitu perkembangan terkini pelaksanaan sistem amaran awal Tsunami Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia boleh berbangga kerana Malaysia telah merupakan negara yang pertama memasang sistem amaran awal Tsunami semenjak insiden berlaku di Aceh. Sistem ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu:

- (i) alat-alat pengesan gempa bumi dan Tsunami;
- (ii) sistem pemprosesan data dan maklumat serta ramalan kejadian Tsunami; dan
- (iii) sistem penyebaran maklumat dan amaran gempa bumi dan Tsunami kepada orang ramai.

Sistem amaran awal Tsunami juga merangkumi 14 *station Seismic*, tiga pelampung Tsunami, enam stesen pasang surut dan 4 buah *coastal camera* dengan izin. Sistem yang dipasang di Aceh ialah di kawasan perairan Pulau Rondo (Sumatera).

Tuan Yang di-Pertua, sistem ini insya-Allah akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bulan April (bulan depan) insya-Allah. Untuk menjaga pula kepentingan dan keselamatan, rakyat Malaysia di Sabah, Sarawak dan di Pantai Timur, sistem amaran awal ini juga akan dipasang untuk memberi amaran awal kemungkinan berlaku Tsunami yang boleh berlaku di selatan Filipina. Untuk penduduk-penduduk di Pantai Timur, sistem ini telah dipasang di perairan Pulau Layang-Layang di Laut China Selatan. Kedudukan strategik pelampung-pelampung ini mampu insya-Allah untuk mengesan ombak Tsunami ataupun gempa bumi yang terbentuk akibat kejadian gempa bumi yang kuat, yang boleh berlaku sama ada di Lautan Hindi, Laut China Selatan ataupun Laut Sulu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperolehi data untuk mengesan gempa bumi dan ombak Tsunami, sistem amaran awal ini juga dihubungkan dengan sistem-sistem serantau seperti sistem amaran awalan spesifik Tsunami sistem di Hawaii, dan sistem amaran awalan di Jepun.

Berhubung pertanyaan bagaimanakah sistem awal dapat disambung secara berkesan kepada stesen-stesen Malaysia dan media komunikasi untuk maklumat orang ramai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti bencana Tsunami pada Disember 2004, beberapa tindakan telah dilaksanakan oleh kerajaan. Pada masa ini maklumat berhubung dengan kejadian gempa bumi ataupun Tsunami boleh disebar kepada orang ramai dalam jangka masa 15 minit Insya-Allah.

Bagi gempa bumi yang kuat dijangka boleh menyebabkan kejadian Tsunami maklumat berkenaan juga disalurkan kepada orang ramai melalui dengan izin *breaking news* atau *crawler* di stesen-stesen televisyen tempatan. Pada masa ini pihak radio dan televisyen Malaysia dan

juga stesen-stesen swasta yang lain telah memberikan kerjasama baik dalam menjayakan pra transit amalan awal ini dengan menyediakan operasi 24 jam. Agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana, media cetak dan elektronik akan menerima terus semua maklumat berhubung dengan kejadian Tsunami itu melalui saluran komunikasi seperti talian terus *hotline*, *internet*, *sms*, telefon dan faks. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, banjir teruk yang melanda bandar Shah Alam, sebuah bandar raya terancang di negeri maju telah menyebabkan beribu-ribu penduduk panik dan kelam kabut. Ramai penduduk berang kerana tidak menerima amaran banjir. Seperti di negeri-negeri Pantai Timur Kelantan, negeri Pahang dan Terengganu, pun sentiasa dilanda banjir setiap tahun. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah bencana alam seperti Tsunami, gempa bumi, jerebu dan sebagainya walaupun kemajuan sains dan teknologi di bawah Kementerian membolehkan Jabatan Kaji Cuaca memberi ramalan cuaca yang lebih tepat dan lebih awal akan tetapi maklumat mengenai kedatangan masalah bencana alam sepatutnya disebar secara pantas dan secepat mungkin melalui sistem telekomunikasi supaya penduduk dapat persediaan awal. Saya hendak bertanya apakah obligasi sosial syarikat-syarikat komunikasi khususnya seperti Telekom, TM, Maxis, Celcom dan mengapakah masih tidak nampak usaha yang konkrit, usaha koordinasi yang konkrit bersama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ini merupakan salah satu penyampaian maklumat kecemasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Itu satu cadangan yang baik, tidak lama lagi kita akan adakan satu mesyuarat di panggil NITC yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Insya-Allah, perkara ini di mana penyaluran maklumat tentang bencana-bencana alam, selain daripada sistem yang telah kita laksanakan untuk menangani Tsunami kita akan mencadangkan juga satu talian khas supaya bencana-bencana ini dapat dimaklumkan secepat mungkin melalui sistem telekomunikasi untuk manfaat seperti yang diperkatakan tadi. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua tahu bahawa Tsunami akan berlaku jika ada kejadian gempa bumi dan juga gunung berapi. Saya ingin bertanya bagaimanakah sistem amaran awal Tsunami ini boleh mengesan sama ada ombak-ombak besar itu ombak Tsunami atau pun dia boleh mengesan ombak biasa, ombak besar biasa berlaku amat kerap. Adakah ia boleh mengesan hanya ombak Tsunami?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu untuk menangani kemungkinan Tsunami boleh berlaku akibat gempa bumi di kawasan Aceh dipasang satu pelampung Tsunami di kawasan Pulau Rondo dan untuk masyarakat di Pantai

Timur Malaysia telah dipasang baru-baru ini satu alat pelampung Tsunami di Lautan China di kawasan perairan Pulau Layang-layang dan kita insya-Allah juga akan memasang lagi di Lautan Sulu untuk rakyat Sabah di sana kerana kemungkinan boleh berlaku Tsunami akibat gempa bumi.

Oleh kerana amat perlu kita menangani mengesan sebab itu kita pasang pelampung khas Tsunami yang ada maklumat boleh diambil kira-kira oleh ombak di paras atau ombak di bawah kira-kira 300 hingga 400 kilometer di dataran dalam laut. Sebab itu kita perlu memasang alat pemasangan Tsunami ini seperti yang diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu bagi kita mengesan seandainya bila berlaku Tsunami bila berlaku gempa bumi. Kalau kita tidak pasang pelampung ini tidak mungkin seperti Yang Berhormat katakan tadi kita boleh mengesan Tsunami. Terima kasih.

3. **Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memantapkan lagi prestasi perkhidmatan awam bagi memperbaiki sistem penyampaian yang dikenal pasti sebagai salah satu sebab mengapa pelaksanaan sesuatu projek atau perkhidmatan kerajaan kurang berjaya dari masa ke semasa.

Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini, saya ingin mengatakan bahawa usaha-usaha untuk menambahbaikkan lagi *public service delivery system* (sistem perkhidmatan awam) terus dijalankan dan memanglah Yang Berhormat pun daripada soalan yang saya baca itu menunjukkan ia mengakui juga tidak ada kejayaan atau pun pandangannya itu kejayaan itu tidak sebanyak yang diharapkan olehnya. Ini adalah satu penganiayaan yang subjektif pada dirinya tetapi dengan menghadapi masalah-masalah yang kita lihat adanya pada hari ini dalam bidang perkara berkaitan birokrasi memang ia akan mengambil masa tapi usaha berterusan tidak ada satu sikap berlengah-lengah dan menganggapkan ini sebagai perkara yang tidak penting. Jadi tindakan-tindakan yang telah diambil itu, tindakan-tindakan yang juga hasil daripada rungutan-rungutan yang telah disampaikan oleh rakyat kepada kerajaan khususnya melalui Biro Pengaduan Awam dan hari ini kita telah menambahbaikkan lagi peranannya.

Jadi itu adalah antara sumber-sumber maklumat yang kita dapati termasuk juga maklumat-maklumat yang kita dapati dari sumber-sumber lain. Dengan itu secara khusus kita telah ambil pandangan dan sebagai contohnya kita menambah baik prosedur dan proses kerja antaranya yang berkaitan dengan lesen-lesen untuk industri perhotelan, yang dulu orang sentiasa peringatkan memerlukan kita memberi mendapat lesen 60 lebih. Jadi 60 perkara, 60 lesen diperlukan, itu mengambil masa panjang dan sekarang ini dikurangkan kepada 35 dan usaha-usaha akan dikurangkan lagi kepada tahap yang lebih mudah lagi tidak sampai kepada,

harap tidak sampai kepada 10 yang sedang diusahakan. Jadi dengan itu maka permohonan-permohonan akan dapat dipercepatkan.

Begitu juga tentang Kementerian Pelancongan, kita telah memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Pelancongan bagi mempercepatkan pengeluaran lesen pelancongan tidak di *centralize* seperti masa dulu. Lembaga Kemajuan Perindustrian (MIDA) telah memperkenalkan khidmat *hand holding* untuk membantu pelabur mendapatkan kelulusan-kelulusan yang diperlukan.

Bagi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita telah melantik sebuah pasukan pakar daripada Universiti Harvard, Amerika Syarikat untuk mengkaji dan menggubal strategi ke arah memperkukuhkan lagi kecekapan dan keupayaan pegawai-pegawai kita dengan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan *management* - pengurusan dan pembangunan yang difikirkan sebagai wajar dan menepati keperluan untuk menambah baik kecekapan dan mengurangkan kerenah-kerenah birokrasi. Dan dalam matlamat dan tujuannya kita hendak supaya pegawai-pegawai awam menjadi lebih berperanan sebagai *fasilitator* dari hanya *regulator* pembangunan seperti yang sudah menjadi kelaziman bagi peranan perkhidmatan awam selama ini.

Keduanya pula kita akan usaha atau sedang usaha untuk memperkukuhkan lagi kualiti kecekapan pengetahuan teknikal. Di samping itu juga langkah-langkah diambil oleh Institut Integriti Malaysia yang juga memberi kursus-kursus untuk memastikan bahawa kewibawaan kita itu akan terus dipertingkatkan di samping usaha-usaha untuk meningkatkan lagi menokok tambah nilai tambah lagi pengetahuan dan kebolehan pegawai-pegawai awam kita.

Dan jabatan-jabatan yang lain juga turut mengambil bahagian mengurangkan kerenah termasuklah Pejabat-pejabat Daerah yang mengenainya kita telah pun adakan dulu apa yang dikenali sebagai satu *task force flying squad* untuk menghapuskan, mengurangkan kerja-kerja yang melambatkan kita oleh sebab terlalu banyak sangat *backlog* nya kerja-kerja tunggakan yang begitu banyak hendak kita kurangkan dan usaha-usaha untuk mengurangkan itu sebagaimana yang dilaporkan kepada saya memang mencapai satu kejayaan yang kita harap akan dapat lagi diusahakan dengan lebih lagi supaya semua jabatan-jabatan, semua pejabat-pejabat daerah akan dapat dibantu oleh pasukan khas ini supaya mereka lagi dapat memberi khidmat yang lebih cepat tidak lagi tertangguh atau terikat kepada banyak kerja-kerja tunggakan yang perlu diselesaikan. Mereka boleh terus meneruskan perkara-perkara permohonan-permohonan yang baru diperkenalkan.

Bagi hal-hal yang berkaitan dengan pengeluar lesen-lesen, kita mengambil pendekatan iaitu pendekatan yang berasaskan kepada *a full discloser* kerana memberi segala maklumat berkaitan dengan sesuatu perkara yang dipohonkan dan keduanya pihak yang mengemukakan akan bertanggungjawab jika sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan untuk mendapat sesuatu lesen itu salah dan tidak menepati kehendak-kehendak undang-undang dan kesalahan itu akan menyebabkan mereka didakwa. Jadi dalam hal itu, kita harap dengan pengakuan-

pengakuan yang diberikan bagi tiap-tiap sesuatu yang dipohon dan dengan adanya tandatangan itu tadi oleh pihak yang mengemukakannya, hal-hal yang berkaitan dengan *engineering*, berkaitan dengan perumahan dan sebagainya pihak arkitek dan engineer perlu dengan itu menandatangani dan mengakui bahawa segala maklumat yang diberi itu benar dan kalau tidak benar, kalau salah mereka akan menerima hukuman-hukuman yang sesuai dan setimpal. Jadi dengan cara itu maka lebih cepat, masa dulu memanglah susah semuanya mesti bergantung kepada JKR. Sebab masa itu swasta kita, rakyat kita kekurangan tenaga profesional. Sekarang dengan adanya syarikat-syarikat mempunyai tenaga-tenaga profesional yang berkelulusan, yang berdaftar maka dengan itu kita *on the basis of disclosure* dan atas asas kita sama-sama bertanggungjawab agar lebih mudah dengan itu kita memproseskan sesuatu yang telah pun diakui dan ditandatangani sebagai relevan dan menepati dengan *spec* dan sebagainya. Lepas itu jika ada juga lawatan-lawatan yang dalamnya terbukti ada kesalahan-kesalahan maka tindakan akan diambil terhadap mereka.

Jadi dengan basis itu akan dipercepatkan lagi, ia mengambil masa juga yang berkaitan dengan perkara ini macam CF yang saya katakan dulu sebab ia memerlukan juga pindaan kepada beberapa undang-undang dan pihak kerajaan tempatan sedang berusaha untuk membawa pindaan itu ke Parlimen supaya dengannya pelaksanaan akan berjalan dengan lebih cepat.

Begitu juga dengan pembayaran-pembayaran yang kepada rakyat iaitu yang oleh Jabatan Kebajikan kalau dulu kita bayar melalui *post-office* mereka akan datang ambil tetapi sekarang ini ada kaedah yang boleh dibawa diturunkan pembayaran itu di bawah melalui bank maka penyampaian bantuan itu akan jadi lebih cepat lagi.

Berkaitan dengan ICT, projek *e-government* akan terus diusahakan supaya kita meningkatkan lagi kejayaan, kerana ini adalah satu kaedah yang akan mempercepatkan lagi urusan dengan rakyat, memenuhi tuntutan dan permohonan dan juga bayaran-bayaran yang boleh dibayar dengan sistem seperti ini. Jadi usaha-usaha seperti ini oleh Kerajaan Persekutuan sahaja belumlah dianggap sebagai mencukupi ataupun tidak penting lagi pada peranan kerajaan negeri. Kerajaan negeri masing-masing ada peranannya, ada banyak peranan yang memerlukan kerajaan negeri membuat keputusan dan ada kalanya untuk mendapat satu keputusan itu sesuatu permohonan itu naik berlapis-lapis tingkatnya.

Dan oleh sebab banyak sangat lapisan tingkatnya itu, maka itu juga menjadi satu perkara yang melambatkan. Saya tidak kata perkara ini tidak berlaku di peringkat Kerajaan Pusat, ada juga berlapis-lapis prosedur yang perlu dilalui, maka ini boleh jadi proses yang melambatkan.

Di samping itu juga dengan terlalu banyak agensi yang terlibat, usaha-usaha untuk memusatkan agensi-agensi ini dalam *one stop centre* adalah satu usaha yang sedang dalam tindakan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas jawapan yang telah diberikan kepada Parlimen pada hari ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam. Berkait rapat dengan perkhidmatan awam juga, berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita dapati bahawa sememangnya kerajaan telah berjaya melaksanakan Rancangan Malaysia Kelapan dan dalam masa yang sama terdapat beberapa kekurangan. Misalnya kalau di Sarawak kita dimaklumkan bahawa daripada 286 projek yang telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan hanya empat yang siap dan 282 dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di Kedah pula, daripada keseluruhan 100 peratus projek yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 80.2 peratus telah berjaya dilaksanakan, 19.8 peratus dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi berkait rapat dengan perkhidmatan awam ini adalah satu jentera pelaksana bagi Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan kepada soalnya.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Soalnya, apakah sebab-sebabnya berlaku kekurangan ini dan apakah kerajaan telah membuat satu *post-mortem* terhadap kekurangan-kekurangan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi tujuan tidak mengulangi lagi masalah ini bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, memang ada banyak projek-projek yang dilaksanakan itu. Ada di antaranya telah selesai dilaksanakan, ada yang dalam peringkat pelaksanaan dan sampai kepada tahap-tahap yang tertentu pada waktu ini. Jadi, ada juga yang belum sempat dilaksanakan oleh sebab masalah-masalah tanah dan pelbagai masalah lagi yang timbul. Kadang-kadang hal tanah pun kalau dibangkang oleh rakyat, dibawa ke mahkamah dan dapat *court injunction*, maka tidak berjalanlah projek yang berkenaan akan tertangguh juga sementara menunggu penyelesaian daripada mahkamah. Kadang-kadang kalau mahkamah itu memberi keputusan yang lain pula, maka kita berusaha pula untuk mencari tanah yang lain.

Walaupun begitu, apa yang telah pun dirancang dan apa pun yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, ia dibawa ke hadapan, ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Adalah masih menjadi perkara yang mesti dilaksanakan terus di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, bukan kita hendak biar terbengkalai begitu sahaja. Inilah proses pembangunan. Ada yang berjalan pada tahun rancangan Malaysia yang dulu lepas itu disambungkan kepada rancangan Malaysia yang berikutnya, diselesaikan pada waktu itu.

Rancangan-rancangan yang dijalankan, ada Rancangan Malaysia Kelapan yang mungkin dijalankan kepada tahun yang terakhir. Dengan itu tidak mungkin rancangan atau

projek yang akan mengambil masa dua tahun dapat diselesaikan dalam tahun akhir Rancangan Malaysia Kelapan, maka dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi, saya tidak ada makluman itu, tetapi memang sudah pun disampaikan secara keseluruhan mengenai kedudukan situasi berkaitan dengan pendaftaran projek-projek yang telah terbengkalai, yang telah menjadi masalah, yang tidak dapat dilaksanakan dan dalam pelaksanaan dan juga yang berkaitan yang telah pun dilaksanakan. Semuanya ini adalah perkara yang menjadi penting untuk menentukan banyak mana lagi wang yang mesti diperuntukkan untuk meneruskan pelaksanaan dan menyiapkan projek-projek yang dimulakan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kita masih terus dan di samping itu juga kita memerlukan juga peruntukan-peruntukan tambahan untuk memulakan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, mungkin di antaranya tidak dapat diselesaikan pelaksanaannya. Kalau ia mengambil masa yang lama pergi ke tahun yang kesepuluh dan begitulah kaedah kita melaksanakan pembangunan bagi negara kita.

Kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tadi khususnya berkaitan dengan situasi di Sarawak itu, saya boleh sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai situasi projek-projek yang berkenaan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Banyak faktor yang membawa kepada masalah tidak begitu mantapnya prestasi perkhidmatan awam termasuk prosedur kewangan dan sebagainya. Soalan saya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedia menimbang untuk mengkaji satu sistem yang dikemukakan oleh Islam untuk memantapkan prestasi perkhidmatan awam yang disebut sebagai "*ubudiah, masuliah dan itqaan*". Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Apa yang kita laksanakan pada waktu ini, semua yang kita laksanakan itu bertujuan untuk memberi khidmat kepada rakyat, tidak bertentangan dengan kehendak agama kita.

Keduanya, kita juga hendak menerangkan bahawa pihak yang terlibat dalam usaha-usaha untuk memberi perkhidmatan itu perlu diperbaiki, perlu ditingkatkan kemampuan dan kebolehan daripada segi ilmu pengetahuan dan di samping itu juga dibekalkan dan dipastikan berwibawa.

Ini adalah perkara yang amat penting dalam hal yang berkaitan dengan pembangunan tenaga insan dan pembangunan tenaga kerja kita. Bukan setakat pandai dan setakat mahir, tetapi juga mesti yang berbudi bahasa dan berwibawa dan tidak mudah terdorong untuk menerima rasuah ataupun menyalahgunakan kuasa. Ini adalah satu kerja yang memerlukan masa yang lama hendak menukar minda, hendak menukar cara. Hendak menukar perangai ini bukan satu perkara yang mudah. Saya percaya Yang Berhormat sendiri pun memahami sebagai seorang wakil rakyat dan ada pula kerajaan di negeri Kelantan.

Di samping itu dari segi peningkatan usaha-usaha untuk menambah baik lagi cara mereka bekerja, itu memang sebagaimana yang saya katakan, diteruskan. Jadi, soalnya yang kita buat itu, saya yakin bahawa ini menepati dengan kehendak kita dan juga menepati dengan prinsip-prinsip *Islam Hadhari*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*. Saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 24(3).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat bukannya datang selalu ke Dewan bersidang. [*Dewan riuh seketika*] Dengar, dengar. Saya tahu beliau sangat *busy* tetapi beliau ada di sini, jadi lebih soalan perlu diberi kepada semua. Saya tahu Yang Amat Berhormat sangat sibuk tetapi apabila beliau ada di sini, bukankah lebih baik kita diberi kesempatan, lebih soalan dikemukakan kepada beliau.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu soalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu soalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah. Jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi sudah[*Dewan riuh semula*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akauntabiliti. Akauntabiliti.

Tuan Yang di-Pertua: memadai, ya. Sudah cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Banyak negara ada satu - *our special session for the Prime Minister* untuk menjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mohon satu soalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup, ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekurang-kurangnya satu, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini adalah satu perkara ...

Tuan Yang di-Pertua: Saya berpendapat bahawa jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah memadai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Masih berdiri*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, silakan.

4. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bagaimana beliau bercadang untuk menyelesaikan krisis pengajian tinggi yang ditunjukkan oleh kedudukan antarabangsa universiti-universiti Malaysia yang rendah bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada krisis pengajian tinggi di Malaysia, yang ada cuma beberapa isu yang perlu ditangani oleh

kerajaan dalam meningkatkan lagi kualiti pengajian tinggi dalam negara kita. Benar, hanya terdapat sebuah universiti awam di Malaysia yang disenaraikan di kalangan 200 universiti terkemuka yang dikeluarkan oleh *Times Higher Education Supplement* 2005. Namun ia tidak bermakna bahawa pengajian tinggi di negara kita secara keseluruhannya sedang mengalami krisis.

Menurut sistem pemilihan tersebut universiti dinilai mengikut enam kriteria iaitu, dengan izin:

- (i) *Peer Review Score*;
- (ii) *Recruiter Review*;
- (iii) *International Faculty Score*;
- (iv) *International Students Score*;
- (v) *Faculty to Students Ratio*; dan
- (vi) *Citations per Faculty*.

Kementerian Pengajian Tinggi komited untuk membawa taraf pengajian tinggi negara ini ke tahap yang lebih tinggi supaya Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah perkara-perkara berikut:

- (i) mewujudkan kerangka kelayakan Malaysia bagi memastikan *politer academic* yang ditawarkan adalah setanding dengan program akademik yang ditawarkan oleh universiti terkemuka di luar negara;
- (ii) menambah bilangan tenaga akademik berkelayakan Ph.D kepada sekurang-kurangnya 75 peratus menjelang tahun 2015;
- (iii) memulakan *strategic partnership* khususnya dalam latihan pensyarah di antara institusi pengajian tinggi Malaysia dengan universiti terkemuka di dunia seperti Imperial College, London;
- (iv) mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menubuhkan *research university* dan memastikan Malaysia terus menjadi pusat kegiatan keilmuan;
- (v) pendekatan dengan izin, *plastering* bagi menggalakkan IPTA tempatan berkongsi kepakaran dengan sumber yang ada serta mempunyai *niche* dalam bidang tertentu;
- (vi) meningkatkan daya saing termasuklah dengan izin, *employability* para graduan, dengan itu kita akan memantapkan hubungan antara universiti dengan industri.

Kerajaan yakin apabila dilaksanakan usaha-usaha ini, maka kita akan dapat meningkatkan kualiti pengajian tinggi dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas pelantikan beliau. Sungguhpun

penafian beliau ada satu krisis boleh dikatakan tinggi, bukan merupakan satu permulaan baik yang baru oleh sebab nampaknya ini satu *denial syndrome* yang masih menghantui pihak kerajaan. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri ada membuat satu pengumuman bahawa beliau berhasrat untuk menempatkan dua universiti dalam 50 universiti yang terbaik di dunia pada 2010 dan hasrat ini kita sokong dengan sepenuhnya.

Dengan tujuan itu, adakah Yang Berhormat Menteri rela mengadakan satu pendekatan yang baru, khasnya baru-baru ini, di akhir bulan ini, oleh sebab kekosongan jawatan Naib Canselor Universiti Malaya akan timbul oleh sebab kontrak Naib Canselor akan tamat. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk menggunakan peluang ini untuk menunjukkan hasrat dan keazaman kementerian untuk mengadakan satu pendekatan yang baru mengenai *higher education* khasnya melantik seorang *Vice Chancellor* yang ada tokoh akademik dan bukan *mediocrity* dan bukan seorang *vice chancellor bill board* atau *trade exhibition vice chancellor*? Ini mustahak *only set the tone* mengenai akademik budaya dan khasnya menggantungkan segala *disciplinary action* mengenai UUCA yang baru-baru ini tujuh pelajar lagi menghadapinya, bukankah menunjukkan satu iklim yang baru mengenai kecemerlangan universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya umumkan Zahid *High Education Report* dan lain-lain....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, Menteri akan jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat Menteri rela buat begitu?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa kerajaan mengakui ada isu-isu yang perlu ditangani tetapi tidaklah sampai krisis. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor gemar sangat menggunakan perkataan 'krisis'. Ada sikit krisis. Yang krisis DAP bukan Barisan Nasional, ya? *[Disampuk]*

Kita bukan ada di dalam keadaan '*denial syndrome*'. Kerajaan ini mengakui ada isu-isu yang perlu ditangani dan kita akan buat secara *constructive*. Saya tahu bahawa pendidikan merupakan satu perkara penting yang melibatkan kita semua – rakyat Malaysia, termasuk Ahli Dewan dan kerajaan memandang serius segala input dan pandangan daripada wakil rakyat dan Ahli-ahli Parlimen. Kita akan meneruskan usaha-usaha untuk memantapkan lagi kedudukan universiti.

Yang pertama berkaitan dengan Naib Canselor Universiti Malaya. Beliau masih lagi berkhidmat pada masa ini, belum tamat tempoh, maka itu belum tiba masanya untuk dibuat sebarang keputusan. Walaupun siapa jua yang dilantik semua naib canselor di universiti Malaysia ini kita akan pastikan bahawa mereka merupakan yang terbaik di kalangan tokoh-tokoh yang layak untuk menjawat jawatan tersebut.

Saya ingin menyatakan bahawa yang ada pada hari ini merupakan tokoh-tokoh yang terbukti kemampuan mereka, sebab itu mereka dilantik sebagai naib canselor dan saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita akan teruskan tradisi ini iaitu melantik mereka yang terbaik.

Yang lain-lain, berkaitan dengan AUKU, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita sedang menilai beberapa kes yang sekarang ini berada di universiti, mengambil kira kepentingan awam dan juga kepentingan untuk adil kepada pelajar-pelajar berkenaan. Kita sedang meneliti semua kes ini dan dalam kes terbaru saya maklumkan di Dewan ini peristiwa bulan September yang lalu, yang berlaku di Parlimen. Perkara ini telah dibawa kepada Lembaga Tatatertib Universiti Malaya dan semalam mereka telah membuat keputusan bahawa kes terhadap 17 orang yang berkenaan telah digugurkan oleh kerana tidak cukup bukti. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa tidak ada krisis dalam pengajian tinggi kita yang ada cuma dalam minda parti pembangkang sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua pada masa-masa lalu kecemerlangan universiti adalah melalui graduannya, graduan yang kita keluarkan. Kalau yang mempunyai ijazah pertama yang *second uppemya* kelas dua atas diterima masuk di mana-mana universiti di dunia.

Begitu juga yang mempunyai ijazah *master*, sarjana diterima masuk di mana-mana sahaja universiti di dunia dan ini merupakan satu kecemerlangan. Jadi, dengan adanya universiti ringking baru-baru ini yang dikatakan krisis oleh parti pembangkang adakah ini menurun dari segi pengiktirafan dunia terhadap universiti-universiti khususnya universiti awam di negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Malaysia, graduan Malaysia yang melanjutkan pengajian di luar negara yang pertamanya diterima oleh universiti tersebut. Ia menunjukkan pengiktirafan mereka kepada taraf ataupun tahap pencapaian kita, yang keduanya ada antara mereka yang mencapai kejayaan yang amat cemerlang.

Oleh yang demikian kita merasakan bahawa secara umumnya mutu atau kualiti pendidikan negara kita adalah baik kerana pelajar kita masih lagi diterima oleh institusi pengajian tinggi luar negara untuk membuat *Masters* dan *Ph.D.* Dalam pada itu kita tak berpuas hati kerajaan hari ini akan teruskan usaha-usaha ini, kalau dulu baik hendak tambah baik lagi supaya kita menjadi terbilang. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berapakah jumlah syarikat MSC yang telah ditubuhkan dan apa perancangan pihak Kementerian bagi menyuburkan kembali perkembangan MSC.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulung pada 26.4.2006 nanti, kerana ia

menyentuh perkara yang sama iaitu bilangan syarikat yang berjaya dapat status MSC, kejayaan dan peranan MSC, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rancangan MSC setakat ini boleh dianggap berjaya berdasarkan pertama kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan dan yang kedua pengiktirafan agensi-agensi yang terkemuka di dunia. Pada fasa pelaksanaan yang pertama yang berakhir pada 30 Disember, 2003, MSC telah berjaya melepasi segala sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan. MSC telah berjaya menubuhkan satu koridor dan menarik pelaburan 973 syarikat berstatus MSC di mana 60 adalah syarikat yang bertaraf global.

MSC juga telah menyediakan 19,061 peluang pekerjaan menghasilkan lebih daripada 5.8 bilion jualan di mana 1.24 daripadanya adalah untuk eksport negara. Tujuh ekapaksi perdana seperti MyKad telah dilancarkan dan Cyberjaya pula telah disasarkan menjadi bandar pintar bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, fasa kedua pula merancang penubuhan sehingga 10 ribu syarikat ICT termasuk 3,750 bertaraf MSC dan 250 syarikat MSC bertaraf dunia Insyah-Allah. Syarikat-syarikat tersebut dijangka akan mewujudkan 245 ribu peluang pekerjaan dan disasarkan 69 bilion hasil jualan di mana 29 bilion dirancang sebagai hasil eksport negara. Di fasa kedua, MSC memberi tumpuan kepada tiga bidang utama Tuan Yang di-Pertua:

- (i) mempertingkatkan penumbuhan MSC sebagai global ICT hub dan menarik lebih banyak lagi usaha-usaha R&D dan penyertaan syarikat-syarikat global seperti industri SSO;
- (ii) keluasan MSC ke seluruh negara dan peringkat lagi industri ICT tempatan;
- (iii) menambah penggunaan dan pengambilan produk dan *services* ICT tempatan Yang Berhormat inovatif.

Mesyuarat majlis pesanan ICM ke-17 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Jun, 2004 telah meluluskan pelan pelaksanaan projek MSC *National Roll Out* bagi tujuan memperluaskan MSC secara berperingkat ke seluruh negara dengan membentuk atau membenarkan MSC *Cyber City* dan MSC *Cyber Centre* ditubuhkan di kawasan-kawasan luar koridor di yang mempunyai prasarana yang bersesuaian.

Yang Berhormat Perdana Menteri mahu dalam pelaksanaan ICT supaya seluruh negara, seluruh rakyat Malaysia mendapat manfaat ini Insyah-Allah. Kriteria-kriteria MSC *Cyber City* dan MSC *Cyber Centre* ini antara lain termasuklah kesediaan dari segi infrastruktur pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif perkhidmatan penerangan yang berkualiti dan juga program-program pembangunan usahawan inkubator dan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam R&D dan pembekalan tenaga profesional dan sesuai.

Ini adalah kritikal bagi menjamin insentif MSC bila berganti dapat ditawarkan kepada syarikat berstatus MSC seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi mengukuhkan usaha-usaha ini, kerajaan baru-baru ini telah melantik seorang ketua eksekutif yang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang ICT swasta dan juga kerajaan telah mengukuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan tokoh-tokoh yang berpengalaman dalam bab ICT dan swasta. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari apa yang diucapkan oleh Menteri tadi, tidak mempertikaikan terhadap syarikat-syarikat yang ianya telah berjaya dan apatah lagi dengan syarikat yang berada di peringkat global, lebih daripada 60 syarikat. Apa yang saya nak mengetahui ialah berapa peratus di antara syarikat-syarikat MSC ini yang berada di tahap yang dikatakan daif dalam istilah seperti mana yang kita dengar sebelum pada ini ada syarikat-syarikat yang agak tidak mampu hendak menandangi syarikat-syarikat yang lebih maju menyebabkan dia mendiamkan diri atau pun terus menjauhkan diri daripada perlumbaan dengan syarikat-syarikat yang lebih hebat pada masa ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya agak kagum dengan minat Rantau Panjang dalam bidang ICT, mungkin ini dapat apa orang kata, satu nafas baru oleh Setiausaha Agung PAS, saya kiralah. Ini, terima kasih Yang Berhormat tentang isu untuk membina dan membangun usaha kita membina satu rangkaian usahawan tempatan itu memang benar.

Sekarang ini kita sedang melihat kembali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sabarlah Yang Berhormat kita menunggu-nunggu pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, usaha-usaha baru yang kita akan lancar untuk membina dan membantu atau menyediakan prasarana kukuh untuk membentuk pula usahawan-usahawan tempatan dan industri tempatan ICT. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kejayaan yang telah dicapai oleh Menteri kita sejak beliau duduk di kementerian itu, tetapi saya ingin bertanya apabila orang bercakap tentang kemajuan dalam industri ini yang sering disebut adalah pemain baru ialah China, India dan Singapura, China, India dan Singapura dan saya dalam jurnal-jurnal antarabangsa saya tidak nampak Malaysia disebut pun. Memandangkan kita ini banyak kemajuan apakah sebabnya kita belum sampai di radas *screen* dunia.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih daripada pandangan Sri Aman, memanglah apa juga usaha baik kerajaan itu pihak DAP tidak akan menerimanya. Mungkin dia memerlukan satu kepimpinan baru di DAP untuk membalas satu pembaharuan dalam DAP, kita tidak tahulah. Menunggu mungkin anaknya nanti, insya-Allah seperti berlaku di

suatu negara jiran [*Ketawa*]. Kita memang sedang melihat Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat.

Kita nampak bahawa satu obor di kiri dan kanan Malaysia iaitu satu pertumbuhan yang amat mendadak dari segi penyertaan pembangunan ICT di negara China dan India. Sebab itu baru-baru ini kerajaan membuat keputusan kita kena lihat kembali usaha kita, perancangan kita membangunkan ICT negara. Sebab itu saya nyatakan tadi, kerajaan telah bersetuju untuk mengukuhkan peringkat Lembaga Pengarah dan melantik seorang satu Ketua Eksekutif yang baru yang terlibat dalam swasta. Beliau merupakan satu anggota pentadbiran daripada satu syarikat Multinasional yang di panggil HP (Hewlett & Packard).

Dengan ini kita meminta beliau dan Lembaga Pengarah melihat kembali perancangan kita usaha kita bagaimana kita boleh kembali untuk duduk sebagai satu obor dalam peta dunia dalam pelaksanaan ICT negara, sabarlah Yang Berhormat nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan mengumumkan berapa usaha kita membawa arah kemajuan ICT yang lebih unggul dan terbilang di masa akan datang, insya-Allah.

6. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah proses pengisian borang Lembaga Hasil Dalam Negeri ketika ini mengambil kira kepentingan dan kehendak para pelanggan dan berapakah peratus yang mengembalikan borang tersebut berbanding dengan yang dihantar oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Yang di-Pertua, dengan izin saya memohon soalan pertanyaan mulut Yang Berhormat Tangga Batu pada 22 Mac, 2006 di jawab bersama jawapan ini kerana ia berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa ingin memastikan proses pengisian borang cukai pendapatan mengambil kira kepentingan dan kehendak para pelanggan. Dari segi pengisian borang, kemudahan telah diberi kepada pembayar cukai melalui taksir sendiri (SGS) untuk memilih kaedah borang yang hendak diisi seperti berikut:-

- (i) kaedah *e-filling internet* iaitu mengisi dan menghantar Borang Cukai Pendapatan secara elektronik;
- (ii) kaedah pengisian borang secara *e-filling* iaitu muat turun borang yang diisi secara elektronik;
- (iii) muat turun borang melalui laman *web* yang diisi secara manual; dan
- (iv) Borang Cukai Pendapatan yang dihantar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Dari segi format Borang Cukai Pendapatan pelaksanaan sistem taksiran sendiri juga telah dipermudahkan sebanyak 50 peratus di samping nota penerangan dan buku panduan yang lebih jelas dan lebih mudah untuk membantu pembayar cukai membuat perkiraan. Pembayar cukai juga tidak perlu mengemukakan resit-resit tuntutan semasa menghantar borang cukai pendapatan di samping dapat mengetahui jumlah bayaran yang perlu dilunaskan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri semasa perkiraan dibuat. Kadar pengembalian Borang Cukai Pendapatan Individu bagi tahun taksiran 2004 adalah hampir 70 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah sistem taksiran sendiri sewajarnya tiada kelewatan di dalam proses mentafsir cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana taksiran cukai berkenaan dibuat sendiri oleh pembayar cukai. Taksiran tersebut muktamad dan sekiranya ada kekurangan pembayaran daripada jumlah yang ditaksirkan, pembayar cukai hanya perlu membayar bakinya sahaja. Pembayar cukai juga boleh membuat pindaan kepada taksiran pada bila-bila masa. Dengan itu isu masa terlalu lama untuk semakan dan pengembalian kepada pembayar cukai adalah tidak berbangkit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan cukai pendapatan ini memberi kesan langsung kepada penambahbaikan pengurusan aliran tunai negara. Lembaga Hasil Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua, ialah salah satu agensi utama yang memungut hasil di bawah kementerian ini. Menerusi slogan Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu Mesra, Membantu dan Memuaskan sudah pasti ia akan menepati segala keperluan pelanggannya.

Yang Berhormat Menteri telah menyebut tentang *e-filing* dan saya difahamkan ia satu kaedah pengisian dan penghantaran borang penyata cukai pendapatan secara elektronik melalui *internet*. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah menerusi pelaksanaan *e-filing* yang sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, sejauh manakah jangkaan Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap pembayar cukai individu untuk menghantar semula borang cukai masing-masing menerusi *internet* pada tahun ini jangkaan Yang Berhormat Menteri dan sedangkan kita tahu rakyat Malaysia ini suka sangat pada *last* minit sindrom ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Memang *e-filing* baru dimulakan dan mengikut budaya masyarakat kita akan memakan masa sedikit untuk rakyat kita memilih secara *e-filing* untuk menghantar borang balik kepada *income tax*. Tetapi kerajaan telah mengambil tindakan dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengambil tindakan untuk membantu dan untuk menyebarkan banyak maklumat tentang *e-filing* kepada pembayar cukai supaya kita dapat memperbanyakkan lagi rakyat yang menggunakan kaedah ini.

Pada tahun ini saya tidak fikir lebih dari 10% akan menggunakan sistem *e-filing*, tetapi kita harap dalam tempoh lima tahun ini majoriti akan menggunakan *e-filing*. Dari kajian kita, kita dapati juga bahawa angkatan muda, mereka yang umur kurang dari 40 tahun lebih berminat kepada kaedah *e-filing* berbanding dengan angkatan tua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *e-filing* tadi, saya juga ingin bertanya adakah benar-benar selamat ataupun terjamin kepada pembayar-pembayar cukai individu dalam membayar melalui *e-filing* tadi, dan juga kita dapati bahawa masalah yang selalu ditimbulkan ialah berkenaan dengan pembayaran balik kepada mereka yang telah membayar cukai tetapi terlebih bayar. Jadi, adakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mempunyai kaedah supaya tidak, kalau kita lambat bayar kita didenda, tetapi kalau sudah terlebih bayar macam mana pula. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yackop: Tuan Yang di-Pertua, sistem *e-filing* ini memang selamat dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memberi jaminan bahawa sistem ini selamat. Tentang pembayaran balik pada tahun ini, kita telah mengasingkan borang cukai pendapatan kepada dua kategori, yang pertama yang kena bayar cukai, yang kedua yang perlu dibayar balik cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dengan asingkan borang-borang ini, kita harap, kita yakin, kita dapat membayar balik cukai yang terbayar itu dalam masa yang singkat. Terima kasih.

7. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan tentang status tanah kerajaan di *Rubber Research Institute* di Sungai Buloh, Selangor. Adakah kerajaan bercadang untuk 'melelong' tanah tersebut seperti yang dilaksanakan di Hong Kong dan Singapura?

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah kerajaan di *Rubber Research Institute* atau Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh, Selangor, masih lagi berstatus tanah kerajaan. Walaupun terdapat cadangan untuk membangunkan tanah tersebut, kerajaan masih meneliti lagi cadangan tersebut dan belum membuat apa-apa keputusan terhadapnya. Oleh itu, adalah terlebih awal untuk menentukan sistem atau cara pengagihan tanah tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Tanah yang besar ini di Sungai Buloh, Selangor ialah lebih kurang 4000 ekar, dan saya ingat boleh dibahagikan kepada 8 keping, dan juga setiap tahun kerajaan boleh, dengan izin, *option* dua keping tanah itu kepada syarikat atau individu yang minat. Apa pandangan kerajaan atas cadangan ini?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Seperti yang saya sebut Yang Berhormat, apabila kerajaan sudah membuat satu keputusan untuk membangunkan tanah tersebut, maka masa itulah yang sesuai untuk kerajaan membuat keputusan sama ada cara sistem pengagihan itu adalah menggunakan tender yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kebanyakan tanah-tanah kerajaan ini dok kira hendak swasta sahaja. Ada sebesar kandang kera pun, swasta, jual. Lama-lama orang kaya, kerajaan miskin, dan akhirnya kita pun naik cukai dan sebagainya. Jadi sekarang ini kita hendak cabut tempat *research* ini. Mungkin ada alternatif, ia akan bagi alternatif *center* jauh pula ke dalam hutan atau mana jadikan *research center*.

Tidak apalah kalau hendak mai Kedah pun saya hendak cari tanah bagi tidak apa. Tetapi, maksud saya apa salahnya *research center* itu duduk di situ kita tunjukkan kepada dunia *we are the master of the rubber*, dengan izin. Pasal apa hendak bawa ini pergi dalam hutan pula kerana hendak bangunkan tanah itu. Jadi, saya tidak bersetuju, tidak usahlah buat kerja-kerja macam itu, sudahlah. Zaman swastakan tanah sudah selesai, sampai banjir naik sampai tengah malam habis katil, kereta orang. Katil orang boleh bergerak dalam bilik, air boleh naik. Empat-empat kaki air naik, faham atau tidak Tuan Yang di-Pertua. Air naik empat kaki.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, apakah pihak kementerian akan sokong penswastakan ini? Saya tidak sokong, kekalkan tanah itu, *Rubber Research Institute* di situ supaya kita boleh tunjuk kepada dunia, ini dia negara yang mengeluarkan *rubber*. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah jawab. Menteri sudah jawab tadi. Mereka tidak setuju lelong dia kata. Tidak setuju dijualkan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belum.....

Tuan Yang di-Pertua: Belum....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Belum buat keputusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, kita kata tidak usah, jadi Datuk kena khabar kepada Kabinet, tidak boleh. Datuk kena jawab. [Ketawa]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita faham tanah memang kita susah didapati di Lembah Klang ini, dan sebab itulah buat masa sekarang, kementerian tidak membuat apa-apa keputusan yang terakhir. Walaupun saya sebut tadi ada cadangan, tetapi cadangan ini perlu diteliti oleh EPU dan kita sudah hantarkan semua cadangan yang didapati daripada pihak swasta kepada EPU untuk diteliti. Kalau sesuai satu keputusan akan dibuat, bukan untuk kementerian sahaja yang menentukan tanah itu sama ada diswastakan atau dilelong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

ANCAMAN VIRUS AVIAN – LANGKAH PENCEGAHAN GAGAL

11.07 pagi

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya M. Kulasegaran Ahli Parlimen kawasan Ipoh Barat bawah di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) dengan ini mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan kepentingan orang ramai teks usul seperti berikut.

Sepanjang atau lebih kurang dua tahun yang lalu, virus *Avian* telah mengancam manusia dan burung di negara China, Vietnam dan negara-negara jiran. Selama ini kami berada dalam keadaan yang selesa dan juga mula berpuas hati. Sepanjang atau lebih kurang dua tahun yang lalu, kita gagal mengadakan kempen-kempen di seluruh negara terhadap dan mengambil tindakan atau cara-cara dan langkah-langkah mencegah termasuk imunisasi dan pembersihan kesemua kawasan-kawasan di mana terdapat ternakan ayam.

Tindakan yang cukup belum diambil, namun kami hanya menunggu pencetusan virus *Avian* di negara kami. Kerajaan hanya mengambil sikap non-proaktif dan tidak bertanggungjawab. Hanya baru-baru ini selepas pencetusan virus *Avian* di Malaysia, Majlis-majlis tempatan baru bangkit untuk mengambil tindakan untuk memberhentikan pembelaan ayam di taman-taman perumahan. Kenapa tindakan ini tidak dilaksanakan sejak dahulu lagi?

Krisis kesihatan di Sarawak baru-baru ini, kanak-kanak telah maut akibat daripada penyakit tangan, kaki dan mulut. Namun, apakah sumber virus *Enterovirus 71*, dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mencegah penyakit sebelum ledakan berlaku? Pada tahun 1997, kurang dari 10 tahun yang lalu, lebih 30 kanak-kanak telah meninggal dunia di Sarawak akibat daripada virus *Enterovirus 71* (EV71) ini. Tidakkah tragedi ini memberi pengajaran yang secukupnya? Apakah langkah-langkah jangka masa panjang yang diambil untuk mengelak daripada perkara ini berulang. Terdapat persamaan yang dapat dilihat di sini dan di antara Sarawak dan Semenanjung iaitu kurangnya pro-aktif dan langkah-langkah pencegahan. WHO

iaitu *World Health Organisation* telah mengeluarkan kriteria untuk mengatasi virus *Avian Influenza* terhadap burung dan manusia.

Setakat manakah kerajaan mengikut kriteria-kriteria yang dikeluarkan? Rakyat Malaysia pohon agar satu *transparency* dengan memberitahu rakyatnya cara-cara mencegah dan mengatasi wabak berbahaya ini. Ketakutan yang paling menyerlah di antara rakyat pada hari ini adalah, adakah ianya selamat untuk memakan ayam, daging ayam dan daging-daging yang lain? Virus ini sedang menghampiri dengan cepat kesemua rumah rakyat negara ini. Bagaimana kami boleh membasmi virus ini dan bilakah kami boleh bebas dari genggaman virus ini? Kami memerlukan langkah-langkah penawar yang kuat termasuk penemuan yang baik dan agihan risalah kepada setiap rakyat di negara ini untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Ipoh Barat pada hari Isnin 20 Mac 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan - perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), Usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kilang dan Jentera 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[20 Mac 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Dungun.

11.13 pagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya seperti rakan-rakan yang lain menjunjung kasih di atas Ucapan Titah Diraja pada 13 Mac yang lalu dalam satu Majlis Pembukaan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melalui pelbagai cabaran, kehidupan dalam negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan telah diasaskan agak begitu lama. Dan selepas kita melalui beberapa pembentukan negara kita, sebenarnya negara kita telah diasaskan kerana kita mempunyai berbilang etnik dan kita melakukan melalui program ataupun dasar integrasi dan bukannya dasar asimilasi sebagaimana dianuti oleh negara-negara tertentu seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Australia.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Malaysia pada asasnya adalah merupakan sebuah masyarakat *plural*, yang pada biasanya di dalam dunia ini adalah merupakan sebuah masyarakat yang tentunya tidak akan stabil dan tidak akan bersatu padu kerana kuatnya pemisahan budaya yang merenggangkan interaksi di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Tetapi dalam masyarakat *plural* Malaysia yang mengamalkan dasar integrasi telah melalui beberapa proses mengikat kekuatan sosial dan perpaduan kita yang telah bermain peranan begitu baik dalam menyatupadukan masyarakat kita dengan melihat isu-isu pendidikan, tradisi dan sebagainya.

Pada tahun 1969 apabila berlaku suatu kejutan kepada sebahagian daripada rakyat kita iaitu 13 Mei, negara telah mewujudkan sebuah falsafah besar yang dinamakan Rukun Negara yang dicadangkan sebagai ideologi negara, akhirnya dilahirkan menerusi perbincangan serius dalam Majlis Gerakan Negara iaitu MAGERAN, Majlis Perundangan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara yang pada itu juga diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara bagi saya ialah merupakan satu daripada teras, teras utama dalam kita mengikat kekuatan, perpaduan rakyat kita dalam menuju pelbagai wawasan dan juga pelbagai rancangan membangunkan rakyat dan menyelamatkan negara kita daripada ancaman sama ada dalam ataupun luar negara.

Rukun Negara mempunyai 5 prinsip, kita pun tahu bahawa Rukun Negara sekarang ini dilihat sebagai satu daripada aspek yang tidak lagi berada di dalam budaya masyarakat dan rakyat kita. Kita sebenarnya hanya menggunakan 5 prinsip Rukun Negara ini sebagai ucapan di merata-rata termasuk di sekolah-sekolah dan sebagainya, tetapi tidak dihayati sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat dan rakyat di dalam negara kita.

Kita boleh menyebut Kepercayaan Kepada Tuhan; Kesetiaan Kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang; Kesopanan dan Kesusilaan sebagai 5 prinsip. Tetapi kadang-kadang kita juga lupa kepada 5 hasrat mengapakah terlahirnya 5 prinsip Rukun Negara itu?

Prinsip ini kadang-kadang boleh dibaca tetapi tidak dihayati oleh pelbagai masyarakat kita kerana kita tahu bahawa prinsip Rukun Negara ini tidak dijadikan sebagai satu rukun rakyat yang patutnya berada di dalam budaya masyarakat kita. Sebab itu dedikasinya kita untuk menyatakan sebagai rakyat Malaysia selepas kita mengenali prinsip 5 perkara, kita juga mempunyai 5 hasrat bagaimanakah Rukun Negara itu dilahirkan? Mencapai perpaduan tulen seluruh rakyat, alhamdulillah kita mempunyai perpaduan tetapi penghayatan nampaknya kita masih berkurangan.

Dan juga mengekalkan satu cara hidup dalam masyarakat kita secara demokratis dengan membentuk sebuah masyarakat yang adil, dengan mengagihkan kekayaan negara kita yang harus kita nikmati bersama dan memastikan suatu pendekatan yang liberal kepada tradisi

budaya yang kaya dan pelbagai kerana kita telah melalui satu proses, apa yang kita namakan proses integrasi dan tidak melalui asimilasi. Dan akhirnya ialah membina sebuah masyarakat yang progresif dan berorientasikan sains dan teknologi moden.

5 hasrat ini sebenarnya tidak dihayati sepenuhnya oleh rakyat kita. Dan saya minta akhir-akhir ini kita nampak Kementerian Penerangan ada meletakkan buat gerakan sedikit sebanyak, bagaimanakah generasi yang ada pada hari ini dan juga generasi muda dalam negara kita yang hampir 50% nya perlu tahu dan menghayati prinsip dan juga hasrat Rukun Negara kita.

Sebab itu saya berharap kerajaan dapat melihat hasrat dan prinsip Rukun Negara ini secara jelas dan mantap dengan menyentuh lima matlamat utama tadi. Dengan mencapai perpaduan rakyat secara tulen dan akhirnya kita berharap perkara ini dapat dijadikan sebahagian daripada rukun rakyat. Kalau rukun kalau kita kerja haji Tuan Yang di-Pertua rukun satu tinggal kita tidak akan menjadi sempurna dalam pekerjaan ibadat haji kita jadi kalau kita ada mempunyai lima rukun yang diletakkan pengertian dan definisi rukun ini mestilah dilaksanakan secara menyeluruh, secara berprinsip, secara total supaya kita menjadi seorang rakyat dan juga sebagai warganegara yang dapat memenuhi cita rasa dan matlamat Rukun Negara kita tadi.

Oleh demikian, kita pun tahu oleh kerana Rukun Negara telah dilahirkan dengan berasaskan kepada keluhurannya dan ianya berasaskan kepada lima hasrat dan lima prinsip tadi maka saya ingin mencadangkan kerana di dalam Perlembagaan Malaysia tidak mempunyai suatu mukadimah atau *preamble* yang menyatakan bahawa hasrat murni matlamat kewujudannya kerana kalau kita melihat seperti yang berlaku dalam Perlembagaan United States of America dengan izin dia mempunyai mukadimah enam perkara. Jadi saya rasa elok juga, pada hari ini kita mencadangkan supaya Rukun Negara ini dapat difikirkan oleh kerajaan supaya kita dapat sama ada mukadimah Rukun Negara ini sesuai untuk diterapkan sebagai mukadimah di dalam Perlembagaan negara kita supaya hasrat murni Rukun Negara itu dianggap luhur secara perundangan dan kita perlu beri perhatian oleh pakar-pakar perundangan dan akhirnya ia akan menjadi satu daripada budaya di dalam masyarakat kita.

Tujuan saya mengetengahkan isu Rukun Negara pada hari ini.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya kira apa yang telah ditimbulkan itu ialah satu perkara yang cukup penting sekali. Saya mohon penjelasan ya tentang Rukun Negara ini sebagai satu agenda penting sebagai *the malting port* ataupun tempat di mana kita adun kita masak dalam usaha kita hendak membina sebuah masyarakat yang bersatu padu. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah Rukun Negara sekarang ini yang telah pun berusia hampir 37 tahun itu merupakan sesuatu yang bersifat sekali skala *one off* bila mula dilancarkan kita riuh rendah dengan konsep, dengan pendedahannya

tetapi kemudiannya dia semakin pudar. Apakah ini berlaku dalam keadaan di negara kita sekarang ini Yang Berhormat? Yang keduanya saya ingin mengalu-alukan cadangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi apa, kata kalau sekiranya dalam setiap agensi kerajaan, dalam setiap kurikulum kerajaan ini unsur-unsur dan prinsip Rukun Negara dan juga dengan ikrarnya sekali itu diterapkan dari segi kedaulatan undang-undang, dari segi keberadaban, kesopanan kesuisilaan, ertinya merentasi semua agenda pembangunan negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sebenarnya kita tentang Rukun Negara ini memang kita sebenarnya gagal terutama sekali meletakkan generasi muda kita dalam apa yang dikatakan *malting port* atau bahasa bakunya dinamakan kawah pencair seingat saya betul sudah itu, yang mana sebenarnya apabila kita ingin meletakkan generasi muda kita, rakyat Malaysia dalam satu *malting port* ataupun kawah pencair ini yang paling pentingnya kita mesti menggagaskan satu kekuatan di dalam sistem pendidikan kebangsaan kita. Dan yang keduanya ialah dengan meletakkan setinggi-tingginya kedudukan Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Melayu ke tempat yang sesuai sebagai ikatan utama di dalam meletakkan generasi muda kita untuk kita berada di dalam satu proses apa yang dinamakan tadi kawah pencair ataupun *malting port*. Kalau dua ini dapat dilaksanakan...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Aman bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: ...kita akan melihat generasi muda kita rakyat Malaysia akan menjadi satu daripada kumpulan yang akan mengerti dan menghayati apa yang di namakan lima hasrat dan juga lima prinsip Rukun Negara. Sila Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih. Ada orang yang mengatakan kaum kita di Malaysia ini makin sehari makin jauh dari satu sama lain. Tetapi kalau kita lihat di peringkat sekolah kita mengajar murid-murid sekolah itu melalui sivik tentang perpaduan, tentang Rukun Negara dan perasaan itu juga merentasi semua mata pelajaran. Macam mana kalau kita cadangkan kepada Kementerian Perpaduan untuk membuat satu kajian sejauh manakah usaha kerajaan telah berjaya melalui peringkat sekolah?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Sri Aman, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mengkaji kepada kedudukan dalam negara kita, 50.4% daripada bilangan rakyat Malaysia ini ialah merupakan etnik ataupun kumpulan orang Melayu yang beragama Islam. Dan selain itu Cina merupakan 23.7% dan bumiputera Sabah, Sarawak sebanyak 11%, India 7.1% dan 7.8% adalah melalui kumpulan dan etnik-etnik yang lain. Sebagaimana saya jelaskan bahawa sebagai sebuah *plural society* dengan izin satu masyarakat *plural* yang berbilang kaum, budaya dan sebagainya, sebenarnya kita oleh kerana melalui satu gagasan yang baik tidak

seperti dilakukan oleh negara Amerika Syarikat, Jepun dan Australia sebenarnya ia bertentangan dengan teori yang sepatutnya masyarakat *plural* ini akhirnya akan menjadi satu masyarakat yang tidak stabil dan berpecah belah. Tetapi kita bersyukur kepada Allah kerana berkat pimpinan dan gerakan parti kita yang dahulu Perikatan dan sekarang ini Barisan Nasional mengerti tentang hasrat dan cita rasa murni melalui gerakan yang kita asaskan bersama.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sebab itu saya berharap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Puchong, Beluran bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Nanti saya tidak cukup masa ini Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Pendek sedikit sahaja, pendek.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Okey okey.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tentang keperluan untuk mewujudkan perpaduan yang tulen bersandarkan kepada proses integrasi dan bukan asimilasi. Apakah jangkaan Yang Berhormat dalam keadaan kita perpaduan yang sedia wujud di kalangan rakyat Malaysia ketika ini akan menghadapi krisis yang akan meledak di masa akan datang. Ataupun apakah kewujudan keadaan perpaduan yang wujud sekarang ini cukup untuk menangani soal perpaduan antara rakyat Malaysia untuk masa hadapan.

Kadang-kadang kita lihat rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini akrab dalam definisi masing-masing kita, lebih akrab ketika bersama berpesta dalam perayaan-perayaan masing-masing kemudian kembali dalam keadaan yang tidak melahirkan krisis, apakah itu perlu di kekalkan sedemikian ataupun disebabkan adanya krisis yang akan berlaku maka kita perlu mewujudkan satu perpaduan yang tulen seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dungun?.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Sebenarnya matlamat ataupun hasrat untuk melahirkan perpaduan tulen seluruh rakyat. Apa yang sedang berlaku sekarang ini masih lagi menimbulkan isu-isu yang sebenarnya tidak mempamerkan ketulenan perpaduan rakyat kita dalam pelbagai paras walaupun paras perpaduan yang ada ini bagi saya melebihi daripada taraf lebih daripada separuh, itu pandangan saya. Sebab itu kita nampak isu-isu perpaduan ini banyak kita lahirkan dalam majlis-majlis rasmi dan juga lahir dalam majlis-majlis apa yang kita namakan seperti Hari Raya dan sebagainya sama ada kaum Cina, Melayu dan etnik-etnik lain. Sebab itu kita juga berharap apabila Rukun Negara ini dan juga hasrat Rukun Negara yang pertama tadi untuk melahirkan perpaduan tulen ianya bukan menjadi isu kepada kerajaan semata-mata tetapi untuk meletakkan Rukun Negara

ini sebagai hasrat dan prinsip sebagai *preamble* ataupun dalam meletakkan tempat yang tinggi dalam mukadimah Perlembagaan negara kita, saya yakin dan percaya akhirnya ia akan dilaksanakan dengan diterapkan melalui gerakan-gerakan semua kementerian dan juga NGOs, rakyat dan sebagainya. Ini terbukti kepada kita apabila kita lihat dari segi politik dalam negara kita.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Minggu lepas saya mendengar, sekejap lagi sekejap lagi ya, sekejap lagi, Yang Berhormat sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dungun saya hendak maklumkan ada 10 minit lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Ya, jadi Tuan Yang di-Pertua minggu lepas kita ada mendengar apa yang dinamakan ucapan daripada rakan-rakan kita, daripada Ipoh Timor umpamanya tentang pendapat beliau umpamanya apabila dia bercakap tentang Ahli Parlimen subsidi umpamanya, Ahli Parlimen Barisan Nasional subsidi.

Yang keduanya, dia bercakap tentang keputusan Perdana Menteri sebagai sebuah Kabinet yang dinamakan oleh beliau sebagai kabinet kitar semula dan telah melihat Perdana Menteri kita sebagai seorang Perdana Menteri yang gagal setelah mengambil alih kepimpinan. Tujuan saya menyatakan perkara ini dan juga serangan kepada polis oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak ada dalam Dewan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada hari ini kita ingin menegaskan, atas semangat, prinsip, Rukun Negara yang saya ucapkan tadi supaya Yang Berhormat, pertamanya dapat menilai kembali bahawa rakyat telah memilih kita dengan majoriti yang besar dari dahulu sampai sekarang.

Sebagai anggota Ahli Parlimen Barisan Nasional hari ini ingin saya tegaskan bahawa Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri adalah Kabinet Perdana Menteri yang diterima oleh semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sebenarnya. Sepatutnya kita yang komen kepada Perdana Menteri, dan kita berpuas hati dengan peranan, ilham dan juga falsafah perjuangan Perdana Menteri kita.

Ada beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua, yang perlu kita *highlight* tetapi kadang-kadang kita agak terlupa, rakan-rakan kita dalam pembangkang dia bangkang segala-galanya sedangkan tidak melihat bagaimana perkara ini dapat dilaksanakan oleh sebuah pemerintahan yang bagi saya adalah untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Dan, akhirnya untuk memberi peluang kepada rakyat generasi akan datang supaya negara kita tidak akan berada dalam kedudukan ekonomi yang tidak baik macam dikatakan kenaikan diesel minyak petroleum 30 sen.

Sekarang ini tiap-tiap malam, pembangkang berceramah PAS baik, DAP baik, dan sebagainya berceramah menentang dan menjadikan isu politik bukan lagi menjadikan isu ekonomi yang sepatutnya kita berterima kasih kepada kerajaan bahawa kalau tidak kerana kenaikan 30 sen ini, ia akan melibatkan pertambahan subsidi yang dianggap dalam pengurusan

kewangan negara tidak baik, yang pada biasanya kita hanya melalui parlimen ini meluluskan antara 6, 7, 8 bilion sebagai subsidi. Dan, ini bukan dinamakan pembatalan subsidi tetapi pengurangan subsidi. Jadi, kalau bercakap subsidi saya tidak tahu Yang Berhormat daripada DAP umpamanya, dari Ipoh Timor...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Nanti dahulu, saya hendak siap, saya tidak ada masa, sekejap lagi saya beri. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita menentang kenyataan-kenyataan daripada Ipoh Timor yang menidakkan kewibawaan Perdana Menteri kita. Pada hari ini juga sebenarnya kita berterima kasih dalam keadaan suasana kita yang sedang membangun, saya nampak bagaimana Perdana Menteri kita yang dahulunya seluruh masyarakat melihat sektor pertanian bukan satu sektor yang strategik tetapi idea, ilham dan falsafah perjuangan pentadbiran Perdana Menteri kita meletakkan pertanian sebagai satu sektor yang penting.

Sebenarnya kita dari dahulu memikirkan mengapakah negara kita mengimport makanan 10, 8, 12 bilion tiap-tiap tahun? Tetapi dengan menggerakkan pembangunan industri asas tani ini mungkin ini ilham kerana Perdana Menteri kita mengambil contoh dari perjuangan Nabi Yusof bahawa apabila pemerintahan Nabi Yusof dahulu, dia meletakkan pertanian sebagai sumber makanan yang merupakan *basic needs* nombor satu di dalam tiap-tiap pemerintahan.

Jadi, ini merupakan satu falsafah yang sebenarnya maha penting untuk diterjemahkan oleh rakyat di dalam pembangunan pertanian yang suatu ketika dahulu memang tidak ada di kalangan kita memikirkan bahawa pertanian merupakan faktor yang penting dalam meletakkan kedudukan pemakanan rakyat di dalam negara kita. Jadi, penekanan kepada isu-isu dalam sektor pembangunan pertanian sama ada moden ataupun melalui industri pertanian ini, saya pasti ia merupakan satu daripada kaedah bagaimana falsafah perjuangan Perdana Menteri kita ini patutnya kita menjadikan sebahagian daripada gerakan bersama membangunkan rakyat dan negara kita. Malah kalau kita pergi lagi satu perkara....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sabar, sabar, sedikit sahaja lagi, sabar, sabar. Saya tidak habis lagi. Sebab itu kita merasakan bahawa bagaimana seorang Perdana Menteri yang telah meletakkan, mungkin selama ini kita memikirkan pembangunan negara, pembangunan rakyat ini berorientasikan kepada bagaimana bentuk orientalis Barat melihat iaitu meletakkan kebendaan semata-mata dalam pembangunan rakyat dan pembangunan negara tetapi Alhamdulillah apabila Perdana Menteri memperkenalkan modal insan sebagai teras kepada pembangunan negara.

Sekarang ini sebenarnya terlampau awal untuk kita menilai, dan kita hari-hari mendengar bagaimana pembangunan yang patutnya menjadi satu daripada *catalyst* dalam pembangunan rakyat dan negara iaitu mewujudkan keupayaan dalam kita meletakkan modal insan ini dalam pembangunan rakyat dan negara. Yang terpenting juga bagi saya memperkenalkan walaupun dilihat oleh parti-parti pembangkang terutama sekali PAS di merata-rata menentang penubuhan prinsip Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri.

Kalau di Terengganu mungkin ceramah-ceramah PAS di waktu malam mengatakan Islam Hadhari ini sebagai Islam baru. Ini suatu pandangan jahat, suatu pandangan yang berniat kepada politik sempit semata-mata dan akhirnya kita merasakan ianya harus kita tentang dan kita sama-sama menterjemahkan apa jua hasrat yang dikehendaki oleh 10 prinsip dalam Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi saya 10 perkara ini, adalah merupakan teras sebenarnya kalau kita hendak melihat matlamat pembangunan modal insan dan juga kita hendak melihat masa hadapan negara semuanya berkisar kepada perkara-perkara yang berkepentingan kepada rakyat seluruhnya. Umpamanya, keimanan dan ketakwaan kita kepada tuhan, kerajaan yang adil dan bermaruah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang dan Seputeh bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:rakyat berjiwa merdeka kerana mungkin Perdana Menteri tidak mahu rakyat tidak mempunyai jiwa yang merdeka.

Keempatnya, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dungun boleh gulung, boleh gulung.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semula jadi dan akhirnya kekuatan pertahanan. Banyak komen-komen daripada rakan-rakan pembangkang sebenarnya, takkanlah kadang-kadang kalau ada anak kita yang lemas di Sungai Kelantan, kita pun hendak salah kepada Perdana Menteri. Kalau berlaku pelancong, ini menteri ada kurang sedikit pun kita hendak salah kepada Perdana Menteri, kalau ada sekolahnya *drop outnya* agak banyak di sebuah pendalaman di negeri kita, kita pun hendak salahkan Perdana Menteri dan ini adalah suatu pemikiran yang jumud, yang rendah, yang sepatutnya kita beranggapan bahawa pembangkang yang ada sepatutnya menjadi pemerintah minoriti yang menjadi penyumbang kepada kekuatan pemerintahan negara.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Kalau prinsip ini boleh dipegang oleh rakan-rakan dalam pembangkang yang tidak membabi buta menekan kepada kekuatan bagaimana

rakyat kita diurus oleh kerajaan kita. Sebab itu hari ini saya menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa kenyataan Ketua Pembangkang minggu lepas terutama sekali dengan menidakkan keupayaan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan menyatakan Kabinet yang diputuskan oleh Perdana Menteri sebagai kabinet kitar semula, saya tidak tahulah mungkin Ipoh Timor barangkali suatu kitar semula ataupun perlu ditukar selepas ini. *[Disorak]* Sepatutnya tidak boleh bandingkan Ketua Pembangkang dengan Perdana Menteri, tidak boleh dibandingkan sebenarnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Duduklah dahulu Yang Berhormat, saya sudah 8 bulan tidak bercakap di Parlimen. Saya ini hero juga sebenarnya, saya tidak berniat bercakap Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok sudah tiap-tiap hari mereka bercakap, saya sudah 8 bulan saya ini juga hero juga bercakap Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana saya hendak jaga rakan-rakan kita yang lain saya tidak bercakap, dari tahun lepas lagi saya tidak bercakap, berilah peluang kepada saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, telah pergi mana, kenapa tidak cakap di sini sudah 8 bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Okey, sabar ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada sekali Yang Berhormat cakap selama 5 jam.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Itu tahun lepas yang awal. *[Ketawa]* Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sayang dan sokong kepada Tuan Yang di-Pertua ini, dia faham tentang hasrat dan juga prinsip kita macam Rukun Negara tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah pada hari ini marilah sama-sama sebenarnya kita beritahu kepada rakyat, isu-isu kenaikan harga barang umpamanya, dikawal oleh kerajaan. Saya sendiri dan rakan-rakan yang lain terpaksa cerita tetapi diambil sebagai isu politik murahan, akhirnya mengadu domba pemikiran rakyat kita di pedalaman dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jadi saya minta sungguh-sungguh supaya kita tidak akan terbawa-bawa dan minta rakyat seluruhnya menilai kembali bagaimanakah kesejahteraan kita sebagai rakyat hidup dalam sebuah negara kita yang bersatu padu dengan penuh sifat insaniah daripada kerajaan dan macam-macam perkara sebenarnya.

Apalah sangat sebenarnya RM4.4 bilion. Inilah dia macam-macam, DAPlah, PASlah dalam ceramah malam-malam. Dia tidak mahu bahas depan kita, kita boleh jawab. Tetapi daripada puluhan tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun dari tahun 1995 saya mengikuti, saya belum di Dewan Negara lagi masa itu, saya tengok Barisan Nasional letak hal

pendidikan ini RM18 bilion atau RM19 bilion satu tahun. Pendidikan dalam negara kita hampir percuma kepada rakyat Malaysia terutamanya sekolah rendah dan sekolah menengah. Yang mengadu domba, merekalah.

Tetapi bagaimana hampir RM18 bilion atau RM19 bilion setahun? Ini tidak termasuk bagaimana kita menguruskan negara kita dan ianya merupakan satu tindakan yang sepatutnya diterima oleh rakyat dan bersedia ke arah merubah beberapa perkara dalam tindakan kita sebagai rakyat. Itu hanya pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Dan 31 Mac ini kita berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan satu rancangan lima tahun yang kita nanti-nantikan dan insya-Allah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional akan menterjemahkan apa jua dasar dan wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang DAP dan PAS ini tidak apalah dia hendak kompelin macam mana, itu kerja dia. Tetapi tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat, pemimpin di peringkat akar umbi yang dipilih oleh rakyat, kita akan pastikan ianya akan sampai kepada rakyat di seluruh peringkat dalam negara kita.

Jadi kalau ini dapat kita laksanakan bersama dan kita berharap ianya dapat diselaraskan oleh pucuk pimpinan kita, moga-moga ianya akan menyelesaikan sebahagian daripada dakwaan dan juga tohmahan yang dilemparkan oleh pembangkang pada minggu lepas.

Jadi akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan awal saya tadi – sudah lari sedikit tajuknya – supaya Rukun Negara kalau boleh dapat kita terapkan sebagai mukadimah atau *preamble* dalam Perlembagaan kita dan ianya harus digerakkan oleh semua kementerian, oleh semua jabatan kerajaan, oleh semua sektor di semua peringkat terutama sekali yang menyentuh generasi muda, NGOs dan kita semua sebagai pemimpin-pemimpin pertengahan dan bawahan supaya kita hendak melihat suatu hari kerana hari ini saya nampak ada lagi di antara rakyat kita kalau ada orang pijak bendera Malaysia, tidak ada siapa yang marah.

Sudah berbelas kali saya nampak apabila hari kemerdekaan, bendera dipijak, tidak apa-apa. Tetapi kita pergi ke negara jiran, ekonominya jauh lebih baik kita. Keselesaiannya jauh lebih baik kita. Tetapi cuba pijak bendera dia, seorang rakyat yang kerdil, yang “lempes”, yang “komang”lah bahasa Terengganu kata, yang tidak bagus, akan bangkit, akan baiki benderanya. Dan kita mahu rakyat kita akan menjadi seorang rakyat yang mengerti dan menterjemahkan dirinya sebagai warganegara Malaysia yang faham tentang lima hasrat dan lima prinsip Rukun Negara tadi.

Ini kalau kita dapat laksanakan dengan baik, saya yakin dan percaya dari segi jangka panjangnya gerakan kita bersama dapat melahirkan suatu perpaduan yang amat tulen dalam negara kita dan dalam masa yang sama kita membangunkan negara dan rakyat kita. Dengan itu saya ucapkan terima kasih dan menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah lama tidak berucap.

11.44 pagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebagai *backbencher*, tidak pernah berucap lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang amat bersetuju dengan Yang Berhormat yang baru sahaja menyampaikan hujahnya mengenai Rukun Negara. Kita amat berterima kasih kerana dia menyedarkan kita betapa pentingnya Rukun Negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Di sini juga ingin saya nyatakan betapa terima kasih saya dan bersetujunya saya dengan Yang Berhormat bagi Labuan yang telah membangkitkan soal MAS semalam. Jadi saya kira pihak kerajaan harus dan mesti mempertimbangkan semula mengenai dengan laluan yang akan diambil alih oleh Air Asia dalam penerbangan domestik dan saya minta juga pihak pengurusan tertinggi MAS memahami akan sejarah penubuhan MAS iaitu daripada Malaysian Airways sehingga dia bertukar menjadi Singapore Airways dan kemudiannya menjadi Malaysian Airlines dan betapa perit dan susahnyanya untuk membangunkan satu *airline* yang kita anggap itu menjadi kebanggaan kita.

Seperti juga pembentukan dan juga pengeluaran hasil industri kita, Proton Saga. Itu menjadi satu *pride* atau kebanggaan setiap warganegara Malaysia. Tetapi mudah sahaja pihak pengurusan baru-baru ini telah menyebabkan betapa hendak dipotong sana, dipotong sini, sudah tentu kalau sesiapa sahaja pun tidak perlulah menjadi seorang CEO yang hebat-hebat boleh potong sana sini dan akhir tahun boleh tunjuk dia membuat keuntungan yang berlebihan.

Oleh yang demikian saya amat bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Labuan di mana pihak kerajaan hendaklah mengambil keputusan yang wajar untuk mempertimbangkan semula mengenai laluan domestik sehingga saya rasa kebanggaan itu tetap tersemai di dalam tiap-tiap warganegara Malaysia.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Sri Aman dan Rantau Panjang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Bagi Rantau Panjang, selepas itu Sri Aman.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya hendak perbetulkan sedikit ini. Yang Berhormat masih lagi Setiausaha Parlimenkah? Saya tengok di skrin tulis "Setiausaha Parlimen".

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat janganlah perlu-perli orang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tidak, bukan, saya tengok di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini dia perli-perli orang apa ini? Apalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalan, tidak ada soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dalam Islam dia suruh buat macam itukah? Allah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, ini bukan kesilapan Yang Berhormat yang berucap. Baiklah Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Bagi saya sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kawan saya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani kerana memberi peluang. Berbalik kepada isu *AirAsia* ini, kita diberitahu iaitu *AirAsia* itu kalau penumpang kurang daripada 50%, dia tidak mahu berangkat. Jadi, kalaulah *AirAsia* ini diberi kebenaran untuk mengendalikan penerbangan dalam negeri di Sarawak, implikasinya amat serius. Bayangkanlah kalau seorang *public prosecutor*, DPP itu ada kes di Bintulu, dia berangkat dari Kuching dan *AirAsia* itu penumpang belum sampai 50%, jadi dia tidak berangkat. Jadi dengan serta-merta kerajaan akan kalah dalam semua kes yang akan dibentangkan di mahkamah-mahkamah di Bintulu, di Miri dan di semua tempat.

Juga kita yang ada *schedule*, semua kita ini ada *schedule* di sini, *schedule* di sana dan saya rasa ini sangat membimbangkan. Macam manakah pendapat Yang Berhormat kalau kita minta *AirAsia* dibenarkan mengendalikan penerbangan domestik, kita minta dia ada jadual yang tertentu dan tidak menangguhkan penerbangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Macam inilah orang tanya. Tengok Yang Berhormat bagi Sri Aman, dia ikut prinsip Rukun Negara. Bukan macam pihak PAS itu, asyik hendak perli orang. Kadang-kadang dia tersilap, itu kesilapan teknikal. Jadi Yang Berhormat hendak perli kita buat apa? Tidak perlu perli lah. Jaga parti Yang Berhormat dan saya fikir lebih-lebih lagi Yang Berhormat daripada Parti Islam Setanah Melayu, ini apa cerita dok perli orang sahaja. Dalam ini macam kita kata kenaikan harga petrol pun, pergi sana hendak tunjuk perasaan sana sini. Inikah sebuah parti yang mengamalkan prinsip Islam? *[Tepuk]*

Saya haraplah Yang Berhormat, saya akan beritahu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, beritahulah dekat anak buah sikit, cara-cara nak bertata susila di dalam majlis-majlis. Jangan bangun hentam keromo, perli orang sana, perli orang sini. Apa yang kita dapat?

Saya ada persoalannya kenapa saya tidak disenaraikan di dalam pentadbiran? Saya sedar, akan perkara itu telah pun kita bercakap dan bersemuka dengan Perdana Menteri. Bukan sengaja. Janganlah Yang Berhormat perli saya. Inilah perangai orang PAS. Saya cakap terus teranglah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tak perlulah bangun! Bangun, duduklah, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang, ini tak boleh salahkan Yang Berhormat. Dan pentadbiran akan membetulkan perkara ini. Jadi sebenarnya soalan boleh tuju kepada saya sebagai Tuan Yang di-Pertua di sini. Bukan kepada Yang Berhormat yang berucap. Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Itu, kesilapan teknikal, itu teknikal namanya. Inilah yang susah, parti PAS. Bila kita bercakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita tak payah buang masa, balik kepada tajuk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, terima kasih. Ini Larut. Raja Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, kita tak payah layanlah. Sebab Rantau Panjang ini pun "barua". Dia tahu. Saya setuju dengan Yang Berhormat. MAS ini sebagai *national carrier*. Maruah kita, kita punya. Jadi kita perlu mempertahankan walau dalam apa bentuk sekalipun. Kita perbaiki apa juga masalah yang berlaku ke atas MAS. Kalau Yang Berhormat setuju, kita tengok dengan negara-negara lain. Mereka mementingkan identiti negara itu sendiri. Jadi Air Asia ini, kalau boleh kita cadang tukar nama Air Asia ini kepada 'Air Malaysia', kalau betul. Dia guna nama Air Asia. Air Asia ini berertinya satu Asia. *[Menyampuk]*.

Di Thailand pun ada, di mana-mana negara. Kita gunakan, kita desak Air Asia, kalau setuju gunakan nama, yang ada kepentingan Malaysia, Air Malaysia. *[Menyampuk]* Bagaimana pandangan Sungai Petani? Janganlah hiraukan sangat, kawan kita "barua" itu, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Larut. Memang tadi saya nak menjawab Yang Berhormat daripada Sri Aman untuk mengatakan bahawa, saya rasa ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan laluan domestik yang ada sekarang, yang dikendalikan oleh MAS, saya rasa sudah memadai. Saya percaya, kalau mereka nak sebutkan adakah kerana penerbangan domestik menyebabkan kerugian besar kepada pihak MAS, itu yang kita nak tahu. Tiba-tiba potong sana, potong sini, nak jual bangunan, *painting* harga mahal dan sebagainya. Ini bukan kesilapan.

Soalnya, apakah kesilapan-kesilapan yang telah dilalui. Kalau domestik, masalah domestik, dan kita harus yakinkan kepada umum oleh kerana dia kepunyaan kita semua. Kebanggaan kita. Jadi saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat Sri Aman bahawa kekalkan laluan yang dikendalikan oleh MAS. Terutama sekali di Sarawak, saya cukup faham dia punya *zigzagging*. Daripada satu tempat, ke satu tempat oleh MAS yang pakai pesawat kecil, cukup baik.

Dan begitu juga Yang Berhormat Larut saya amat bersetujulah Yang Berhormat itu, tapi soal tukar nama itu saya tak boleh campuri dalam soal itu. Cuma yang saya mahu ialah MAS. Kalau boleh MAS, beli Air Asia dan tukar nama, habis cerita. *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Baik, sekejap dulu ya. Perkara kedua yang saya akan bangkitkan juga mengenai dengan, sekejap Yang Berhormat. Ada MAS juga?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih Yang Berhormat. Inilah semangat yang kita hendak, walaupun tidak ada di dalam pentadbiran tetapi masih boleh berkhidmat untuk rakyat dan berbahas di dalam Parlimen ini. Bukan macam dia orang ini, jangan pedulikan dia orang, *alright?* Apa yang saya nak cadangkan kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat mungkin boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan ataupun pihak-pihak yang mengendalikan MAS.

Air Asia ini merupakan satu entiti persendirian ataupun *private entity* yang mementingkan keuntungan. Dan MAS ini, memang sebuah entiti yang persendirian juga, tetapi dia mempunyai obligasi-obligasi sosial, terutamanya untuk perpaduan negara dan juga integrasi nasional di negeri-negeri Sabah, Sarawak dan sebagainya. Dan Air Asia, sekarang ini tumpuan mereka adalah untuk mengambil alih laluan-laluan domestik yang memberikan keuntungan.

Apakah cadangan Yang Berhormat, kalau macam ini nama dia panggil Air Asia, cadangkan kepada kerajaan supaya menggalakkan Air Asia ini memberi konsentrasi dan fokus kepada laluan-laluan rantau ini. Bukannya terlalu memberi tumpuan kepada laluan dan domestik sahaja yang memberi keuntungan mereka. *Since* dia ada Air Asia Indonesia, Air Asia Thailand, berikan fokus mereka kepada laluan di rantau ini ataupun di Asian region ini. Dan ini akan memberikan banyak manfaat, bukan sahaja kepada orang Malaysia, tetapi juga kepada syarikat Air Asia ini. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Saya memang amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Iaitu fokus atau penumpuan Air Asia, patutnya kepada soal rantau. Jadi janganlah pula sekarang ini nak diminta mempertimbangkan untuk dapat laluan domestik. Saya tahu, perkara ini akan menimbulkan banyak masalah. Perkara kedua yang saya nak bangkitkan di sini ialah..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, sahabat, apa khabar Yang Berhormat? *[Ketawa]*.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, Yan kita bagi, maaf saya Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Tertarik saya kepada soalan yang ditembakkan oleh Puchong itu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa Yang Berhormat gunakan perkataan "tembak"? *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini bahasa, mengindahkan bahasa Tuan Yang di-Pertua. "Menembakkan bahasa" yang bila persoalan itu, soalan yang mempertahankan maruah itu, dinamakan "tembakan bahasa". *[Ketawa]* Saya nak tanya Yang Berhormat, sekarang ini kita faham. Malaysia Airlines menghadapi kerugian. Kita bila rugi itu, kita dok kata rugi, rugi, memanglah ada yang tak eloknyanya dari segi pengurusan dan sebagainya, diperbetulkan. Ada yang elok, harus kita puji. Dan tak ada orang yang semuanya tak elok.

Jadi, satu lagi saya nak cakap, Air Asia ini, sekarang ini kerajaan dah buat lapangan-lapangan terbang ataupun barang-barang murah untuk penerbangan murah ini. Saya takut satu hari nanti, Air Asia ini hari ini mungkin milik rakyat Malaysia, tetapi satu hari nanti, kalau dia jual habis pegangan saham dalam Air Asia itu dan milik negara luar, apa kata kita hari ini? Kita dah bagi infrastruktur dekat dia, yang itu, yang ini, semua kita dah bagi kemudahan. Lualan negeri pun kita ada bagi. Kemudian tadi pula, 50% *load* baru naik macam teksi kampung. Teksi kampung macam itulah. Tak cukup *passenger* empat dia tak jalan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Air Asia macam itu juga. Tak cukup *passenger*, tak jalan. Dengan kita berkira pulak dah. Lagi satu MAS macam itu juga. Hak yang kita *delay*, dia tinggal. Dia *delay*, kita merana. Kalau kita lambat sampai airport, dia terbang, dia tak tunggu. Tapi kalau kapal terbang itu lambat, kita kena tunggu dan kita mengalami masalah.

Ada biasa, Tuan Yang di-Pertua, saya balik daripada Sarawak, balik daripada berjumpa dengan Ahli Parlimen. Daripada Sarawak pukul 10.00, saya sampai di rumah pukul 2.00 pagi. Kapal terbang sampai Kuala Lumpur, *pilot* tak dak, kapal terbang ada. Ini apa cerita? Jadi yang ini juga ada masalah. Kapal terbang ada, *pilot* tak dak. Cuma saya lesen lama, kalau lesen baru saya bawa dah, kapal terbang ini. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Itupun gambaran Yang Berhormat telah beri. Macam yang saya katakan, kebimbangan saya pun begitu juga. Iaitu apabila Air Asia ketandusan wang dan sebagainya, dia jual saham boleh jadi. Lebih baik kalau begitu, kita pakat dengan Singapura. Ayuh, suruh Singapore Airlines sahaja jalan dalam domestik *flight* kita.

Ini persoalanlah, kalau keadaan begitu buruk. Sebab itu, saya minta pihak pengurusan tertinggi MAS fikir masak-masak. Jangan fikir kata, oh kita dah kerugian sekian banyak, sekian banyak, potong sana, potong sini. Siapa nak *fly* sana, *fly*lah. Tak kisah dah. Tapi sebab itu,

saya katakan, mesti ingat sejarah kita. Kita dahulu yang amat susah. Kemudian bila kita dah sampai sini, mungkin orang kata, bermasalah sikit dari segi kewangan. Cari penyelesaian dia, bagaimana? Sebab itu saya minta menteri yang berkenaan membuat satu keputusan supaya ini tidak diambil alih oleh Air Asia yang mana tidak ada ketentuan. Kalau MAS boleh, kita sudah tahu ini kapal terbang kita. *Air Asia* macam selalu kita kata dia *base on profit making*. Kalau dia tidak *profit* dia tutup pintu, dia tidak kisah.

Baiklah saya hendak berubah kepada perkara yang kedua saya hendak bangkitkan mengenai Titah Ucapan Diraja mengenai dengan keseimbangan ekologi. Boleh dikatakan tiap-tiap malam TV3 telah menayangkan soal alam sekitar yang bersih di mana kita dapati bukanlah saya hendak memperkecil-kecilkan negeri Selangor. Saya tahu negeri Selangor ketua pentadbirannya ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo. Dia memang seorang muda yang mempunyai cita-cita yang besar.

Tetapi apa yang ditayangkan oleh TV3 tiap-tiap malam membimbangkan dan menakutkan kita terutama sekali alam sekitar yang begitu tercemar dengan sampah dibuang tidak diurus dengan baik. Air sungai yang begitu dahsyat daripada kumbahan *factory* dan sebagainya. Ini mencemarkan alam kita. Apakah Selangor sebagai negeri yang sudah maju menurut jadual iaitu 2005 dan hari ini berhadapan dengan masalah pencemaran alam sekitar.

Saya minta Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil perkara ini secara serius. Apakah mereka tidak cukup pegawai-pegawai di dalam kementeriannya untuk melakukan pemantauan dan tindakan diambil dengan sewajarnya? Saya nampak tindakan tidak ada. Malah Menteri sudah kata kita hendak bawa syarikat itu ke dalam penjara tidak boleh. Jadi kita kena cari alasan, bagaimanakah pihak yang bertanggungjawab itu dapat di penjara ataupun diberi denda yang begitu besar.

Oleh kerana itu, saya lagi sekali mencadangkan pihak kementerian yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membuat tinjauan ke merata-rata tempat di seluruh Malaysia sebelum ia menjadi begitu gawat sehingga mencemarkan kehidupan yang kita buat seketika ini mengesapinya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Minta jalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan juga mengenai dengan pencemaran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sedikit.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini hendak cakap atau hendak perli?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Tidak. Bukan hendak perli.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Okey. Hendak bercakap sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Saya tidak pernah perlu. Cuma saya simpati juga mengenai alam sekitar ini. Sepengetahuan saya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak ada *force* ataupun pasukan-pasukan penguat kuasa. Pasukan penguat kuasanya bertaburan. Ada di bawah Kerajaan Tempatan dan ada juga di bawah Pejabat Tanah, juga di peringkat jabatan ada di bawah JPS. Kalau boleh bagaimana pandangan Yang Berhormat supaya satu tindakan integrasi sepadu ditubuhkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan ini kerana kalau tidak harap mengharap di antara jabatan-jabatan dan harap mengharap di antara kementerian itu akan berlarutan dan masalah tidak akan berkesan.

Sebagai contoh, misalnya di Cameron Highlands, JPA tidak meluluskan ramai pegawai-pegawai ADO ataupun pejabat daerah yang mencukupi untuk memantau alam sekitar, jadi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak ada *forcenya*. Jadi bagaimana kalau kita mencadangkan pandangan Yang Berhormat supaya ada satu tindakan penyelarasan dan integrasi di antara kementerian dan jabatan yang bersangkutan dengan masalah ini. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebahagian daripadanya saya amat bersetuju Yang Berhormat iaitu satu tindakan *integrated* boleh saya katakan begitu iaitu bersepadu dalam erti kata JPS juga bertanggungjawab dalam soal pencemaran sungai misalnya dan juga perparitan yang besar-besar yang mana saya lihat kalau kita masuk sesetengah negeri saya rasa pencemaran cukup dahsyat. Cuma pujian yang kita boleh beri ialah kepada Kuching, Sarawak. Sungai Sarawak dijaga dengan begitu baik. Di sini kalau siapa pergi melawat, memang saya bagi markah A kepada Sungai Sarawak yang begitu indah sekali dijaga oleh pihak Kerajaan Tempatan.

Jadi lagi satu saya minta kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya dan mereka hendaklah jangan setakat bila ada laporan sahaja Menteri akan buat satu kenyataan. Selepas itu kita diam.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Seolah-olah macam tidak ada tindakan susulan ataupun kita kata menjaga keadaan itu sebelum ia menjadi bertambah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan. Kalau kita lihat rancangan TV3 dalam berita pendedahan tentang alam sekitar ini, ia banyak tertumpu kepada negeri Selangor dan Pahang. Tidak tahulah saya secara kebetulan dua negeri ini memang banyak insiden-insiden pencemaran yang berlaku tapi ramai yang bertanya kenapa dua negeri ini? Apakah TV3 tidak

bercadang untuk melihat keadaan alam sekitar di negeri yang lain umpamanya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang itu saya tidak tahu. Mungkin juga secara kebetulan mereka buat tinjauan di Selangor sebab di Selangor mereka mempunyai stesenya di Selangor dan Pahang begitu dekat mengenai dengan pembalakan dan sebagainya yang mana saya rasa itu TV3 lah. Sebab itu saya katakan minta kementerian membuat pemantauan secara serius dan buat laporan itu dari masa ke semasa supaya ia tidak berlaku berterusan.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan juga di sini ialah mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Kita lihat dalam hal ini kementerian ini dari segi permasalahan belia jarang sekali dibangkitkan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Perdana Menteri kalau boleh supaya kementerian ini dibahagikan kepada dua kementerian. Satu kementerian yang mengendalikan hal-hal sukan dan satu lagi mengenai dengan belia, kerana boleh dikatakan lebih daripada 40% daripada orang kita adalah terdiri daripada belia-belia.

Oleh yang demikian, kita perlukan satu pengkhususan dan juga tindakan yang lebih serius. Tidaklah sekadar hanya sukan sahaja dan sukan pun tidak ke mana-mana di mana kita hanya sukan di peringkat yang tertinggi di mana kita hendak mengambil bahagian antarabangsa dan sebagainya baru kita memikirkan dari segi itu tidak kita memikirkan dari segi bagaimanakah kita hendak membudayakan sukan.

Selepas seseorang itu tinggalkan bangku sekolah, apakah budaya sukan itu akan berterusan sehingga ke akhir hayatnya.

Perkara keempat yang saya hendak bangkitkan ialah perkara yang saya sendiri berminat sejak beberapa lama iaitu mengenai dengan isu pelajaran yang telah dibangkitkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana baginda telah menyatakan;

“Kerajaan Beta akan memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, memartabatkan kerjaya perguruan dan menambah baik sistem pendidikan agar bertaraf dunia”
atau dalam bahasa Inggeris dia kata ‘*world class*’ dengan izin”.

Saya ingin bertanya, apakah kita sekarang ini sudah menghadapi semacam ketandusan dalam sistem pelajaran kita? Saya tidak mahu menafikan bahawa kita telah berjaya menghasilkan bijak pandai, pemimpin dan tenaga kerja profesional dan yang tidak berprofesional. Begitu juga perkembangan yang telah banyak kita lalui dari sistem yang hanya menghasilkan petani dan nelayan yang boleh kita kira hari ini menjadi sebuah sistem pendidikan kebangsaan yang mantap ataupun boleh saya singkatkan di sini dari sekolah atap ke sekolah *design and build*.

Jadi, sejauh manakah kita bersedia sekarang untuk mengadakan satu anjakan paradigma. Umpamanya, apakah sistem kita hari ini, ramai di antara kita yang buat keluhan

mengatakan sistem kita ini terlalu berorientasikan akademik serta tumpuan khusus kita ialah kepada peperiksaan. Di sini juga ingin saya nyatakan, apakah peperiksaan itu hanyalah.....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun, hendak bagi jalan? Sila, Kubang Kerian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Bagi, pemuda PAS kita bagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Sungai Petani. Saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat memiliki autoriti untuk bercakap mengenai hal pendidikan, pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang orientasi pendidikan negara kita bagi menghadapi cabaran dunia.

Saya melihat zaman saya bersekolah sampailah tamat belajar di peringkat tinggi, adakah Yang Berhormat setuju sistem pendidikan negara kita hanya berkisar kepada berorientasikan kepada IQ sahaja, sedangkan dalam dunia pendidikan yang semakin berkembang maju banyak penyelidikan telah *findings* daripada pendidikan itu, R&D dari universiti-universiti di dunia ini bahawa pembangunan manusia itu tidak hanya bergantung pada IQ, bergantung pada *EQ (Emotional Intelligent)* dan penemuan baru adalah *SQ (Spiritual Intelligent)*, yang membangunkan manusia itu.

Jadi, kalaulah sistem pendidikan dalam negara kita tidak berubah, tidak menganjak, *paradigm* itu tidak dianjak, saya cukup bimbang bahawa kita tidak dapat melahirkan generasi yang disebut tadi, generasi pelajar dan lepasan pelajar yang otak dan pemikiran kita berkelas dunia, 'world class'. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang isu ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Itulah yang saya katakan tadi Yang Berhormat, di mana saya katakan apakah sekarang kita sudah bersedia untuk menghadapi satu anjakan paradigma sekiranya kita mahu sistem pelajaran kita itu sudah mencapai ke taraf antarabangsa atau taraf dunia, *world class*. Macam Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai dengan IQ, EQ, SQ apalagi Q, memang kita tahu benda itu semua orang bercakap tetapi bagaimana kita hendak menterjemahkan itu dalam sistem pelajaran kita itu sendiri.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan beberapa cadangan di sini yang mana saya akan juga membawa perkara ini dalam perbahasan dan perbincangan kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti apabila dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, iaitu macam saya katakan kita ambil contoh mengenai hari ini, kita cukup seronok termasuk dengan TV1, akhbar, semua akan memuatkan berita anak sekian-sekian dapat 10A, 15A.

Bila kita dengar ini kita naik gerun semacam sehingga saya pun bertanya-tanya di sini apakah benar orang yang dapat 15A, 10A, 12A, benar-benar anak yang telah berjaya. Memang

dari segi itu memang mereka telah capai kejayaan akademik yang ditanya oleh peperiksaan itu tetapi untuk mencari orang yang berjaya. Dalam kita di kalangan kita Ahli-ahli Yang Berhormat, adakah kita semua dapat 10A, 9A, atau 15A, yang menyebabkan kita adalah di kalangan orang yang terpilih untuk menentukan undang-undang negara dan sebagainya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Jadi, saya bangkit balik. Sistem peperiksaan itu harus dikaji semula, sistem juga harus dikaji semula yang mana apakah UPSR itu semata-mata digunakan untuk seseorang anak itu pergi ke sekolah asrama, yang mana sudah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, tadi banyak sangat dia orang soal, habis masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi jalan, Yang Berhormat ada cukup masa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, terima kasih, terima kasih. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, macam saya katakan adakah UPSR itu untuk pergi ke sekolah asrama penuh atau PMR misalnya. Saya rasa kita balik kepada *basic* iaitu sekolah berasrama penuh ialah kepada anak-anak luar bandar yang tidak ada kemudahan untuk dimasukkan ke sekolah-sekolah ini, yang kita selalu di Parlimen duduk kompelin apa yang kita lakukan kepada anak-anak luar bandar. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa anak-anak luar bandar itu walaupun dia dapat 4A, 3A, diberi satu penilaian khas supaya dia boleh pergi ke sekolah asrama penuh. Jangan hanya hendak ambil 5A, 6A, yang ini saya tidak kisah sebab itu saya balik kepada soal tadi, apakah kita sanggup menghadapi satu anjakan paradigma.

Keduanya, apakah sanggup kita di kementerian sekarang membuat satu jawatankuasa mengkaji keseluruhan daripada kurikulum ko-kurikulum. Dengan itu, saya ingin menyokong Titah Ucapan Diraja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi peluang Kinabatangan.

12.17 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk] [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya ingin memetik ungkapan yang saya ingin tujukan kepada Ketua Pembangkang iaitu antara lain, "*Kata dulang paku serpih, kata orang dia sendiri lebih*, Tuan Yang di-Pertua." [Disampuk] Dalam hujahnya lebih kurang tiga jam *criticize* dengan kerajaan, kata Kabinet *recycle*, sendiri *recycle* lima tahun sudah keluar,

DAP terima dia yang bapa *recycle*. Tidak ada tempat dia lompat sana, lain negeri, cari negeri sekarang dia mahu berhenti tidak mahu berhenti, tunggu anak dia hendak ganti pula.

Satu pun cadangan untuk memperbaiki *criticize* itu tidak ada. *[Disampuk]* Dia tuduh kita bahawa tidak berani bercakap, itu retorik, itu provokasi, itu pembohongan pembangkang. Jadi, anak-anak buah pembangkang DAP, jangan ikut-ikutan dengan ketua yang tidak ada haluan punya. Kepong saya puji sedikit, dia tidak ikut dia punya bos, *[Disorak]* dia ada jalan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi satu krisis di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan dengan pelbagai cara, melalui perjumpaan pagi, melalui forum yang tersusun, melalui parti dan sebagainya, bagaimana kehancuran sebuah negara apabila sistem penyampaiannya tidak disusun secara terperinci dan sistem penyampaian ini tidak ada justifikasinya, tidak ada garis panduannya, dan saya mengambil contoh yang kita ada. Contohnya di Kementerian Kewangan, sesuatu projek yang telah diberi kepada mana-mana syarikat. Pertama, keluar *LI* iaitu *letter of intend*, dengan izin. *Letter of intend* ini mengambil masa satu tahun setengah untuk syarikat tersebut berunding dengan pihak-pihak agensi kerajaan, mesyuaratnya mungkin 20 kali. Yang hairannya kenapa perlu banyak kali mesyuarat? 20 kali mesyuarat ambil masa satu tahun setengah.

Selepas itu satu tahun setengah barulah ada *LA*, *letter of award*. *Award letter* ini mengambil masa enam bulan untuk *agreement* dengan pihak-pihak tertentu. Selepas itu tiga bulan baru jalan projek. Ini, sistem apa ini? Saya meminta Perdana Menteri melihat sistem ini, kita rombak. Satu projek diberi garis panduan, enam bulan hendaklah disiapkan dan dilaksanakan barulah kita menjadi *first class* dalam ini dunia tetapi kalau ini tidak dirombak, asyik-asyik kita cakap sahaja ianya tidak akan berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Contoh lagi yang kedua iaitu kita pergi ke pejabat mana-mana, pengarahkah, KSUKah, Ketua Pengarahkah, depan meja dia ada tiga *box* ataupun *tray* yang ditulis kotak itu, *IN*, *OUT*, *KIV*. Kenapa perlu ada kotak ketiga? Apa perlu itu *KIV*? Kalau dia tidak boleh diterima, *out*, *you get out*. Kalau dapat diterima *put in*, *welcome please*. *KIV* ini, mengundang berbagai-bagai risiko. Di situlah terdedahnya korupsi. Dia *keep in view*. Dia tunggu itu orang datang. Ada kurang sedikit dia bilang, perlu rundingan. Ini sistem apa yang kita pakai dan ini cerita benar, ini bukan main-main punya cerita.

Rakan kita, seorang pemegang jawatan dalam negara kita boleh dikatakan tinggi dari kita. Beliau pergi ke sebuah negara Arab bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau berkesempatan berjumpa dengan pegawai tinggi negara Arab itu. Di dalam perjalanan dia bertanya cakap Arab "*Sheikh*" dia bilang.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: negara anda menggunakan sistem apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu orang Melayu, Yang Berhormat bukan orang Arab itu *[Dewan riuh seketika]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terjemahan dia. Pegawai Arab cakap, oh! dengan *confident* Kami menggunakan sistem "IBF". Pegawai Malaysia ini berfikir ini sistem apa? Mungkin baik. Dia ingin tahu mana tahu boleh dibawa ke negara kita. Dia berkata:

"I" (insya-Allah), insya-Allah dia tidak sampai ke mana-mana.

"B" (Bukrah) bererti esok (tomorrow) tidak ada habis-habisnya.

"M" (Maaris) bererti tidak ada apa-apa tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bahasa Orang Puteh, "Nothing happening". Bahasa Filipina (Tagalog) - "Walak" dia kata. Bahasa Tamil - "Nahi", bahasa Cina - "Mo ah". Kalau sistem ini berlaku di negara kita, percayalah walau pun kita mempunyai perancangan yang baik, dengan sumber-sumber yang baik yang sedia ada, dia tidak akan membantu negara kita untuk mencapai ke suatu tahap yang kita boleh berjaya dan maju.

Sebab lihat sahaja memang berlaku, di negara Timur Tengah, mereka mempunyai sumber yang cukup kaya tetapi negara mereka, minda mereka diperkotak-katikkan oleh orang luar. Mereka menjadi hamba kepada orang luar sedangkan mereka kaya. Mereka boleh dihancurkan oleh saudagar sesebuah Negara. Palestin yang kecil misalnya, orang Arab bertanduk sesama sendiri. Betul kata peribahasa, tidak ada kerbau dengan lembu bertanduk atau kambing dengan anjing bertanduk. Yang bertanduk ialah kerbau dengan kerbau, lembu dengan lembu. Inilah orang Arab diperkotak-katikkan, minda dia dipermainkan oleh segelintir manusia yang melihat mereka jahil, mereka lemah dan mereka tidak bertamadun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dan juga manusia kena langgar lembu Yang Berhormat *[Dewan riuh]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu kalau Mexico dia dipanggil "*Bull Fighter*" itu memang ada. Itu memang berlaku. Tetapi *[Ketawa]* Itulah masalah. Saya juga melihat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada kenyataan pada 15 Mac baru-baru ini iaitu memperuntukkan RM1.5 bilion.

Dia punya *content (upstatement)* dia, dia kata, ini untuk diperuntukkan untuk memastikan tidak ada pelajar yang tertinggal dalam menyertai era pendidikan negara kita dan Dasar Pendidikan Negara jelas bahawa kita memberi pendidikan sepanjang hayat dan mana-mana ibu bapa yang tidak menyekolahkan anak-anak dia, boleh didakwa. Yang aneh, hairan dan ajaib boleh berlaku saya meminta Menteri Pelajaran memanggil, Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, panggil Pengarah-pengarah di peringkat negeri, panggil PPD dia dan panggil Pengetua-pengetua dia, Guru Besar dia bagi tahu mereka, saya selaku Wakil Rakyat bahawa pengundi saya sebanyak 21,000 orang dan penduduk dia lebih kurang 180,000.

Saya tahu masalah di kampung-kampung. Saya tahu masalah di daerah. Satu kelas ada 30 orang atau 40 orang pelajar tidak lebih daripada 40. Dia tidak ada data pelajar-pelajar tersebut. Kalau ini budak sudah tiga bulan tidak bayar yuran sekolah, tanya dia apa masalah dia, panggil ibu bapa dia atau penjaga dia. Tetapi guru-guru itu kata, kamu tidak boleh turun sekolah selagi belum jelas yuran. Apa ini? Ini perkara serius dan guru ini harus diambil tindakan oleh Pengetua. Tetapi mungkin Pengetua dia pun jahil, tidak tahu ini peraturan. Akhirnya yang menjadi mangsa kita Wakil Rakyat.

Satu anak di kawasan saya, seorang bapa yang mempunyai anak seramai 7 orang. Kesemua ketujuh-tujuh anak mereka tidak dibenarkan bersekolah sebab tidak membayar yuran. Kenapa tidak dicadangkan peruntukan banyak cadangkan dia kategori pelajar termiskin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Umum tahu bahawa pelajaran di dalam negara kita ini percuma. Bagaimana boleh wujudnya yuran ini? Pada kebiasaannya yuran-yuran ini ditetapkan oleh pihak sekolah sendiri dan juga PIBG. Mengapa Guru Besar pula boleh mengambil tindakan kepada murid-murid di kawasan Yang Berhormat kerana luar daripada dasar. Yang menetapkan ini ialah pihak sekolah sendiri. Bukan masalah kementerian. Kementerian kata, pelajaran di dalam negara ini dijamin percuma. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah dasar kita jelas. Yang tidak jelas ialah sistem penyampaian kita sehingga berlaku sebegini. Pengetua dia, Guru Besar dia tidak tahu apa-apa. Guru dia, dia ingat dia guru sahaja, peranan dia memberi pengajaran, habis selesai. Sosial obligasi memikir bagaimana anak bangsa dia perlu dididik.

Kalau saya seorang guru, pelajar ini tidak membayar yuran dia, saya kena tanya dia, kamu mempunyai masalah apa. Ibu bapa kamu kerja apa? Mungkin dia tidak tanya sebab dia tidak ada data pun berhubung dengan anak-anak didik dia. Inilah kelemahan dia, kalau mereka mempunyai data bahawa setiap guru darjah memegang data pelajar-pelajar dia, saya percaya kita akan berjaya dan akan dapat memperkasakan Sekolah Kebangsaan kita.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin bagaimana memartabatkan Sekolah Kebangsaan bagaimana memperkasakan Sekolah Kebangsaan dari sudut Islam yang lain seperti PAS, dia kata Sekolah Kebangsaan tidak *Islamic*, dia *moderate*. Bagi pihak keturunan Tionghua dan Tamil dia kata Sekolah Kebangsaan sekolah Islam. Kita di antara tengah-tengah yang tidak ada penghujungnya.

Ini perlu kita perbetulkan. Kalau rasa Sekolah Kebangsaan ini benar-benar kita realisasikan secara berkesan, PAS pun akan terima walau pun pembangkang ini kadang-kadang,

ini tugas pembangkang, yang bulat pun dia kata empat segi. Yang membujur pun dia kata melintang. Perempuan pun itu lelaki dia kata. Yang hitam dia kata putih. Hah, itu pembangkang, kita tidak hairan. Ini kerja dia, cuma jangan keterlaluan. Kalau ada *criticize* mesti ada cadangan atau penyelesaian. Jangan *criticize* tetapi tidak ada cadangan.

Yang Berhormat bagi Tumpat saya suka, dia *criticize*, dia ada cadangan dia. Ini nampak ada kelas dalam kepimpinan. Mungkin sebab dahulu dia kena *train* dalam kami punya kem, jadi tidak terikut-ikut dengan kem baru.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memperingati kepada pihak yang membuat keputusan seperti kerajaan bahawa cadangan IPCMC untuk melihat bahawa satu Suruhanjaya ini mempunyai suatu kuasa yang luar biasa telah menjadi rungutan dan rentetan masyarakat kita terutama sekolah Anggota-anggota Polis. Kita percaya di antara setandan pisang ini tidak semuanya baik, ada yang buruk. Dalam kita punya 10 jari pun ada yang panjang, ada yang besar, ada yang pendek, tetapi semua ada keperluan dia. Tuan Yang di-Pertua pun mungkin tahu keperluan-keperluan dia.

Jadi tindakan segelintir anggota-anggota keselamatan kita ini membuat perilaku yang tidak baik, tentera pun ada, *security* pun ada, pegawai bank pun ada menyeleweng, orang politik pun ada menyeleweng, menteri pun ada menyeleweng siapa yang tidak menyeleweng dalam dunia ini? Tidak ada. Itu sebab dia kata tidak ada yang sempurna, yang sempurna Shafie Apdal, itu ya... sebab dia 'Semporna'. Selagi kita hidup dalam dunia ini kita tidak lari daripada melakukan kesilapan dan kesalahan. Justeru itu tidak semestinya, apakah ada satu krisis di agensi kerajaan kita perlu ada suruhanjaya. Krisis dalam DAP perlu suruhanjaya ke? Tak perlu sebab kita tahu DAP boleh selesaikan sendiri, justeru itu cadangan IPCMC ini untuk diwujudkan adalah tidak relevan dalam negara kita pada hari ini.

Seperkara lagi saya ingin kerajaan terutama sekali Kementerian Luar supaya ada ketegasan, walaupun kita dimaklumkan dasar Kementerian Luar ini dia penuh dengan diplomatik, diplomasi, tolak ansur dan sebagainya. Tetapi tolak ansur itu jangan kita sampai ditolak dan dihancurkan. Adakah masuk akal? Apa relevan dia? Saya buat rumah di tanah saya. Saya minta izin dengan jiran sebelah, ini jiran bagus kalau beradab, kalau ada sopan santun, ini jiran, jiran biadab, jiran kurang ajar. Nak bina jambatan, jambatan kita, tanah kita nak minta kepada Singapura. Apa ini? Singapura dia jiran paling biadab dalam ini dunia, dia adalah agen Israel di Asia Tenggara ini. Dan ini kementerian kita masih berlembut. Kita punya Timbalan Menteri Kerja Raya melawat diberi amaran dalam dewan dia. Saya memberi amaran kepada Menteri Luar Singapura jangan masuk campur urusan negara Malaysia. Kita hendak persetujuan, pasir nak bagi, udara nak bagi, kalau boleh bagi nyawa pun mungkin nyawa boleh bagi, kita nak bagi. Ini tidak boleh. Ini satu persoalan yang perlu dipertimbang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, dua yang bangun hendak bagi jalan? Jerai dengan Pengkalan Chepa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jerai dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Ini adalah pahlawan Malaysia. Mengusik Malaysia dia akan naik angin. Ini bagus Yang Berhormat. *Keep it up.* Begitu juga Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, tanah dan ruang udara ini adalah satu benda yang bermaruah sungguh yang bukan boleh jual Yang Berhormat Kinabatangan. Sekarang dia orang hendak perkecilkan kita. Dia dulu sebahagian daripada Malaysia. Hari ini dia nak mengajar kita. Telur ayam yang dia orang makan hari-hari pun Malaysia bagi Dato'. Sayur yang depa makan pun Malaysia bagi. Buah durian kita hantar. Sudah hantar buah durian tak mahu kulit nak isi sahaja. Kita hantar isi kulit tinggal di Johor. Punya biadab dan kurang sopan orang..... jadi la ni kalau depa tak mahu kita 'reban' titi itu, tak ada titi tidak ada masalah biar depa mati kelaparan ataupun mereka makan dengan harga yang paling tinggi kerana import daripada negara lain. Macam mana Yang Berhormat setuju, tak setuju dengan saya ini? Dan kita bagi amaran kepada Singapura dan teguran kepada menteri kita janganlah terlampau dok lembut sangat. Terlampau dok beralah sangat. Dok beralah, beralah, beralah lama-lama kita terkalah. Ada masa kita berkeras, kita kena berkeras. Ada masa kita perlu berlembut, kita perlu berlembut. Keras selalu tak boleh juga. Lembut selalu pun tak boleh juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, ini masa saya tengok tidak panjang.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh sekejap. Terima kasih. Saya sangat setuju dengan sikap Yang Berhormat dan juga Sri Gading. Saya sangat bimbang, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tidak terpakai dalam pertimbangan Kabinet.

Saya ingin mencadangkan, bolehkah Yang Berhormat membawa satu usul di dalam Dewan ini untuk menjadi satu penghalang kepada Kabinet menimbangkan penjualan pasir dan membuka ruang udara kepada Singapura. Kalau itu dapat Yang Berhormat buat dalam satu usul, ia menjadi satu kekuatan yang besar untuk ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Kita sedar kita memang tidak boleh menghalang. Cuma dalam Islam, dia kata kalau ada satu perkara kemungkaran kita lihat tidak betul, kalau kita tidak boleh tegur dengan tenaga kita, tegur dengan pancaendera kita. Dengan mata kita, dengan lidah kita, dengan pandangan kita. Sebab itu wakil rakyat tugas saya bukan memberi amaran, memberi teguran kepada kerajaan supaya memikirkan sebaik mungkin dalam toleransi kita kena mempertahankan maruah, darjat negara kita, bangsa kita. Negara

Singapura ini mengusik kita bukan ini sahaja, banyak isu. Isu air sehingga hari ini. Tidak selesai. Tidak ada pencapaian sudah bertahun-tahun. Bekas Perdana Menteri diam, jadi menteri *senior minister*, ini yang dihantar berunding dengan Perdana Menteri kita. Ini menghina. Kalau saya Menteri Luar saya tidak terima dia. *Who are you? You get out.* Apa, waktu sama-sama Perdana Menteri tidak selesai, jadi Menteri Kanan mahu selesai ke? Ini tipu. Singapura ini memang penipu. Pemimpin dia semua penipu. Main wayang tidak ada betul punya. Jadi jangan kita tertipu, jangan kita terperangkap dengan isu seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi yang ingin saya bawa, ini ingin menyampaikan hasrat mereka yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM. Ramai juga dari kampung saya tidak dapat 10, 15 A, tapi layak dan mereka keluar dari kampung menuju ke *cyber cafe*. Nak masuk *online* sebab pendaftaran masuk IPTA melalui *online*. Malangnya sudahlah satu jam tiga ringgit, laman yang dilayari tidak dapat dimasuki. Dan baru dapat ditembusi melalui dari rumah jam tiga pagi. Jadi ini nampaknya satu pencapaian yang tidak baik sebab mungkin ada yang tercicir. Saya minta kepada Menteri Pendidikan Tinggi di samping *online* edarkan borang-borang ke IPTA ini seperti biasa. Sebab ianya akan memudahkan khususnya pelajar-pelajar daripada luar bandar untuk memasuki IPTA walaupun yang memohon kita tahu melebihi 90 peratus, yang diambil cuma lebih kurang 100 ribu yang memohon 500 ribu, jadi ini memang satu masalah. Ini yang perlu dilihat. Bagaimana kita hendak menyediakan pendidikan kepada anak bangsa kita. Ini yang kita mahu dengar dari pembangkang cadangan. Apa cadangan pembangkang? Kerajaan ini bukan jahil sebab kerajaan ini menerima kritikan menerima pandangan dan kalau ini tidak berlaku, saya minta kalau ada pegawai-pegawai pendidikan tinggi yang ada dalam Dewan ini sampaikan hasrat ini dan kalau boleh laksanakan dengan segera. Jangan aniaya pelajar-pelajar kita daripada luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Dato', cuma sedikit ingin menyambung apa yang sahabat saya Kinabatangan menyampaikan tadi. Saya juga berpengalaman membantu anak saya untuk mengisi borang melalui *internet* ini. Dan dengan kemudahan yang saya ada, memang betul kadang-kadang waktu *peak hours* ini tidak dapat isi borang. Waktu itu saya cukup terkenang orang-orang kampung yang tidak ada kemudahan dan juga yang menghadapi masalah ini. Jadi sekadar teguran ikhlas, saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya menangguhkan sedikit lagi tarikh tutup itu supaya kena ambil kira anak-anak orang kampung di pedalaman Sabah, Sarawak, Ulu Tembeling ini yang tidak dapat *access* dengan sistem ini. Ini untuk penambahbaikan dan saya rasa tahun hadapan bertambah baik. Ini adalah pandangan, boleh setuju sahabat saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya akan ambil ucapan Kubang Kerian sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Ini memang *serious*. Saya meminta kalau boleh kementerian dan juga agensi-agensi pelaksanaan dia melanjutkan tempoh ini. Sebab

memang ada yang tercicir daripada kawasan-kawasan luar bandar. Ini laman *web* yang dilayari ini pun tiga jam belum tentu dapat access. Ini masalah, jadi jangan aniaya bangsa kita, jangan aniaya masyarakat kita. Sebab saya akan mengatakan skop ini di Dewan akan datang nanti, sekiranya ada pelajar-pelajar saya yang tertinggal disebabkan oleh kelemahan sistem kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya berjanji selagi masalah ini tidak selesai, saya akan suarakan. Seri Paduka Baginda dalam ucapannya sekali lagi mengulangi bahawa masih tidak berpuas hati dengan sistem komunikasi telefon *cellular* di negara kita. Dan saya, di kawasan perumahan Batu 5, Jalan Labuk, lebih kurang tujuh kilometer daripada bandar tidak ada *line* untuk sama ada 012, Celcom, Maxis atau sebagainya. Jadi, apakah ini Tuan Yang di-Pertua?

Saya mahu minta kepada semua operator ini, beri tumpuan kepada perumahan Taman Chunir sebab di sana pun rakyat Malaysia, yang berada di Sandakan. Mereka kena prihatin masalah yang kami hadapi, yang rakyat hadapi di kawasan ini. Tidak masuk akal kawasan tujuh kilometer daripada bandar, dia tulis di sana, "Ini kawasan Celcom - Wilayah Celcom", wilayah apa? Wilayah tipu dialah! Tidak ada wilayah. Tidak ada. Semua tidak ada.

Jadi, dia kena perbetulkan sistem komunikasi ini, kalau tidak saya akan adukan sendiri kepada Yang di-Pertuan Agong... *[Disampuk]* bahawa mereka ingkar dengan titah arahan ucapan Seri Paduka Baginda. Sudah setahun dibagi, masih juga tidak boleh. Inilah yang berlaku.

Terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa isu di kawasan saya juga. Baru-baru ini Kinabatangan telah dilanda banjir yang luar biasa dan saya hampir-hampir keseorangan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain menangani isu banjir yang begitu menghantui masyarakat saya di Kinabatangan.

Dalam soal itu saya berkesempatan duduk melihat di kaca TV dan membaca akhbar. Saya ternampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menghulur cek sebanyak RM1,800 maksimum bagi seorang penduduk yang terlibat dalam mangsa banjir baru-baru ini di Semenanjung. Negeri-negeri tersebut dihulur RM1,800. Dia panggil 'wang ehsan' untuk mangsa banjir.

Saya sakit hati, Tuan Yang di-Pertua. Sebab banjir tahun 2003 saya juga meminta wang ehsan ganti rugi kepada petani/penternak tetapi tidak juga dibayar. Banjir di Semenanjung tiga hari dapat pampasan, banjir di kawasan saya satu bulan tidak ada pampasan! Kali ini saya menuntut supaya diberi pampasan yang sama. *[Tepuk]* Sebab kami rakyat di Kinabatangan adalah rakyat Malaysia yang berada di Sabah dan di Kinabatangan. Kami bukan pemegang kad IMM 13. Kami bukan PTI. Kami bukan pendatang!

Saya sakit hati melihat kenapa ada unsur-unsur pilih kasih dalam menterjemah, dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bencana seumpama ini. Saya meminta supaya kerajaan memberi keadilan yang saksama. Sebab kita ini pemimpin perlu adil. Pemimpin yang tidak adil akan tidak selamat dunia dan akhirat. Jadi, kita mahu pemimpin adil. Sebab kalau

pemimpin adil, kita akan menjadi pemerintah; pemerintah dipilih oleh rakyat dengan kudrat daripada Allah SWT harus memberi keadilan yang sebaik mungkin.

Saya tidak percaya. Saya hampir marah dengan keadaan tersebut. Kenapa banjir tiga hari semua pemimpin turun? Kelengkapan cukup. Di kawasan saya 39 buah jambatan terputus. Bayangkan tiga batang jalan raya runtuh di kampung itu sehingga empat minggu kami tidak boleh lalui. Minta helikopter dengan tentera prosedurnya banyak. Ini tidak patut berlaku dalam keadaan negara kita ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih sebab diberi peluang dan kalau ada yang tersilap saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang lain. Hasrat saya memang untuk menyampaikan masalah ini. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Pasir Mas]* Ini mahu perlikah ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, saya akur dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Beluran.

12.45 tgh hari.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memetik satu siaran akhbar yang ditulis oleh Ana Maria Shamsudin tiga hari yang lalu berhubung dengan kenyataan Air Asia. Saya petik:

“Air Asia Bhd. is planning to outsource the rural air services to another party if it is asked to take over the operation from national carrier Malaysian Airlines”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita terjemahkan ini dalam bahasa Malaysia bererti Air Asia Bhd. akan meng*outsour*cekan - bagi kepada pihak ketiga - *subcon* operasi domestik untuk penerbangan domestik jika sekiranya Malaysia Airlines menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Air Asia.

What is the meaning? Apa maknanya, Tuan Yang di-Pertua? Maknanya Air Asia juga tidak ingin menerima *domestic route* yang akan diserahkan kepada mereka. Maknanya Air Asia juga tidak mahu rugi seperti MAS! Air Asia akan menolak ini kepada *third party*. Siapa *third party*?

Ini bererti penerbangan domestik yang selama ini dipertanggungjawabkan kepada MAS dan MAS dalam pengurusan baru ini ingin menolak - melepaskan tanggungjawab ini daripada mereka dan menyerahkan kepada Air Asia. Tetapi akhirnya Air Asia tidak akan bertanggungjawab terhadap khidmat yang akan dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Saya membawa soal ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong sebahagian daripada Ahli Parlimen yang telah menyuarakan kerisauan tentang pengurusan MAS yang ada pada ketika ini. Saya yang lahir di Sabah dan rakan-rakan yang lahir di Sarawak ada keunikan yang tersendiri tentang Sabah dan Sarawak dari segi pengangkutan udara dan darat. Keunikan yang bukan kelebihan tetapi keunikan yang merupakan kekurangan daripada perkhidmatan yang dialami dan dimiliki oleh saudara-saudara yang berada di Semenanjung Malaysia. Di Sabah dan Sarawak, menaiki kapal terbang bukan satu kemewahan. Bukan satu kelebihan. Tetapi tidak ada alternatif yang lain yang boleh kita gunakan untuk pengangkutan darat.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, MAS tidak boleh lari dari tanggungjawab ini dan tidak boleh menyerahkan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan untuk mereka yang berada di luar bandar untuk mendapatkan sistem pengangkutan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah dan Sarawak sistem perjalanan darat merupakan sistem yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sistem yang ada di sini. Kerana itu, sebahagian besar daripada masyarakat akan menghadapi kesulitan jika dolak-dalik antara MAS, Air Asia dan pihak ketiga nanti akan berlaku di masa akan datang ini.

Saya tidak ingin membawa soal ekonomi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat Kota Kinabalu *International Airport* yang mengendali lebih kurang 2,000 hingga 3,000 *passenger* setiap hari, saya difahamkan, yang mempunyai rangkaian domestik Kota Kinabalu - Sandakan; Kota Kinabalu - Lahad Datu; Kota Kinabalu - Tawau; Kota Kinabalu - Labuan dan Kota Kinabalu - Kuala Lumpur, dari segi *volume* ia merupakan pelaburan yang boleh menguntungkan.

Oleh sebab itu apabila MAS mencadangkan agar *route* yang merugikan ini - *route* domestik ini akan diserahkan kepada pihak ketiga, saya menyeru agar kerajaan menyiasat, menimbang semula dan melakukan pertimbangan yang sewajarnya untuk melihat *proposal* daripada MAS dalam pengurusan baru mereka ini.

Kita tidak boleh biarkan dalam meraih keuntungan, MAS harus lari dari tanggungjawab untuk memberikan alternatif pengangkutan kepada rakyat Malaysia di Sabah dan juga Sarawak.

Saya ingin mengajak agar pengurusan baru melihat semua aspek dari segi kos pentadbirannya, kos *handlingnya* dari segi penyampaian *ticketing* dan sebagainya, kakitangannya untuk dikira secara masak-masak dan melakukan yang terbaik, dan jika dalam perkiraan tersebut harus dinaikkan tambang sedikit untuk perkhidmatan udara, saya rasa rakyat Malaysia di Sabah boleh menerima hakikat yang sebegini. Tetapi untuk terus lepas daripada tanggungjawab kepada satu pihak yang juga akan melepaskan tanggungjawab kepada pihak ketiga adalah merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab di pihak MAS yang telah dipertanggungjawabkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap agar Kementerian Pengangkutan mengambil.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: mengambil tindakan sewajarnya dan melihat proposals yang telah dikemukakan oleh MAS yang menyentuh tentang perkhidmatan penerbangan domestik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya mungkin tidak sependapat dengan Yang Berhormat bagi Beluran untuk pihak MAS menaikkan tambang bagi memperbaiki kedudukan kewangan mereka. Saya percaya MAS masih lagi perlu mengekalkan tambang yang sedia ada. Tetapi MAS perlu melihat peluang-peluang lain terutamanya dari segi perkhidmatan kejuruteraan, di mana hari ini mungkin MAS terpaksa membayar bilion ringgit untuk menghantar kapal terbang-kapal terbang kita supaya dapat dirombak rawat ataupun dibaik pulih. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat supaya MAS mencebur bidang ini menjadikan negara seperti Vietnam, *Philippine*, atau negara-negara lain yang murah kosnya untuk menambah keuntungan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih saudara Tangga Batu. Itu saranan saya tadi. Jika kos-kos operasi ini ditolak, diselidiki, dan disiasat, dikaji sebaik-baiknya dari segi ekonominya dan jika ianya sudah dikurangkan dan MAS masih lagi rugi dalam operasinya, *then the last alternative probably* menaikkan sedikit kadar tambang untuk itu tetapi, tidak melepaskan tanggungjawab kepada pihak yang ke tiga. Soal seperti yang saya katakan soal pengurusan, soal kos bekalan, kos staf, gaji, bonus, ext, harus diambil kira dalam perkiraan operasi untuk keuntungan perkiraan tambang dan sebagainya untuk MAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada topik yang lain satu topik yang juga merupakan topik yang menjadi pengetahuan umum setakat ini. Kalau kita lihat soalan 10 dalam soalan-soalan lisan, jawapan lisan semalam, persoalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang bertanyakan Menteri Kewangan tentang apa rasional Proton menjual *MV Agusta* pada harga 1 *Euro*, dan kalau kita lihat jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian: Penjual *MV Agusta Motors SpA* kepada harga 1 *Euro* adalah bagi membolehkan Proton menumpukan perhatian kepada *co-business* dan meminumkan pendedahannya kepada kerugian bagi pelaburan dalam *MV Agusta*. Kalau kita lihat jawapan ini, ini merupakan jawapan yang diberikan begitu pendek dan seolah-olah ia telah menjawab kepada pertanyaan umum tentang mengapa *in the first place*, Proton boleh terlibat dalam pembelian *MV Agusta* ini?

Ini kerana kalau kita lihat Proton membelinya dan belum sempat beroperasi, belum sempat terlibat masuk di dalam *MV Agusta*, dan akhirnya Proton harus terpaksa melepaskan pegagannya dalam *MV Agusta*. Banyak pertanyaan yang timbul. Dari segi ekonominya, mengapa dalam proses *due-diligent*, yang seharusnya dilakukan oleh Proton, tidak dapat menilai sebenarnya nilai *MV Agusta ini* sebelum ianya dibeli saham-saham *MV Agusta* itu oleh Proton.

Pertanyaan mengapa pengurusan tidak dapat melihat sama ada itu merupakan pelaburan yang akan mendatangkan faedah kepada Proton, kerugian yang dialami oleh *MV Agusta* itu sendiri. Kita dimaklumkan bahawa logonya sendiri pun tidak boleh diguna pakai oleh Proton kerana ianya juga sebahagian daripada hak milik bank yang telah menjadi bebanan kepada syarikat berkenaan. Kalau kita lihat produknya sendiri pun ianya merupakan satu produk yang tidak ada *connection*nya dengan Proton. Tuan Yang di-Pertua, soalnya berapa banyak kerugian?

Walaupun dikatakan bahawa ianya akan dijual dalam harga 1 *Euro*. Orang ramai bertanya berapa sebenarnya kerugian Proton dalam pelaburan *bad investment* yang berlaku di dalam Proton ini. Berapa banyak wang yang akan menjadi beban kepada Proton walaupun akhirnya nanti 1 *Euro* ini dijual *MV Agusta* ini dalam 1 *Euro* dan melepaskan beban kewangan yang akan dialami oleh *Proton but how much money involve*. Itu merupakan pertanyaan-pertanyaan orang ramai ketika ini bertanya di dalam isu *MV Agusta* ini.

Dan soal mengapa pengurusan tidak dapat mengetahui tentang beban yang akan berlaku, akan dialami oleh Proton merupakan juga soalan. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pengurusan-pengurusan Proton yang berkaliber. Kerajaan sentiasa mengingatkan GLC dan juga syarikat-syarikat yang kerajaan berkepentingan untuk mengamalkan *good governance* dan mengamalkan pelaburan yang berhemah.

Nampaknya Proton terperangkap dalam pelaburannya dengan *MV Agusta*. Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan melihat ini sebagai satu *bad investment on the part of Proton* dan harus disimpan kes ini sebegini ataupun kerajaan ingin menyiasat apa yang berlaku dalam isu ini, sama ada adanya ketidakbetulan yang berlaku dalam pengurusan Proton. Saya inginkan penjelasan dalam isu itu oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ini menyentuh perkara-perkara yang penting berhubung kait dengan pentadbiran awam negara. Kalau kita lihat ketika ini antara tiga komponen kerajaan eksekutif, *legislature* dan juga *judiciary* ini, saya tidak akan berkata tentang *judiciary* tetapi di pihak *legislature*. Kita telah melalui proses-proses yang banyak, baik dari segi permulaan kita dicalonkan, pemilihan parti, pemilihan bahagian, kita telah melalui proses-proses yang begitu banyak, dan kalau kita lihat baru-baru ini Perdana Menteri telah mengumumkan satu rombakan Kabinet yang telah membayangkan tentang *this is the team*.

Inilah pasukan yang akan bersama-sama dengan Perdana Menteri untuk berhadapan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi komponen penting yang juga penting iaitu kumpulan eksekutif, pentadbiran awam. Ramai yang merasakan bahawa kumpulan-kumpulan ini masih merupakan kumpulan yang sama, yang melalui Rancangan Malaysia Kelima, Rancangan Malaysia Keenam, Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan sebagainya. Pertanyaan sama ada kumpulan ini telah benar-benar melalui proses pemilihan, dan kumpulan merupakan sebahagian daripada pasukan Perdana Menteri untuk berhadapan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, merupakan isu-isu yang diperkatakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat isu seperti tiadanya *live telecast* yang dikendalikan oleh RTM semasa pengumuman, isu seperti harga rumah PPRT yang tidak mencukupi, sedangkan dasar kerajaan untuk memberi PPRT kepada rakyat miskin tetapi dalam pelaksanaannya PPRT tidak dilaksanakan kerana harga siling yang dikemukakan oleh kerajaan tidak mencukupi sebahagiannya untuk membina PPRT di kawasan-kawasan luar bandar. Dan, isu penyalahgunaan visa di kalangan penuntut-penuntut luar negara yang belajar di sini. Ini merupakan isu-isu yang memberi bayangan kepada Menteri dan ahli-ahli politik. Tetapi sebenarnya isu-isu ini ditangani oleh pentadbiran awam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu merupakan isu-isu yang sebenarnya ditangani, dipertanggungjawabkan oleh pentadbiran awam, tetapi akhirnya kesan daripada ketidaklaksanaan isu-isu ini pihak *legislature*, menteri dan sebagainya akan mendapat imbasan daripadanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak sambung petang.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Beluran untuk menyambung berucap.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang saya berikan tadi menunjukkan ada di kalangan kakitangan awam yang masih berada dalam zon selesa mereka, *comfort zone*. Yang masih tidak, kurang pro aktif dan menjalankan tanggungjawab yang lebih mencabar. Kerana kita tertanya adakah SSB, Sistem Saraan Baru dan juga yang dipanjangkan melalui Sistem Saraan Malaysia (SSM) telah benar-benar berjaya melahirkan kakitangan awam yang proaktif, yang luar daripada *comfort zone* mereka. Soal *complacency* soal keselesaan menjadi pertanyaan ramai, arahan-arahan seperti *punch card* umpamanya perlu dikaji kerajaan sama ada ianya masih berkesan dalam pentadbiran sekarang ini. Sejauh mana ianya telah dapat melahirkan kakitangan yang benar-benar *punctual* dari segi kedatangan ke pejabat? Sejauh mana ianya di *abuse* kan, tidak dilaksanakan secara baik? Itu perkara-perkara yang harus dilihat oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Kita melihat berbagai arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan, berpuluh arahan daripada Ketua Setiausaha umpamanya. Sama ada arahan ini dipatuhi oleh pegawai kerajaan,

umpamanya satu arahan yang dikeluarkan oleh Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2001, Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pemantauan Penguatkuasaan Undang-undang di Peringkat Pentadbiran Daerah yang menggariskan Pegawai Daerah sebagai pengerusi dalam menentukan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang peringkat daerah dilaksanakan. *Then question*, sejauh mana ianya berkesan melihat daripada Pegawai Daerah yang sudah menduduki lebih daripada empat pengerusi-pengerusi di peringkat daerah. Persoalan, adakah arahan ini berkesan dari segi pelaksanaannya?

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan aspek-aspek yang harus dilihat oleh kerajaan dalam menilai kemampuan kakitangan kerana kita melihat bahawa kakitangan awam merupakan pelaksana besar, kumpulan yang penting untuk menentukan dasar kerajaan dilaksanakan dengan baik. Saya mengambil satu contoh, dasar pembangunan negara umpamanya, strategi pelaksanaan DPN yang menggariskan merangkumi aspek-aspek radikal seperti mewujudkan keseimbangan optimum antara pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama. Memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi, mengurangkan dan akhirnya menghapuskan ketidaksamaan sosial ekonomi dan sebagainya. Dan pertumbuhan secara adil untuk semua pihak.

Dan yang keempat, menggalakkan dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri dan antara kawasan bandar dan antara kawasan luar bandar. Ini merupakan dasar kerajaan yang penting, untuk menentukan pembangunan itu dilaksanakan secara seimbang. Dan digariskan dengan nyata bahawa antara negeri, antara bandar, antara luar bandar merupakan pembangunan yang dilihat oleh kerajaan untuk dilaksanakan secara seimbang dan melahirkan situasi ekonomi yang seimbang antara semua kaum. Dan kalau ini dicapai, maka akhirnya nanti kita akan melihat dasar pembangunan kerajaan itu berjaya dan ketidakseimbangan dan ketidakadilan tidak berlaku.

Tapi kalau kita lihat apa yang berlaku dalam pembangunan kerajaan ketika ini, dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Ketujuh, Keenam, dan sebagainya yang di bawah. Satu kajian yang dibuat oleh IDS di negeri Sabah, kajian yang dikatakan, dinamakan Pelan Strategik Pembangunan Luar Bandar negeri Sabah yang dibuat oleh IDS. Antara penemuan-penemuan penting ialah:

- (i) Jurang yang semakin meluas bukan sahaja di antara sektor bandar dan luar bandar tetapi wujudnya satu jurang ketidakseimbangan dan ketidakserataan kesan pembangunan antara satu wilayah dengan wilayah yang lain di Sabah itu sendiri.
- (ii) Pembangunan dan *accessibility* kepada infrastruktur asas, sosial, sokongan dan infrastruktur tidak menyeluruh.

- (iii) Ketidakseimbangan yang wujud dalam konteks pembangunan sistem perbandaran, rantaian, jaringan dalaman dan luaran yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, nyata bahawa walaupun kita telah menggariskan satu dasar pembangunan yang adil, saksama yang harus dilaksanakan mengikut bentuk dan corak sedemikian untuk melahirkan keseimbangan sosial ekonomi antara semua wilayah dan juga kaum. Tetapi akhirnya setelah 9 tahun, lapan Rancangan Malaysia kita melihat, wujud ketidakseimbangan pembangunan yang ketara berlaku di negara kita. Itu saya katakan bahawa pihak pentadbiran awam merupakan pihak benar-benar penting, yang amat penting, yang benar-benar akan dapat menentukan kejayaan dasar-dasar kerajaan.

Banyak yang berlaku ketika ini, di mana Kementerian mahu melakukan dasar tetapi pelaksanaannya mengecewakan. Kementerian Pengajian Tinggi umpamanya sejak Parlimen yang lalu, telah menentukan dasar untuk mewujudkan kolej komuniti umpamanya di setiap daerah di kawasan Parlimen. Tetapi akhirnya kita lihat harapan atau niat untuk melakukan itu tidak dilaksanakan secara ketara. Begitu juga kita melihat dasar Kementerian Belia dan Sukan umpamanya, yang ingin melihat adanya kompleks sukan komuniti di setiap daerah Parlimen, di setiap daerah DUN. Tetapi akhirnya kita melihat dasar itu, keinginan itu tidak dilaksanakan.

Dan ini seolah-olah mencerminkan bahawa Menteri *fall into the category of syndrome lounging* ia umum tetapi akhirnya pelaksanaan itu tidak ketara disebabkan oleh ketidakterlaksanaan dasar yang *intended* dilaksanakan oleh Kementerian. Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya telah mengikuti apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat, masalah utama ialah pembangunan di negeri Sabah.

Adakah ini kerana struktur ataupun strategi pembangunan negeri Sabah itu kita mesti mempunyai satu strategi yang berlainan, iaitu mungkin pendekatan pembangunan di Sabah itu mesti secara lebih setempat atau *localize* ataupun pegawai-pegawai kerajaan di Semenanjung ini tidak memberikan keutamaan ataupun *priority* kepada pembangunan. Apakah pendapat Yang Berhormat Beluran?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Puchong. Kalau itu kenyataannya maka pihak pentadbiran awam harus mengkaji keperluan sedemikian kerana mereka akan melaksanakan projek. Saya bagi lanjutan contoh pada kenyataan itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meletakkan Program Perumahan Rumah untuk rakyat miskin, tetapi pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini meletakkan harga sebuah rumah itu sebagai RM13,900 tetapi pada peringkat prasarananya Tuan Yang di-Pertua, beratus buah rumah yang dicadangkan dilaksanakan pada tahun 2005 di Sabah umpamanya, hanya 40 yang mampu dilaksanakan. Persoalannya kenapa? Kerana kos RM13,900 ini tidak mencukupi untuk membiayai pembinaan rumah yang diniatkan oleh kementerian *then* salah siapa? Kenapa tidak pihak perancang mengkaji soal kos pengangkutan

yang tinggi untuk kos pembinaan di Sabah, kos pengangkutan, kos bahan yang lebih mahal daripada di Semenanjung ini dan aspek-aspek itu harus telah menjadi kajian pegawai-pegawai kerajaan. Dan menteri boleh umum bahawa ada program sedemikian dan dilaksanakan mengikut niat kementerian, tetapi kita lihat ianya tidak berlaku dan saya harap perkara ini dikaji dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Datuk Beluran. Boleh tidak kita *go astern* sedikit kerana Tuan Yang di-Pertua saya hendak masuk tadi masa sudah terlalu terhad untuk makan tengah hari, jadi kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga Beluran saya hendak *go astern* sedikit atas ucapan Beluran. Saya mendengar rintihan tadi berkaitan dengan MAS dan Air Asia. MAS hendak bagi laluan rugi dalam negeri kepada Air Asia, itu cara CEO MAS yang baru. Kalau itu cara CEO saya ingat kita sudah silap lantik CEO. Kalau CEO cuma hendak lepaskan benda-benda yang dia fikir merugikan MAS tanpa memikirkan kepentingan rakyat miskin di Sabah dan di Sarawak untuk apa dia jadi CEO MAS? Saya pun boleh. Yang rugi kau ambil Beluran, yang untung aku punya siapa pun boleh jadi CEO ini Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak betulkan ini sehingga rakyat Sabah, Sarawak yang tidak ada pilihan lain melainkan kapal terbang akan menjadi azab seksa kerana CEO hendak mementingkan keuntungan MAS, tidak ada cara lain ke hendak untung?

Tuan Yang di-Pertua: Baik cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada cara lain ke hendak untung?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau itu caranya.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:rakyat akan rugi Tuan Yang di-Pertua, CEO macam ini tidak dikehendaki Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mementingkan kebajikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sabah dan Sarawak bukan ada pilihan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Faham Beluran?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolong buat ulasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: CEO Tuan Yang di-Pertua, CEO ini saya komen. Dia dilantik atas kejayaannya dalam Shell. Shell dengan MAS dua entiti yang berbeza. Shell *profit oriented absolutely* 100%. MAS mempunyai tanggungjawab sosial, mempunyai penglihatan dari kaca mata integriti perpaduan rakyat Malaysia ini sebab itu dia kena lihat biar *proposal* dia yang begitu hendak naik tambang, buat ini, hendak buang ini hendak bagi Air Asia, Air Asia hendak buang lagi kepada pihak yang ketiga. Dikaji secara serius oleh kerajaan jangan ambil bulat-bulat ini *responsibility social* kerajaan harus....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga minit lagi ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau ini Tuan Yang di-Pertua tidak boleh fasal hendak untung jual sana, jual sini siapa pun boleh Tuan Yang di-Pertua. Hendak ambil untung harta jual, jual, jual oh! Macam ini bankrap Malaysia kalau sudah CEO yang macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Beluran minta tiga minit lagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sedikit lagi, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya ingin cadangkan Tuan Yang di-Pertua agar dalam kita menghadapi Rancangan Malaysia Kesembilan ini semua input harus diambil kira, semua tenaga kepakaran diambil kira kerana itu saya katakan bahawa pihak eksekutif, kerajaan harus melihat penglibatan menteri itu secara *direct* dalam menentukan program-program yang telah dijadualkan dalam kementerian akan dapat dilaksanakan dengan baik. Penglibatan menteri yang secara langsung bukan dalam keadaan sekarang ini apabila projek-projek kementerian itu KSU lebih merupakan kuasa yang menentukan sama ada program itu dilaksanakan tahun ini, tahun hadapan dan sebagainya.

Saya cuma ingin mencadangkan agar di peringkat bahagian, di peringkat kawasan wakil-wakil rakyat dilibatsertakan dalam proses *formulation* ini, dalam proses cadangan menentukan kesesuaian projek dan sebagainya secara *direct*. Biar ada forum yang tertentu bukan sekadar kita melihat dan menulis surat kepada kementerian tetapi memberi peluang kepada wakil-wakil rakyat untuk terlibat sama dalam proses pelaksanaan, dalam proses penjadualan, pelaksanaan, pemantauan dan sebagainya. Kerana itu saya ingin melihat agar Mesyuarat Tindakan Daerah, Mesyuarat Pembangunan Daerah itu diubahsuai dalam bentuk yang lebih berkesan lagi agar input daripada semua pihak itu dalam menentukan program kerajaan itu dilaksanakan dengan baik akan dapat dilakukan secara berkesan melalui mesyuarat-mesyuarat yang ada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mencadangkan agar tiga perkara yang diambil oleh kementerian terhadap kerajaan untuk menentukan pentadbiran awam ini akan menjadi pentadbiran awam yang berkesan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita berharap agar tindakan akan diambil Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan bahawa semua program-

program RMK-9 ini akan dapat dilaksanakan sama ada dalam mewujudkan satu badan pemantau yang melibatkan *private sector* dan sebagainya, NGO dan sebagainya untuk memastikan bahawa semua ini akan dapat dilaksanakan. Saya juga ingin kerajaan akan terus lebih serius untuk menentukan *good governors* dilakukan dan juga integriti dipertingkatkan melalui pewujudan IAAM dan sebagainya. Saya dengan demikian ingin menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Bukit Mas 10 minit ya. Bukit Mas.

2.48 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau minta 10 minit.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terlebih dahulu saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain pun macam itu juga.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:untuk menyokong ucapan menjunjung kasih oleh Yang Berhormat Kuala Lipis ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini sempena Persidangan Parlimen ke-11 Penggal Ketiga yang sedang berlangsung sekarang.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Kuala Pilah.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Kuala Pilah ya. Titah Diraja Duli Tuanku yang meliputi pelbagai aspek perlu dijadikan panduan dan pedoman ke arah menjayakan Dasar Wawasan Negara. Justeru itu rakyat berbilang kaum, budaya, agama di negara ini perlu bersatu padu dan menyokong segala usaha kerajaan lebih-lebih lagi dalam usaha mempertingkatkan pelaksanaan pembangunan di bawah RMK-9 yang dinanti-nantikan rakyat untuk menjana ekonomi, membawa kesejahteraan dan kemakmuran hidup kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kenaikan harga minyak petrol dan diesel sekarang rakyat khususnya di kawasan Parlimen Bukit Mas dapat menerima penjelasan dan keputusan kerajaan untuk menaikkan harga komoditi tersebut bertujuan menghasilkan sejumlah RM4.4 bilion untuk mengemas kini dan memperbaiki lagi kemudahan pengangkutan sedia ada. Di samping itu rakyat Bukit Mas khususnya dan Sarawak amnya yang memerlukan keseimbangan dan peningkatan dari segi kemudahan pengangkutan berharap agar Kerajaan Pusat dapat menyumbang 10% atau lebih daripada penjimatan sebanyak RM4.4 bilion itu untuk diagih-agihkan ke seluruh kawasan di negeri itu.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya terus memantau dan mengawal dengan ketatnya harga barang keperluan harian di pasar dan pekan di kawasan luar bandar supaya tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, akibat kenaikan harga minyak dan kos pengangkutan sekarang penduduk-penduduk di Tanah Tinggi Bario dan Ba Kelalan dalam kawasan parlimen saya di

Bukit Mas menderita dan menanggung beban berat kerana terpaksa membeli barang-barang dengan harga berlipat kali ganda. Contoh, harga satu liter minyak petrol di Bario ialah RM4.20 sen, diesel juga RM4.20 dan gas RM150 bagi setong. Sementara di Ba Kelalan satu liter petrol RM2. 80 sen, diesel RM2 ringgit dan setong gas RM55..

Untuk makluman Dewan yang mulia kedua-dua kawasan tersebut hanya dapat dihubungi melalui penerbangan pesawat MAS Twin Otter kadangkala menggunakan jalan darat dari Lawas ke Ba Kelalan memakan masa dari 5 ke 6 jam dan ke Bario dari Miri memakan masa 13 ke 16 jam, termasuk berjalan kaki dari hujung jalan Balak ke kampung. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dan mencadangkan kepada kerajaan supaya membantu penduduk-penduduk di kawasan tersebut mungkin melibatkan pihak tentera dengan menggunakan pesawat Nuri untuk mengangkut bahan api ke Bario dan Ba Kelalan Kedua untuk memberi subsidi khas terhadap barang kawalan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan masa hadapan khususnya pembekalan api elektrik dan paip air ke Ba Kelalan dan Bario saya mencadangkan satu kajian dijalankan oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mengenal pasti sumber semula jadi iaitu air yang mencukupi dan boleh menjanakan elektrik dan pada masa yang sama membekal air ke kawasan tersebut. Kajian ini perlu dilakukan berikutan kejayaan penjaan elektrik melalui mikro hidro di 11 lokasi di kawasan Ba Kelalan oleh pihak individu dan syarikat tempatan dan ini harus menjadi inspirasi kepada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesukaran untuk membangunkan kawasan Bario dan Ba Kelalan tanpa perhubungan jalan maka saya mohon kepada kerajaan agar cadangan jalan raya dari Lawas ke Ba Kelalan dan seterusnya ke Bario di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat merealisasi secepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit tenat dan kronik dari daerah Limbang dan Lawas, masing-masing dirujuk ke hospital Miri dan Queens Elizabeth, Kota Kinabalu untuk mendapat rawatan lanjut. Biasanya pesakit di hantar ke tempat tersebut menggunakan kenderaan, ambulans dan kadangkala helikopter. Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, apabila ajal menimpa pesakit dan tiba-tiba meninggal dunia di hospital Miri atau Queen Elizabeth Kota Kinabalu keluarga si mati bersusah payah mengurus jenazah balik ke tempat asal dengan memerlukan ongkos yang tinggi selain pengurusan rapi jika membawa jenazah melalui jalan darat melintasi Brunei. Jika membawa mayat balik menggunakan kapal terbang ongkos adalah dalam lingkungan RM2,500 ke RM4, 000. Ini membebankan keluarga khususnya yang berpendapatan rendah dan miskin. Untuk mengatasi masalah saya mohon kepada Kementerian Kesihatan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang pakar di hospital Limbang dan Lawas dengan itu dapat mengurangkan kes rujukan ke hospital Miri dan Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pihak hospital dapat mengurus dan menghantar pulang mayat ke tempat asal menggunakan kenderaan ambulans. Selain itu,

kemudahan dan kelengkapan serta perkhidmatan di hospital-hospital perlu ditingkatkan sejajar dengan tuntutan semasa. Sehubungan ini, saya merayu kepada kerajaan dan Kementerian Kesihatan supaya segera melaksanakan bangunan hospital baru daerah Lawas yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana menyiapkan bangunan CIQ di Pandarwan dan di Daerah Limbang dan Merapok di Daerah Lawas. Disebabkan keunikan bahagian Limbang sebagai pintu masuk pelawat dan pelancong dari negara Brunei Darussalam, Kalimantan, Indonesia dan negeri Sabah maka perlu diadakan kawalan sempadan di kawasan strategik bagi mengawal kemasukan rakyat asing. Oleh yang demikian saya mohon diadakan CIQ di sempadan Sarawak dengan Indonesia di Ba Kelalan dan juga di Pendam Gadong, Limbang, Sempadan Sarawak dengan Brunei. Ini merupakan pintu masuk kedua dari Brunei selain yang sedia wujud sekarang di Kuala Lurah.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang menjadi pelanggan yang setia kepada syarikat MAS selama ini merasa terperanjat dengan pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru-baru ini bahawa perkhidmatan pengangkutan domestik MAS akan diambil alih oleh Air Asia. Apa yang menjadi soalan orang ramai ialah jika Air Asia mengapa tidak MAS? Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, rakyat berharap agar perkhidmatan penerbangan yang akan dibekalkan oleh Air Asia lebih baik daripada apa yang syarikat MAS berikan.

Sehubungan perkara ini saya ingin tahu apakah jenis kapal terbang yang akan digunakan oleh Air Asia ke destinasi luar bandar sama ada masih menggunakan Twin Otter dan jaminan bahawa *flight* frekuensi dengan izin tidak akan dikurangkan bahkan di tambah untuk tidak menjejaskan perkhidmatan pengangkutan di kawasan pendalaman seperti Ba Kelalan, Bario, Long Lellang dan lain-lain kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bera, sila.

2.58 ptg

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih terhadap Titah Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan mesyuarat pertama penggal ketiga pada 13 hari bulan Mac 2006 baru-baru ini. Antara titah Baginda ialah Baginda memandang serius kepada amalan perdagangan yang tidak beretika dan juga beberapa isu lain mengenai isu ekonomi.

Di dalam negara kita, satu faktor yang mewujudkan ketidakadilan di dalam perdagangan adalah kerana kita tidak mempunyai undang-undang khusus mengenai anti-monopoli ataupun antitrust yang dipanggil di setengah-setengah negara lain. Banyak negara-negara di dunia telah

pun mempunyai dasar-dasar spesifik yang menggalakkan persaingan sihat pasaran dan antimonopoli. Dasar ini didukung oleh undang-undang dan peraturan yang mengawal persaingan pasaran dan memastikan tidak wujud monopoli yang tidak sihat yang boleh mengganggu kecekapan pasaran dan melindungi kebajikan pengguna secara keseluruhan.

Di Malaysia pada hari ini kita masih tidak mempunyai undang-undang yang komprehensif mengenai persaingan dan antimonopoli. Kita agak ketinggalan di dalam isu ini malah kita dapati bahawa dasar dan undang-undang yang khusus mengenai persaingan pasaran hanya wujud di dua sektor sahaja iaitu sektor komunikasi dan multi-media melalui Seksyen 133, 135 dan 136 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga sektor tenaga melalui Seksyen 14 1(h) Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

Jiran-jiran kita seperti Thailand dan Indonesia sudah pun mempunyai dasar dan undang-undang mengenai persaingan pasaran dan anti monopoli sejak beberapa tahun lalu. Terdapat monopoli-monopoli tertentu yang dahulunya dipegang oleh kerajaan, kini dipegang oleh sektor swasta menerusi penswastaan. Penswastaan seharusnya membawa kecekapan yang lebih tinggi, kualiti perkhidmatan yang lebih baik dan harga yang kompetitif.

Tetapi apa yang terjadi terdapat penswastaan yang melibatkan perpindahan monopoli dari sektor awam kepada sektor swasta yang meningkatkan sedikit kualiti perkhidmatan tetapi telah membebankan pengguna dan rakyat dengan harga yang tidak kompetitif. Ketiadaan persaingan dalam sektor tersebut yang telah memburukkan lagi keadaan kerana pengguna tidak mempunyai pilihan selain menggunakan perkhidmatan yang sedia ada.

Saya ingin memberi contoh beberapa monopoli yang telah menimbulkan masalah. Misalnya di dalam isu monopoli oleh BERNAS di dalam masalah beras dalam negara kita. Lembaga Padi Beras Nasional yang telah dikorporatkan dan diswastakan beberapa tahun lalu dijadikan sebagai badan untuk memonopoli perbekalan dan pengedaran beras, BERNAS mengambil beberapa tindakan yang dijangka memberi jaminan dari segi penawaran, pasaran dan keuntungan tetapi beberapa perkara yang berlaku selepas penswastaan ini telah menunjukkan beberapa kelemahan.

BERNAS merupakan satu-satunya badan yang diberi lesen memonopoli pengimportan beras di negara ini. Adalah penting bagi BERNAS supaya berhati-hati apabila membawa masuk beras dari luar negara. Tetapi itulah yang disuarakan oleh para petani, mereka mendakwa masalah lambakan beras berpunca daripada tindakan BERNAS membawa masuk beras daripada luar negara dan BERNAS mempunyai monopoli selama 15 tahun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap pasal BERNAS ini, maka saya tertarik kerana di satu sudut kerajaan memberi

subsidi berjuta-juta ringgit kepada pak tani untuk menyeimbangkan pendapatan dengan kos belanjawan untuk menanam padi. Di satu sudut lagi syarikat kerajaan yang telah diswastakan diberi hak kuota untuk mengimport beras begitu banyak sekali sehinggakan ia melambak dalam pasaran menyebabkan pak tani pun menghadapi masalah untuk mendapat harga beras yang baik. Jadi, kita tidak faham apakah dasar yang harus kita lakukan supaya BERNAS yang sepatutnya menjadi payung kepada pak tani tetapi tidak memayungi pak tani tetapi mem'payung' pak tani. Jadi, yang ini ada dua benda.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, macam mana Yang Berhormat bagi Bera? Boleh Yang Berhormat bagi Bera tolong kupas dengan lebih mendalam lagi?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat. Perkara ini berlaku kerana tidak ada pesaing dan BERNAS melakukan apa sahaja tanpa ada apa-apa *check and balance* daripada pihak-pihak lain. Jikalau pihak kerajaan tidak memberi monopoli kepada BERNAS misalnya, ada syarikat lain yang bersaing dengan BERNAS, saya yakin BERNAS tidak akan melakukan sesuka hati seperti apa yang dilakukan sekarang. Sebab itulah perlu ada undang-undang anti monopoli supaya tidak ada monopoli di dalam sektor ini.

Begitu juga isu monopoli perkhidmatan teksi di KLIA. Dahulu kita membincangkan soal perkara ini. Pihak kerajaan terpaksa mewujudkan undang-undang untuk menyekat 'ulat-ulat' teksi yang berada di KLIA. Perkara ini berlaku kerana monopoli. Teksi yang ada, yang datang dari bandar membawa penumpang tidak dibenarkan mengambil penumpang di KLIA kerana sudah wujud satu *limo* yang memonopoli semua penumpang yang ada di KLIA untuk ke bandar raya atau ke mana-mana sahaja.

Jadi, terpaksa teksi-teksi yang datang membawa penumpang yang terpaksa balik kosong kerana mereka tidak boleh menggunakan KLIA untuk mencari penumpang. Mereka terpaksa menggunakan 'ulat-ulat' tadi untuk mendapatkan penumpang daripada mereka. Jadi ini bermakna bahawa kerana monopoli *limo* dan teksi *airport limo*. Kerana monopoli inilah yang akhirnya menyebabkan timbulnya 'ulat'. Ini juga tidak memberi keselesaan kepada pengguna kerana pengguna tidak ada pilihan lain, yang pengguna ada pilihan adalah untuk menaiki ERL ataupun kalau hendak menggunakan kenderaan, mereka terpaksa menggunakan teksi yang telah dimonopoli oleh satu syarikat yang telah menetapkan harga-harga yang tertentu.

Jikalau kita membuka monopoli ini, kita memberi peluang kepada teksi-teksi yang lain beroperasi. Jadi tentulah yang memperoleh keuntungan adalah pihak pengguna kerana harga juga akan ditentukan oleh syarikat teksi yang baru tadi.

Isu monopoli yang lain yang dihebohkan oleh kita semua pada tahun lepas ialah isu monopoli FOMEMA. Setelah sekian lama FOMEMA masih lagi diberi monopoli dan dalam hal penyeliaan pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing di Malaysia. Kritikan rakyat bukan

sahaja tertumpu kepada soal pemilikan saham tetapi juga kepada soal keselamatan rakyat yang dikatakan terancam akibat kelemahan perkhidmatan rawatan pemeriksaan pekerja asing yang dimonopoli oleh FOMEMA yang dimiliki oleh Pantai Holding.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Saya tertarik dalam hal ini kerana kemasukan pendatang dengan izin yang mempunyai dokumen begitu ramai, anggaran lebih kurang 3 ribu hingga 5 ribu setahun dan ini amat menyukarkan penguat kuasa yang cuma ada sekitar 1 ribu orang. Sudah tentu tidak dapat untuk mengatasi masalah pendatang dengan izin, tidak termasuk pendatang tanpa izin, dan mungkin juga akan timbul masalah pelancong setahun yang seramai 13 juta orang yang berada di negara kita ini.

Satu, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya bahagian penguat kuasa ini dapat ditambah mungkin dalam sekitar 3 ribu ataupun 5 ribu orang untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin ini. Ini kerana mereka yang datang ke negara kita ini sudah tentu membawa pelbagai penyakit, kita tidak tahu. Oleh kerana kita terdesak memerlukan pekerja asing daripada negara asing hinggakan kita lupa dengan masalah kesihatan, masalah penyakit yang mungkin dibawa oleh pendatang asing ini.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita tidak boleh bertolak ansur berhubung dengan pemeriksaan kesihatan ke atas semua pekerja asing, tidak kira dari negara mereka datang ke Malaysia ini supaya tidak timbul satu lagi masalah sosial yang baru dalam negara kita ini. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju. Setakat ini saya difahamkan bahawa sebelum kedatangan mereka ke negara kita, mereka telah pun membuat pemeriksaan di negara mereka. Tetapi seperti kita tahu banyak negara yang kita sangsikan dari segi sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh negara tersebut dan saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan sekarang mengarahkan dalam masa sebulan, pekerja-pekerja asing yang datang perlu untuk diperiksa semula oleh doktor di sini. Tetapi masalahnya ialah kenapa perlu wujud satu pusat pemeriksaan kesihatan iaitu kenapa hanya FEMOMA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bera, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita telah pun bercakap berkali-kali bahawa harga yang ditetapkan terlalu tinggi oleh FOMEMA dan kita tidak ada pilihan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bera. Pandangan yang baik, Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa syarikat Yang Berhormat sedang bercakap itu,

tadi Yang Berhormat kata adalah milik Pantai Holding. Dan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Pantai Holding adalah milik Temasek, Singapura. Jadi, bermaknanya kesihatan pendatang yang hendak masuk ke Malaysia ini berada di dalam sebuah syarikat yang bukan milik rakyat Malaysia dan mereka akan menaikkan kos, pendapatan lebih kepada mereka. Jadi tidak tahulah.

Yang keduanya, saya difahamkan pihak Kementerian Pengangkutan telah mencadangkan supaya bagi pemandu-pemandu komersial, bas-bas ekspres, bas-bas sekolah, bas-bas, van-van komersial ini perlu memakai 'caprah' kah Yang Berhormat Larut, hak yang gantung tu? Dan mereka memerlukan pemeriksaan doktor. Juga akan dipanelkan kepada sebuah syarikat, yang juga milik kepada anak syarikat Pantai, yang juga milik syarikat Temasek, milik kerajaan Singapura. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Saya geramalah, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, bahawa syarikat FOMEMA dan 'Medibest', yang mengendalikan perkhidmatan FOMEMA ini yang dahulunya dimonopoli oleh *Pantai Holdings Berhad*, kini telah menjadi milik *Parkway Holding*, iaitu sebuah syarikat Singapura. Bermakna, konsesi yang diberi oleh kerajaan atas dasar bumiputera. Sekarang telahpun berpindah milik kepada negara lain.

Dan saya lihat ini bukan perkara yang kecil. Ini perkara yang serius kerana kita bimbang tentang kebocoran maklumat sulit kepada pihak asing melalui data-data pesakit yang boleh dia dapat melalui projek *Total Hospital Informations Systems* ataupun THIS yang kini telah diserahkan sepenuhnya konsesi tersebut melalui FOMEMA kepada syarikat *Parkway* tadi. Bermakna Dato' Jerai, selepas ini kalau Dato' Jerai ambil pekerja asing, semua data peribadi Dato' akan boleh diakses oleh syarikat Singapura tadi.

Kalau di Thailand, kerajaan Thailand hampir goyang sekarang akibat daripada penjualan ekuiti syarikat di Thailand daripada syarikat Telekom, syarikat di bawah keluarga Thaksin kepada syarikat Singapura. Tapi dia bukan syarikat kerajaan. Mungkin tidak ada masalah dari segi marahnya kita kepada pihak kerajaan. Tapi apa yang berlaku adalah dari segi *security*, dari segi keselamatan peribadi kita sekarang ini. Di bawah boleh diakses daripada negara Jiran, yang amat baik dengan kita iaitu Singapura. Jadi...,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dah boleh?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Bera. Kita selama dua, tiga hari ini, riuh rendah di dalam Dewan yang mulia ini membincangkan tentang keselamatan negara. Tentang bagaimana sikap yang ditunjukkan oleh kerajaan Singapura terhadap isu-isu tertunggak dan paling baru ialah tentang pembinaan jambatan dan mereka sekali lagi menunjukkan sikap yang tidak bertanggung jawab, jiran yang tidak boleh kita berikan kepercayaan kepada mereka. Kita setuju, keselamatan negara, integriti negara ini ialah hak kita dan kita perlu pertahankan.

Tapi adakah Yang Berhormat Bera boleh bersetuju bahawa di saat kita Ahli-ahli Parlimen ini bercakap dan berhujah untuk mempertahankan negara, tapi ada pula pihak yang sedang membuat satu perancangan yang saya anggap sangat rapi sehingga boleh terjualnya syarikat-syarikat kepentingan negara ini kepada Singapura. Termasuk Telekom yang ada pada hari ini. Surat khabar yang telah kita pun dedahkan, jadi apa pandangan Yang Berhormat terhadap isu ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya mungkin bersetuju dari segi beberapa syarikat seperti FOMEMA, seperti syarikat Pantai yang dijual kepada Singapura dan sebagainya. Dari segi penjualan ekuiti syarikat saya bersetuju, tapi saya mungkin tak bersetuju tentang agenda yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, banyak lagi perkara-perkara lain yang menunjukkan wujudnya monopoli yang merugikan rakyat seperti PUSPAKOM. Dulu kita bercakap soal Indah Water dan sebagainya. Jadi, ini menunjukkan bahawa di negara kita terlampaui banyak syarikat-syarikat swasta yang memonopoli.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang memberi hak, sekejap, sekejap. Yang diberi hak untuk memonopoli. Saya ada satu, cadangan saya ialah supaya pihak kerajaan mempercepatkan, mewujudkan undang-undang anti monopoli supaya lebih memberi kelebihan kepada pengguna. Saya ingin ambil contoh, *Malaysia Airlines*. Satu ketika dahulu, memonopoli semua *routes* yang ada dalam negara. Tetapi apabila wujudnya Air Asia, kita boleh lihat bagaimana *Malaysia Airlines* sekarang telahpun menurunkan harga, telahpun cuba meninggikan ataupun memperbaiki servis dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi, tentang yang kita lihat tadi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada lima minit lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingat perkara ini begitu serius. Kita mahu pelabur, pelaburan daripada negara asing ya? Ini sebagai dasar terbuka kita. Tapi kalau ini, kita amat kesal kerana ia berlaku sehinggakan syarikat yang membeli ini tadi berpusat di Amerika Syarikat. Jadi apa tidak, kenapa tidak kita mengutamakan rakyat Malaysia ini, mungkin kita boleh wujudkan konsortium secara penggabungan untuk mengambil alih mana-mana syarikat yang tidak berdaya atau mahu mereka jual ekuiti ini. Apa pandangan Yang Berhormat dalam masalah ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju dengan pandangan itu. Saya ingin beralih kepada isu kedua iaitu kisu kegagalan projek penswastaan. Tidak dinafikan bahawa penswastaan negara banyak membantu kerajaan dalam penjanaaan ekonomi. Penjimatan perbelanjaan pembangunan keseluruhan, daripada tahun 1983 hingga 2004, adalah sejumlah RM146.7 bilion, dan sehingga Jun 2004, sebanyak 485 projek telahpun diswastakan.

Tapi di sebalik kejayaan itu, beberapa isu perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Yang pertama, cadangan saya ialah perlu ada penyeliaan dan pengauditan terhadap progress atau kemajuan projek. Projek yang diswastakan perlu dikawal selia oleh Kementerian Kewangan daripada awal permulaan sesuatu projek. Sesuatu laporan audit yang lengkap mengenai kejayaan ataupun kegagalan sesuatu projek penswastaan haruslah disediakan. Laporan ini akan memberikan gambaran yang jelas terhadap kejayaan sesuatu projek. Dan kita tidak mahu wang yang dibelanjakan begitu banyak untuk sesuatu projek penswastaan, akan gagal, akan hilang begitu sahaja seperti yang berlaku kepada projek pembinaan Limbungan dan enam kapal peronda generasi baru AGPV milik tentera laut Malaysia oleh PSV-Naval Dock Yard dan projek-projek yang lain.

Yang kedua, perlu ada penilaian semula mengenai terma-terma sesuatu perjanjian swasta. Perlu ada badan fasilitator dan *regulator*, perlaksanaan iaitu Pelan Induk Penswastaan (PIP) oleh kerajaan. Dan ianya haruslah lebih tegas dan cekap. Penilaian semula terma-terma perjanjian penswastaan mestilah menjadi agenda PIP ataupun Pelan Induk Penswastaan tadi. Contohnya ialah konsesi lebuhraya. Pihak konsesi boleh menaikkan kadar tol dalam masa tiga hingga lima tahun sekali. Terma perjanjian ini perlu diperhalusi sekali lagi kerana kalau dilihat pihak pemegang konsesi mempunyai keuntungan dan pendapatan daripada perkara-perkara lain yang mungkin tidak terdapat di dalam perjanjian.

Misalnya, selain daripada tol, mereka mendapat kutipan sewa daripada gerai-gerai RNR. Mereka mendapat pendapatan lain daripada papan-papan iklan dan juga pada hari ini kenderaan bertambah setiap tahun. Dengan itu, tidak ada alasan bahawa setiap tiga hingga empat tahun, mereka terpaksa menaikkan kadar tol dan sebagainya. Begitu juga dalam soal pegangan 30% ekuiti bumiputera. Kita lihat banyak syarikat-syarikat yang diswastakan atas alasan untuk membantu bumiputera memegang 30% ekuiti, akhirnya terlepas ke tangan pihak lain. Dan syarikat ini terus menjadi syarikat swasta yang mendapat segala faedah dan perkara-perkara yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Tadi saya sudah beri contoh kepada Syarikat Pantai Holding tadi. Walaupun mulanya milik bumiputera sekarang sudah menjadi milik syarikat asing. Tetapi konsesi FOMEMA masih dipegang oleh mereka. Begitu juga dengan isu pencapaian objektif sosial penswastaan. Kerajaan perlu menilai supaya melalui penswastaan ini yang untung bukan sahaja syarikat yang mendapat penswastaan tersebut tetapi juga daripada pihak rakyat. Saya ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dua minit lagi. Jadi saya kira ada satu lagi yang saya hendak sebut ialah mengenai isu pertindihan fungsi pentadbiran agensi awam. Ramai di kalangan Ahli Parlimen semalam dan daripada awal lagi perbincangan membicarakan soal *delivery system*. Ramai yang menyalahkan pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya dalam

soal ini. Tapi satu perkara yang kita lupa adalah mengenai sistem kita sendiri. Kadang-kadang terlampau banyak pertindihan di dalam fungsi pentadbiran agensi kerajaan.

Isu pertindihan fungsi merupakan fenomena yang merugikan sesebuah negara terutamanya apabila melibatkan pertindihan fungsi di peringkat kementerian. Di negara ini pertindihan fungsi berlaku di tiga-tiga peringkat iaitu di peringkat Persekutuan, di peringkat pentadbiran negeri dan juga di peringkat Kerajaan Tempatan. Kemelut dan isu pemberian lesen sistem televisyen misalnya. Isu ini kita bicarakan dengan begitu panjang lebar apabila di dalam soal pemberian lesen, di dalam soal memastikan *content* ataupun isi rancangan-rancangan TV. Ada dua pihak kementerian yang terlibat.

Di dalam TV swasta dan kabel TV pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tapi di dalam siaran TV RTM di bawah Kementerian Penerangan. Di dalam soal pertindihan juga timbul di antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Di dalam soal pengangkutan terdapat tiga kementerian berasingan yang terlibat iaitu Kementerian Pengangkutan tentang urusan peraturan jalan raya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi urusan permit pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya di dalam pembinaan jalan raya. Di dalam soal 'ulat' di lapangan terbang kalau kita lihat dua kementerian yang terlibat. Pemberian lesen teksi, permit teksi adalah daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Tetapi dalam penguatkuasaan dan sebagainya terletak pula di bawah Kementerian Pengangkutan.

Jadi banyak kementerian-kementerian yang bertindih dari segi fungsi dan saya lihat dahulu apabila timbul soal runtuh *Highland Towers* semua pihak menuding jari. Pihak berkuasa tempatan mengatakan bukan salah mereka kerana ini masalah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan begitulah sebaliknya. Baru-baru ini terjadi banjir yang besar di Selangor. Semua pihak tuduh menuduh. Ada empat kuasa agensi yang terlibat iaitu Jabatan pengairan dan Saliran dituduh kerana tidak mendalamkan sungai. Jabatan Kawal Selia Air Selangor juga dipertanggungjawabkan. Jabatan Perkhidmatan Pembedugan (JPP) juga terlibat. Jabatan Alam Sekitar juga dikatakan terlibat, Lembaga Urus Air Selangor juga dikatakan terlibat, SYABAS juga dikatakan terlibat, Majlis Perbandaran Shah Alam juga dikatakan terlibat. Akhirnya semua pihak menuding jari.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Masa cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi inilah masalahnya kerana terlalu banyak pertindihan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat apabila *ammonia* begitu tinggi di dalam air semua pihak menuding jari kepada SYABAS dan SYABAS kata bukan salah mereka kerana pihak alam sekitar telah pun meluluskan pusat pelupusan sampah di hulu sungai. Begitu juga dengan pihak kerajaan negeri meluluskan pusat penyembelihan khinzir di hulu sungai dan air menjadi begitu kotor dan mengikut perjanjian itu bukan tanggungjawab SYABAS dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akhirnya timbullah tuding menuding jari di antara satu sama lain dan yang menjadi mangsa adalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

3.25 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13 Mac yang lalu. Dalam kata kunci yang ketiga Seri Paduka Baginda pernah merakamkan rasa kegembiraannya kerana kadar jenayah pada keseluruhannya telah terkawal oleh hasil tindakan cop daripada pihak Polis Di-Raja Malaysia.

Selain daripada itu juga baginda mengalu-alukan proses penambahbaikan khidmat dan juga organisasi seperti mana kempen anti rasuah dan serba macam aktiviti-aktiviti yang sedang berlaku sekarang. Tidak pernah berlaku dalam sejarah kita dalam tempoh yang agak singkat iaitu kurang daripada setahun dua suruhanjaya telah dikemukakan kepada pihak rakyat dan kepada pihak kerajaan.

Suruhanjaya yang pertama ialah pada 4 Februari 2004 iaitu berhubung dengan laporan Suruhanjaya Di-Raja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Di-Raja Malaysia. Kemudian dalam 1 Disember yang baru lalu 1 Disember 2005 pula satu lagi laporan suruhanjaya untuk menyiasat prosedur tetap operasi kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berhubung dengan pengendalian pemeriksaan tubuh telah dikemukakan kepada kita. Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan Malaysia prihatinnya, caknanya, kepedulian yang tinggi. Tetapi dalam masa yang sama apabila ruang diberi dalam mengutip data dan maklumat ini pelbagai bentuk cemuhan (*bashing*) hentaman yang kadang-kadang tidak melulu ditujukan kepada pihak polis.

Di antaranya pada 10 Ogos 2004 satu kenyataan dalam akhbar menyebut dengan izin, *corruption at every level of police force* merupakan satu kenyataan yang cukup menimbulkan keraguan dan juga kerisauan di kalangan pasukan polis kita. Ini adalah merupakan dengan izin satu *extra pollution* yang begitu serius sekali. Selain daripada itu juga ada laporan pada 17 Ogos 2005 RM35 million - *caught*. Ini juga merupakan satu lagi *bashing* yang cukup menimbulkan dan menggugat kewibawaan pasukan polis kita. Beberapa hari kemudian *caught worth only RM4 million*, yakni menafikan tuduhan yang pertama iaitu yang melibatkan anggota polis kita rasuah dengan nilai harga RM34 million ini.

Setelah ini digembar-gemburkan kadang-kadang tidak ada pula tindakan-tindakan yang dibuat ke atas kenyataan-kenyataan yang amat melulu, yang telah menyebabkan kerosakan

kepada imej dan juga integriti pasukan polis kita dan juga akibat daripada kegatalan. Saya gunakan istilah “kegatalan” daripada salah seorang pihak pembangkang yang menyatakan bahawa kononnya mendapat satu rakaman polis akibat daripada satu imej dalam kamera yang menyatakan mungkin seorang daripada lima orang rakyat Cina telah dirakamkan dalam satu insiden yang disebut sebagai *ear squat* ataupun ketuk ketampi itu. Tetapi rupa-rupanya ini adalah juga merupakan satu kesilapan yang besar yang mengakibatkan kemarahan, rasa tidak puas hati, kekecewaan di kalangan pasukan polis yang cukup berdedikasi memberi sumbangan kepada kita. Malah kalau kita teliti sumbangan anggota polis ini sebenarnya daripada lahir lagi seorang anak, kita laporkan kepada polis sehingga kematian seorang hamba Allah itu pun dilaporkan juga kepada polis. Betapa hebat dan besarnya sumbangan yang telah dilakukan kepada anggota polis.

Saya amat menyokong apabila pelbagai usaha-usaha ke arah penambahbaikan perjalanan dan pengurusan polis ini. Syabas di atas keprihatinan kerajaan dalam usaha membela nasib Polis Diraja Malaysia.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sabar sekejap ya. Dan untuk kita memastikan kecekapan kepada pasukan polis bukan sahaja kita memberikan penekanan kepada produktiviti tapi juga kita harus beri penekanan kepada kapasiti ataupun *production capacity* itu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tidak mungkin kecekapan itu semata-mata diukur dari sudut produktiviti kalau sekiranya tidak ada kepedulian kepada *production capacity*, yakni keprihatinan memberi raihan anggota polis ini dengan memberi latihan dan juga pelbagai macam aktiviti-aktiviti lain yang boleh membawa kekuatan dan peningkatan prestasi. Silakan Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu. Saya ingin penjelasan mengenai apa yang diperkatakan tadi mengenai anggota polis ini. adakah anggota polis ini tidak memahami bahawa undang-undang yang perlu dirangkakan untuk diamalkan adalah di dalam Dewan yang mulia ini, Parlimen maka IGSO ataupun lokap *rooms* adalah sebenarnya sesuatu yang dilakukan untuk peraturan mereka sendiri dan bukannya sesuatu yang betul-betul melambangkan perundangan yang telah pun dipersetujui.

Contohnya dalam *Penal Code* dan *CPC* so mungkingah ada satu masalah di mana pihak yang sepatutnya mengamalkan perundangan ini belum faham lagi konsep-konsep perundangan itu sebenarnya sehingga setelah empat dekad, lima dekad mereka sudah merdeka, mereka rasakan bahawa apa yang sudah disetujui dalam IGSO merupakan undang-undang sebenar bukan undang-undang yang kita telah rangkakan di Parlimen ini dan tambahan satu sahaja,

penjelasan. Baru-baru ini kita punya Speaker telah mengatakan bahawa sekiranya sesuatu kerajaan, *executive*, gagal meletakkan dengan izin, *the welfare of the people, the center of all policies in social economy development*, ia adalah satu *national track*. Saya minta komen daripada Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Ini adalah merupakan satu pertanyaan yang cukup penting dalam usaha penambahbaikan kepada pasukan polis kita. Saya kira soal pendidikan, pengetahuan yang meluas, pemahaman tentang selok-belok undang-undang perlu diberi penekanan kepada pasukan polis kita. Sebab itu kadang-kadang saya juga bersetuju dalam perbincangan dan ulasan yang awal menyatakan bahawa *in house training*, latihan dalam perkhidmatan, mempertingkatkan pengetahuan, *K-Force*, ataupun *K-Police* ini harus diberi keutamaan.

Saya kira latihan-latihan itu dan juga pengetahuan tentang undang-undang saya kira perlu diberi penekanan. Selain daripada itu saya juga merasakan bahawa polis ini juga dikawal dengan pelbagai macam undang-undang dan peraturan kepada mereka. Ada *Police Force Commissioner* sebenarnya. Ada *Police Force Commission*, selain daripada itu pula ada juga kawalan daripada ACA ataupun *the BPR* untuk mengawal segala tingkah laku mereka. Selain daripada itu pula hak-hak kemanusiaan oleh Suhakam semuanya sebenarnya menunjukan kepada kawalan kepada polis yang menimbulkan satu kerisauan dan kepeningangan kepada kita dan juga pihak polis sendiri apabila dalam syor ini terdapat satu syor yang saya kira tidak di undang oleh banyak pihak iaitu memperkenalkan IPCMC ataupun *Independent Police Complaint and Misconduct Commission* ini.

Ini seolah-olah menimbulkan pelbagai implikasi dan saya ingin kemukakan 10 sebab kenapa IPCMC ini perlu ditolak. Pertamanya, saya kira gagasan untuk membawa IPCMC ini ke dalam bil yang dikemukakan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahan dan juga Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ini yang pertamanya dia akan membawa satu proses penghakisan termasuk penghakisan kuasa-kuasa politik di negara ini kerana kuasa yang telah diberi kepada IPCMC ini adalah terlalu besar dan dia seolah-olah memandulkan pelbagai agensi-agensi yang sedia ada termasuklah memandulkan saya kira Suhakam, ACA, *Police Force Commission*. Selain daripada itu kuasa-kuasa yang dimiliki oleh IPG sendiri dan juga mungkin kementerian yang bertanggungjawab, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Kuala Terengganu. Saya ingat kita sudah memberi pandangan kita tentang kalau boleh kerajaan tidak meneruskan penubuhan IPCMC ini dan kita berharap kalau boleh kerajaan keluarkan satu kenyataan, memutuskan bahawa sama ada hendak tubuh ataupun tidak IPCMC supaya tidak akan berlanjutan keraguan, kenyataan-kenyataan terutama daripada pihak-pihak yang mungkin mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh.

Lebih-lebih lagi kita melihat bahawa moral, imej polis pada hari ini seolah-olah terlalu buruk sedangkan kita tahu bahawa kita tidak mahu hanya kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Kerana mereka sudah ada badan Lembaga Tatatertib, badan-badan yang lain yang boleh memantau keperibadian polis ini. oleh itu, apakah kalau boleh kita cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum mengeluarkan satu kenyataan segera ke atas masalah cadangan penubuhan IPCMC ini supaya tidak lagi timbul sebarang kekeliruan, keraguan ke atas anggota polis ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya amat setuju, kalau sekiranya keraguan dan juga kerisauan itu berterusan dengan tidak ada kepastian saya menyokong kalau sekiranya pihak *Attorney General* ataupun pihak Perdana Menteri sendiri membuat satu keputusan yang begitu segera agar meredakan serba macam *bashing* yang berlaku kepada pihak polis ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingat saya tidak ada masa lagi untuk melayan *because* masa yang diberi ialah lebih kurang 10 minit.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mengenai IPCMC.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Seterusnya saya ingin menyebut...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Yang Berhormat Kuala Terengganu IPCMC.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin teruskan sahaja. Perkara seterusnya di sini adalah tidak perlu saya kita menambahkan lagi...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Perkara ini sahaja Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ... *Layer* ataupun *overlapping* ke

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mengapa tidak sanggup mendengar apa berkenaan dengan IPCMC?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini adalah merupakan platform saya, saya ada beberapa minit lagi diberi masa 10 minit sementara boleh bercakap sendiri.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau berani mencabar IPCMC sudilah dengar apa yang ingin diperjelaskan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin juga tarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan beberapa kenyataan dalam suruhanjaya ini, di antaranya ialah kuasa untuk memintas, sekat komunikasi. Di antara hak kuasa yang diberi kepada Pegawai Pesuruhjaya IPCMC ini ialah:

- (a) supaya memintas, sekat, menahan dan membuka apa-apa bahan pos dalam perjalanan pengiraman melalui pos.

Ini adalah merupakan sesuatu yang amat mencabar. Semacam tidak ada hak lagi kepada pihak-pihak yang melakukan tanggungjawabnya. Dari sini kita harus sedar bahawa kerja polis mempunyai satu kerja ataupun merupakan satu kerja yang agak berbeza. *Trade* krafnya

jauh berbeza. Mereka melibatkan mereka menjaga orang-orang yang datang daripada pelbagai macam rupa bentuknya, jenayahnya, penyangaknya, pembunuhnya malah orang-orang yang gila sekalipun.

Selain daripada itu juga tugas pegawai suruhanjaya ini ialah memintas sekat, apa-apa mesej yang dikirimkan atau diterima melalui mana-mana kaedah dan bentuk komunikasi dan yang ketiga, memintas sekat atau mendengar apa-apa perbualan melalui apa-apa kaedah atau bentuk komunikasi. Ini adalah merupakan satu perkara yang cukup memalukan kalau sekiranya kuasa diberi kepada pihak IPCMC ini. selain daripada itu juga ia adalah merupakan satu perkara yang dikatakan sebagai menambah satu lagi *layer* ataupun satu lagi *overlapping* fungsi yang hendak diwujudkan, saya kira ini adalah merupakan tidak perlu. Selain daripada itu juga ialah tentang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...IPCCM ini juga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketua Pembangkang bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ada beberapa minit lagi. IPCCM ini juga dikatakan sebagai ultra virus...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sedikit, sedikit, pendek, pendek.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...kepada Akta 154 dan juga *Federal Contusion*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Panjang lebar, ini pendeklah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Di antaranya ialah artikel 5, 135, artikel 136, 140 dan juga 145.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini adalah merupakan perkara yang harus diteliti oleh pihak AG sendiri. Selain daripada itu adalah saya kira IPCCM ini juga adalah merupakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu bagi pendirian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluanakah?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tidak beri, saya tidak beri.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Macam *bashing prime minister* sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak percaya mengenai pendirian sendiri.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *Bashing prime minister*.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Selain daripada itu juga ini adalah merupakan satu penentangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia bukan *police bashing*, *bashing* Perdana Menteri. Perdana Menteri sudah kata setuju prinsip dia sekarang ada 'kusta' dalam Parlimen dua tiga hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat langgar Peraturan Mesyuarat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Selain daripada itu juga ini adalah merupakan sesuatu yang bertentangan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ahli-ahli Parlimen itu pemberontak *revoke* terhadap Perdana Menteri.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Selain daripada itu juga apa yang telah disebut itu menunjukkan kepada kita bahawa IPCMC ini ialah sesuatu yang tidak diperlukan. *That's no clear urgent impressing need* untuk kita menunjukkan satu perkara yang baru yang telah ada sedia ada peraturan-peraturan, undang-undang untuk mengawal dan memang kita tidak menafikan bahawa anggota polis kita telah menunjukkan satu *career* yang cukup sempurna. Tanpa kerja yang cemerlang ini saya kira pihak pembangkang sendiri pun tidak dapat menjalani hidup mereka yang begitu tenteram.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order*, *revoke* terhadap Perdana Menteri apa sebabnya? Kenapa *revoking Prime Minister* itu mustahak kenapa.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Selain daripada itu juga saya ingin tarik perhatian berhubung dengan perkara-perkara yang menyentuh tentang pendidikan dan pelajaran.

Baru-baru ini kita telah diraikan dalam surat khabar tentang berita kanak-kanak atau pelajar-pelajar kita yang berjaya. Dalam SPM sendiri terdapat kira-kira 438,000 orang pelajar-pelajar yang menduduki SPM dan selain daripada itu terdapat pula suatu gambaran di sebaliknya, terdapat kegagalan anak-anak kita dalam SPM. Hampir 95,000 orang yang gagal dalam peperiksaan SPM itu sendiri.

Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran khususnya tentang memikirkan bahawa pendidikan adalah merupakan suatu perjalanan yang panjang, *is a life long, life wide learning* dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan juga harus mengambil perhatian dan pertimbangan tentang sistem peperiksaan, yang amat menekankan sistem pelajaran kita yang amat menekankan kepada peperiksaan.

Malah satu insiden yang amat menyayat hati, apabila seorang pelajar Tingkatan 5 yang gagal mencapai keputusan yang cemerlang dalam SPMnya telah melakukan kerja-kerja yang amat menyedihkan kita, dan anak ini seolah-olah mencuba untuk melakukan sesuatu perkara

yang boleh membahayakan dirinya sendiri dan sehingga sekarang anak gadis ini masih lagi terlantar di Hospital Kangar.

Dalam konteks ini, saya minta supaya dalam pindaan Bil dan Akta Pelajaran yang akan dikemukakan kemudian mengambil kira supaya sistem pelajaran kita ini juga mengurangkan kepada *centricity* kepada peperiksaan. Saya kira Kementerian Pelajaran harus memikirkan juga bagaimanakah hal dan keadaan anak-anak yang tidak dapat menunjukkan prestasi akademik dan harus diberikan juga peluang-peluang dalam bentuk memberi kemahiran-kemahiran non-akademik dan juga kegiatan-kegiatan lain yang boleh membawa kepada kehidupan mereka yang terjamin dalam masa akan datang mereka sebab kita harus ingat bahawa *life is a marathon*.

Dalam konteks ini juga pendidikan kepada anak-anak kita harus dilihat dalam konteks yang bersepadu, dalam konteks sepanjang hayat, dalam konteks yang seluas hayat mereka. Mudah-mudahan pendidikan yang hendak dibawa dan juga pembaikan-pembaikan dalam sistem pendidikan kita akan mendatangkan keuntungan dan kebajikan kepada anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

3.42 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian untuk sama-sama berucap Menjunjung Kasih Di atas Titah Kebawah Duli Tuanku minggu lepas.

Perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera sebentar tadi, telah membuktikan kepada kita betapa kepentingan negara kita dalam keadaan terancam sekarang ini. Memang penjualan *Pantai Holding Berhad* kepada *Parkway Holding Limited Singapore* itu merupakan suatu perkara yang amat-amat ditakuti oleh rakyat sebenarnya, kalau rakyat mengetahui keadaan ini. Pada peluang ini, saya akan mendedahkan perkara ini mudah-mudahan rakyat akan mengetahui bagaimana keadaan negara kita sekarang ini berada di dalam keadaan terumbang ambing.

Saya hendak sebutkan kronologi bagaimana *Pantai Holding* ini terjual atau terlepas kepada *Parkway Holding*. Penjualan kepentingan *Pantai Holding Berhad* yang merupakan penyediaan perkhidmatan perubatan swasta terbesar di Malaysia ini kepada *Parkway Holding Limited Singapore*. Baru-baru ini melalui anak syarikatnya *Away Group Limited Singapore* melalui *Parkway Group Health Care Limited* sebanyak 31.34% dengan nilai RM311.6 juta merupakan suatu tindakan yang menjejaskan kepentingan strategi negara.

Melalui suatu pengumuman yang telah dibuat pada akhir tahun lalu, *Parkway* mengumumkan bahawa mereka membeli kepentingan di dalam *Pantai Holding* dengan tiga cara iaitu, pertamanya melalui Parkway melalui anak syarikat milik penuhnya, *Parkway Group Health Care* telah memperolehi sebuah anak syarikat baru iaitu '*Suizone*' *Sendirian Berhad*, sebuah

syarikat yang diperbadankan di Malaysia. 'Suizone' kemudiannya membeli 35,000 unit saham *Pantai Holding* dengan harga RM1.00 sesaham yang mewakili 8.80% daripada keseluruhan isu *NPR Capital Pantai Holding* melalui satu transaksi *off market*.

'Suizone' kemudiannya telah memasuki satu *Share Sale Agreement* dengan Dato' Lim Thong Yong di mana 'Suizone' telah membeli sebanyak 89,700,000 unit saham biasa dengan harga RM1.00 per saham yang mewakili 22.54% daripada keseluruhan isu *NPR Capital Pantai Holding*.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan ini menjadikan *Parkway* sebagai sebuah syarikat asing sebagai pemegang saham terbesar di dalam *Pantai Holding* yang mempunyai tujuh buah hospital di Malaysia dengan kapasiti 1,000 katil pesakit. Ini secara automatik menjadikan syarikat Singapura tersebut monopoli perkhidmatan perubatan swasta di negara ini. Ditambah dengan kekuatan mereka yang turut memiliki dua buah hospital swasta, *Gleneagles* yang turut beroperasi di negara ini.

Dengan penjualan ini, Singapura telah dapat pula menguasai projek penswastaan perkhidmatan perubatan yang merupakan industri strategi negara. Penjualan ini bakal menjadikan mereka untung besar disebabkan selain daripada mempunyai hospital, *Pantai Holding* juga mendapat faedah besar daripada agensi pemantauan dan pemeriksaan pekerja asing seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera sebentar tadi, iaitu ringkasnya FOMEMA dan syarikat pemegang konsesi barangan perubatan kepada hospital-hospital kerajaan iaitu *Syarikat 'Medibest'*.

Ini merupakan suatu ancaman terhadap kepentingan negara kita di masa hadapan. Adalah jelas bahawa tindakan yang kurang bijak dan tidak cermat ini direstui dan diberi kebenaran oleh Menteri Kewangan kita. Transaksi ini diuruskan oleh *Avenue Capital Resources Berhad* iaitu *subsidiary* kepada *Avenue Capital* yang dimiliki kerajaan melalui *Ministry of Finance Incorporated*.

Kita berasa amat hairan bagaimana kerajaan khususnya Menteri Kewangan boleh memberi kebenaran kepada penjualan ini dan sebagaimana yang dinyatakan oleh *Parkway*, *the consideration was arrived at on a willing buyer, willing seller basis* di mana kita dengan mudah mengadakan kepentingan kita kepada sebuah syarikat asing. Sedangkan apabila kita melaksanakan dasar penswastaan, kita berharap biarlah syarikat-syarikat tempatan atau syarikat yang dikuasai oleh rakyat Malaysia akan mendapat manfaatnya. Inilah antara hasratnya apabila dasar ini dilaksanakan pada tahun 80an dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaan secara jelas menyatakan bahawa tidak ada pegangan di dalam mana-mana *entity* yang terlibat di dalam program penswastaan kerajaan boleh dijual kepada pihak asing. Tetapi di dalam kes penjualan saham *Pantai Holding* ini kepada *Parkway* yang muncul sebagai pemegang saham terbesar, kerajaan sendiri telah melanggar polisi yang dibuat oleh kerajaan dan kita seolah-olah membenarkan syarikat asing mendapat

pulangan yang besar di atas dasar penswastaaan yang kita asalnya melaksanakan untuk meningkatkan kecekapan, menjimatkan kos yang ditanggung oleh kerajaan dan juga untuk memberi pulangan dan faedah kepada rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan ini sebenarnya memberi ruang yang besar kepada Singapura untuk menguasai ekonomi negara kita. Kita begitu bangga dan mendabik dada kononnya di bawah kerajaan yang ada sekarang ini, kita menjadi negara dan bangsa yang berdaulat dan bebas. Tetapi di manakah kita hendak meletakkan muka kita dengan berlakunya penjualan ini kepada sebuah syarikat asing. Kita harus ingat dan berjaga-jaga, implikasi daripada perkara ini bukan sahaja berkaitan dengan ekonomi tetapi turut membabitkan soal maruah dan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah suatu penjajahan bentuk baru dan kesannya amat berbahaya kepada negara kita. Dalam soal kita merasakan bahawa apa sahaja boleh terjadi dalam konteks hubungan kita dengan Singapura. Singapura sejak akhir-akhir ini memang cukup ghairah untuk memiliki apa sahaja kepentingan ekonomi di negara kita. Begitu juga yang lain-lain lagi.

Melalui badan pelaburan yang mempunyai kaitan rapat dengan kerajaan seperti *Parkway* dan juga *Temasek Holding* yang memang sejak sekian lama mempunyai pegangan 5% di dalam Telekom Malaysia. Hakikat inilah yang nampaknya disorokkan daripada pengetahuan rakyat. Jika, ia berlaku di Thailand dan rakyat cukup sensitif dengan soal kedaulatan dan maruah negara, maka sudah lama rakyat turun ke jalan membantah tindakan sebegini sebagaimana yang ditunjukkan oleh rakyat Thailand sekarang yang cukup berang dan marah dengan tindakan *Shin Corporation*, sebuah syarikat gergasi yang dimiliki oleh keluarga Perdana Menteri *Thaksin Shinawatra* yang telah menjual hampir 50% kepentingan mereka *Temasek Holding* dengan harga lebih kurang 7.03 bilion dalam keadaan kebanyakan industri strategi Thailand dikuasai oleh *Shin Corporation*.

Seperkara lagi yang harus diberikan perhatian serius oleh kita semua ialah betapa tindakan kerajaan membenarkan penjualan saham *Pantai Holding* kepada *Parkway Singapore* ini sebenarnya adalah bercanggah dan melanggar peruntukan-peruntukan penting di dalam *guideline on the equitation of interest, mergers and take overs by local and foreign interest*, yang dikeluarkan oleh EPU dalam Jabatan Perdana Menteri melalui *Foreign Investment Committee* ataupun FIC di mana garis panduan itu ialah berkuat kuasa pada 21 Mei 2003. Adalah amat dikesalkan sebagaimana kerajaan boleh bertindak sehingga melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat garis panduan yang ada di dalam buku tersebut. Fasa 4 dia menghalang pembelian lebih 15% kepentingan di dalam mana-mana perniagaan atau syarikat tempatan yang mempunyai nilai dari RM10 juta oleh mana-mana individu atau syarikat asing di dalam syarikat asing. Di dalam kes ini Pantai Holding ini, Parkway telah membeli

sebanyak 31.34 % kepentingan. Ini bermakna lebih daripada apa yang ditetapkan dalam Fasa 4.

Kalau kita lihat Fasa 6.3 yang melarang penguasaan asing ke atas mana-mana projek diswastakan oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri. Di dalam kes ini kalau kita lihat Pantai Holding adalah sebuah syarikat yang melaksanakan projek penswastaan, perkhidmatan kesihatan. Di mana pada tahun 2005 sahaja 75% daripada keuntungan kasar Pantai Holding ini adalah diperolehi dari konsesi pembekalan, pembekalan bahan perubatan kepada hospital-hospital kerajaan. Ini jelas.

Ketiga ialah kita tengok Fasa 7.3 yang menghalang pegangan-pegangan asing ke atas syarikat tempatan yang terlibat di dalam aktiviti yang menyentuh kepentingan negara *national interest*. Di mana dalam kes ini kita lihat Pantai Holding terlibat dengan perkhidmatan kesihatan yang boleh dianggap sebagai antara kepentingan negara meskipun tidak dinyatakan secara khusus di dalam fasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi, penjualan subpantai kepada Parkway ini adalah diuruskan oleh anak syarikat Evenue Capital, yang mana kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan diperbadankan menjadi pembekal saham terbesar dengan pegangan sebanyak 29.7%. Pantai Holding pula mempunyai kepentingan sebanyak 16.7% ke atas Evenue Capital. Tuan Yang di-Pertua, sebagai diketahui Evenue Capital yang bakal muncul menjadi bank pelaburan kedua terbesar di Malaysia. Selepas penggabungan dengan ECM Libra melalui satu perjanjian RM29 juta bertarikh 19 Januari 2006 baru-baru ini adalah terlibat juga menguruskan dana-dana yang menjangkau RM3 bilion yang terdiri daripada dana-dana GLC seperti TNB, Telekom, KWSP dan FELDA. Capital Evenue juga merupakan pegangan saham sebanyak lebih kurang 18% daripada Pos Malaysia Berhad. Di mana jumlah tersebut dianggarkan bernilai RM600 juta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Pantai Holding mempunyai pegangan sebanyak 16.7% ke atas Evenue Capital maka Parkway yang menjadi pegangan saham terbesar ialah Pantai Holding akan mempunyai kepentingan sebanyak 7.46% ke atas entiti baru Evenue Capital selepas penggabungan dengan ECM Liibra, saya bukan hendak sebut masalah ECM Liibra. Ini bermakna dengan penjualan Pantai Holding Parkway Singapura bukan sahaja monopoli kesihatan di Malaysia. Bahkan akan turut memberi kesan yang merugikan negara ini. Kalau kita lihat..selepas ini Parkway akan turut memiliki kepentingan yang besar di dalam bank pelaburan kedua terbesar di Malaysia. Selepas penggabungan Evenue Capital dengan ECM Libra, ini pertama kali berlaku selepas Singapura melalui Temasek Holding dibenarkan oleh kerajaan Malaysia memiliki kepentingan sebanyak 15% di dalam Alliance Bank di mana sekarang terdapat dua orang daripada ahli Lembaga Pengarah Alliance Bank merupakan keluarga Singapura. Secara tidak langsung Singapura juga melalui Parkway akan turut mempunyai kepentingan di dalam Pos Malaysia dan mempunyai *access* secara terus kepada TNB, kepada KWSP, kepada

FELDA dan Telekom yang merupakan GLC yang mempunyai kepentingan strategik kepada kerajaan Malaysia. Seterusnya ia akan memberi ruang dan membuka peluang di masa hadapan kepada syarikat Singapura untuk menguasai strategik negara iaitu telekomunikasi, penghantaran pos dan kewangan rakyat. Lama-kelamaan jika perkara sebegini berterusan dan dibiarkan sahaja saya yakin, saya percaya kerajaan tidak mustahil suatu hari nanti ekonomi negara kita ini akan dikuasai sepenuhnya oleh Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya barangkali, saya juga ahli-ahli PAS sekalian mendesak kerajaan supaya memandang *serious* perkara ini dan Menteri Kewangan bertanggungjawab di Dewan untuk memberi penjelasan terperinci berhubung dengan perkara ini yang berkait rapat dengan kepentingan kedaulatan negara. Dan saya yakin, saya percaya dalam hal ini, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang sahaja yang menyedari perkara ini. Saya yakin Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional lebih mengetahui perkara ini. Tapi mereka ini takut untuk menyuarakannya kerana Menteri Kewangan secara tidak langsung terlibat dalam perkara ini. Buktinya ialah apabila saya bercakap, mereka angguk-angguk, mereka lebih mengetahui perkara ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ada satu lagi perkara.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Dalam hal ini saya yakin, saya percaya pihak Menteri Kewangan memberi penjelasan dan saya yakin waktu itulah pihak Ahli-ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau sebagainya akan meminta penjelasan sejelas-jelasnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Satu perkara yang sebut di sini ialah berkenaan dengan apa yang dihebohkan pada bulan yang lepas, iaitu penubuhan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang telah diluluskan oleh Kabinet dan Parlimen pada Disember 2004 bukan persoalan apabila badan itu gagal berfungsi sehingga ini. Apabila surat khabar hebohkan perkara ini, dan banyak mereka-mereka yang terlibat telah menyuarakan melalui akhbar-akhbar. Termasuk Pengerusi Gabungan Institusi Latihan Kemahiran Bumiputera Perak (GILKB) Saudara Nordin Abdul Malek, beliau pernah mengatakan dan beliau menaruh bimbang terlebih daripada suku juta pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional akan datang ini akan menjadi mangsa perkara ini. Memang jelas kerajaan sepatutnya peruntukan sebanyak 150 juta itu yang sepatutnya dikeluarkan mulai daripada Januari 2003 atau pun selewat-lewatnya Januari 2005 baru ini telah dihebohkan di dalam akhbar. Tetapi keadaan ini masih lagi membisu. Dan sebelum itu kita lihat, Dr. Nordin Mohd. Nasir Hamzah, juga mendedahkan melalui akhbar iaitu sebagai Naib Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera. Beliau mendedahkan mengatakan lebih daripada 300 ribu pelajar lepasan SPM yang layak ke IPTS hingga berbuat demikian ekoran daripada pembiayaan pendidikan yang masih kabur kerana PTPTK adalah merupakan adalah serupa

dengan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Tapi Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah pun beroperasi begitu lama sama ada dapat tentangan kritikan daripada orang ramai tapi dia turut juga bergerak tetapi tidak seperti mana Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPTK). Walau pun heboh dalam akhbar tapi masih lagi tidak bergerak lancar. Jadi saya memohon jasa baik Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Najib Tun Razak supaya campur tangan dalam hal PTPTK ini, supaya dapat beroperasi segera kerana pelajar-pelajar yang baru juga sedang menunggu keadaan ini. Kalau kita lihat dalam keadaan MLVK ditutup oleh kerajaan memang menyedihkan. Baru-baru ini kita didedahkan dalam akhbar pada 20 Januari iaitu 308 Pusat Bertauliah (PB) yang menjalankan program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah ditutup membabitkan 5 institusi termasuk 3 ditubuhkan oleh 3 universiti awam dan 2 agensi kerajaan saya tidak mahu sebut sesatu ini. Tapi saya nak sebut ialah PBP dimiliki agensi kerajaan pula ialah Sekolah Latihan Felcra Seberang Perak milik Felcra Berhad ditubuhkan di Kampung Gajah Perak serta Akademi Binaan Malaysia Utara Sendirian Berhad milik Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan IDB yang beroperasi di Jitra Kedah.

Selain daripada itu Akademi Penerbangan Malaysia turut disenaraikan dalam senarai PB yang ditamatkan tauliah berkenaan. Institusi terbabit adalah antara 308 PB yang disenaraikan dalam senarai PB tamat pentauliah dalam audit 1950. Kita boleh lihat melalui laman web MLVK dan perkara ini jelas.

Satu lagi pendapat daripada Saudara Nordin Abdul Malek, dia mengesahkan, "Menurut Pekeliling MLVK berhubung perkara berkenaan pada 26 Januari lalu menyatakan rasa terkejut dengan penyenaian PB milik universiti awam dan agensi kerajaan." Maknanya penutupan ini bukan sahaja kepada swasta tetapi hak kerajaan sendiri juga terpaksa ditamatkan.

Ini membuktikan bahawasanya kerajaan tidak bertanggungjawab, kerajaan tidak berasa malu dengan keadaan yang berlaku ini, sehingga rakyat sekarang ini sudah muak melihat angkara beberapa menteri dan pegawai kerajaan yang tidak mengambil berat terhadap apa yang berlaku di dalam negara kita sekarang ini. Apa yang dihebohkan sekarang ini tidak diambil berat dan saya harap perkara-perkara yang berlaku ini akan mendapat penjelasan daripada pihak menteri berkenaan.

Menyentuh lagi berkenaan dengan MLVK ini, kalau kita lihat dalam statistik ini, pada 25 Julai 2005, dalam sesi penggulungan Perhimpunan Agung UMNO, Timbalan Presiden UMNO yang juga Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan peruntukan sebanyak RM257.6 juta untuk diagihkan kepada 10,662 orang pelajar baru. Tetapi apa yang berlaku, agihan tersebut dengan jelas iaitu peruntukan pinjaman kepada 7,534 pelajar di IPTS Melayu dalam lingkungan RM183 juta dan bakinya adalah untuk pelajar IPTS milik MARA seramai 3,128 orang. Hasilnya amat memeranjatkan. Apabila MARA memaklumkan bahawa peruntukan berkenaan hanya boleh disalurkan sebanyak 10 peratus atau RM25 juta kepada IPTS Melayu.

Contoh kedua ialah dalam kes FELDA. Pusat bertauliah MLVK dan IPTS Melayu menerima malang, sebelum wujudnya dana latihan vokasional - anak peneroka FELDA sebanyak RM25 juta awal tahun lalu. Kolej Melayulah yang berjasa menyediakan pendidikan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia FELDA yang berisiko untuk terlibat dalam gejala sosial. Kolej-kolej lain langsung tidak memandang mereka kerana dikategorikan pelajar tidak berkemampuan.

Apabila Tabung Pembangunan Kemahiran dibekukan pada tahun 2003 banyak pusat latihan ini yang hampir muflis kerana terpaksa menanggung pengajian mereka dengan percuma. Kolej Kemahiran Melayu mengambil risiko membuat pendedahan melalui media agar kerajaan mencari penyelesaian segera pada tahun 2004. Berkat keprihatinan Timbalan Perdana Menteri, waktu itu pengumuman peruntukan sebanyak RM25 juta diumumkan untuk anak FELDA mengikut latihan vokasional mulai Januari 2005. Tahniah!

Pengalaman memperjuangkan isu MLVK juga penuh sengsara. Isu pembiayaan yang telah berlarutan sejak tahun 2003, Persekutuan Pusat Bertauliah MLVK Swasta Malaysia (FeMAC) terpaksa bekerja keras setiap tahun meminta kerajaan menyelesaikan masalah ini. Kejayaan pembentangan kertas cadangan pengurusan peruntukan pinjaman DBK kepada Bahagian Belanjawan, Jabatan Perbendaharaan Negara telah membawa kepada penaruhan dana RM150 juta pada Februari 2005. Bagaimanapun entah di mana silapnya, DBK bergerak tidak menentu. Keadaan ini menyebabkan Kolej Melayu takut menanggung risiko akibat sejarah silam yang menanggung risiko hingga muflis. Dalam pada itu ada desas desus sesetengah pihak yang mengaut peruntukan melalui kaedah yang penuh kreatif tanpa melanggar sebarang peraturan.

Kesimpulan daripada contoh di atas ialah, pertamanya, Kolej Melayu sanggup menanggung risiko berbanding kolej lain dalam memperjuangkan dana untuk semua IPTS. Kedua, pelaksanaannya amat lemah hingga kadangkala berlaku kebocoran menyebabkan peruntukan IPTS Melayu itu tidak sampai dalam erti kata yang sebenarnya. Sesungguhnya jurang pembahagian yang kadangkala jauh berbeza juga tidak boleh menyelesaikan masalah kerana pemberian bersifat ala kadar ini tidak mampu menyelesaikan masalah sepenuhnya dalam jangka masa panjang. Dalam pada itu, kadangkala perjuangan dan cadangan IPTS Melayu hanyalah menjadi alat kepada pihak lain untuk meraih manfaat.

Kesimpulan lain, masalah IPTS Melayu akan terus kedengaran jika hal-hal yang disebutkan itu terus dibiarkan berlaku. Sebenarnya jika diberi peluang dan layanan yang saksama, soal kualiti IPTS Melayu atau isu golong tikar tidak akan berbangkit atau timbul. Tiada salahnya mengagihkan dana tersebut kepada orang-orang lain tetapi biarlah berlaku secara hak saksama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya rasa satu perkara yang patut kita lihat ialah bagaimana keadaan IPTS kita ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Kalau tidak diambil perhatian oleh semua pihak terutama sekali Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ini mestilah

betul-betul mengambil tanggungjawab bagaimana untuk menyelesaikan dan mengatasi perkara ini, bukan dengan cara untuk mencari kesalahan dan kelemahan IPTS ini. Saya mengharapkan supaya pengalaman pahit IPTS, khususnya IPTS Melayu ini dapat diselesaikan dalam masa yang pendek, khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dimasukkan satu peruntukan besar bagi menyelesaikan perkara dan rungutan daripada pelajar-pelajar yang terkandas hasil daripada kecuaihan pihak pentadbiran pelajar Malaysia hari ini. Saya rasa itulah perkara yang saya hendak sebutkan di sini.

Akhir sekali ialah masalah pertanian yang menjadi masalah besar, yang patut saya sebutkan di sini terutama sekali IKS yang menjadi tumpuan dan isu kepada kita semua. Saya mengharapkan pihak industri kecil dan sederhana ini selepas pengumuman dibuat baru-baru ini supaya kerajaan *follow-up*, jangan buat acuh tidak acuh atau membuat kerja 'hangat-hangat tahi ayam'. Pengumuman peruntukan yang begitu besar dan peringkat awalnya diberi peruntukan yang begitu banyak, tetapi akhirnya melihat sahaja kegagalan IKS ini. Saya melihat, oleh kerana IKS ini belum penuh dengan pengalaman, maka panduan-panduan dan bimbingan-bimbingan perlu diatur oleh pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang telah kita kenal pasti yang sebelum ini telah berjaya dalam membimbing IKS ini. Saya melihat satu industri kecil yang sudah menjadi sebutan ialah industri untuk membuat sos; sos cili padi, sos tomato dan membuat kicap.

Dalam industri membuat kicap ini saya melihat sekarang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Boleh gulung, ya? Gulung ni. Hendak gulung ni.

Dalam membuat industri kicap, perkara pokok untuk menjadikan kicap ini ialah marumi. Marumi ini kita jadikannya daripada kuaci. Untuk proses pemeraman pepejal kuaci ini, ia perlu kepada ragi. Ragi ini kalau di Kelantan, kita tidak akan dapat untuk menjadikannya marumi ini, terpaksa ditempah daripada MARDI, Kuala Lumpur. Kenapakah MARDI di Kuala Lumpur tidak boleh menyediakan ragi ini kepada MARDI di Kota Bharu, Kelantan ini sehingga memakan masa seminggu, dua minggu baru dapat perkara yang dikehendaki oleh pihak pengusaha IKS bagi membuat marumi ataupun membuat kuaci ini sebagai bahan utama untuk menjadikan kicap.

Jadi, saya mengharapkan peluang yang baik ini supaya kerajaan dalam membantu IKS ini berilah peluang yang seluas-luasnya kepada agensi-agensi yang ada di setiap negeri ini supaya memantau. Selain daripada memberi segala kemudahan - memberi bantuan, subsidi dan sebagainya, memantau dari masa ke semasa seperti mana agensi-agensi lain yang telah berjaya memantau, membimbing IKS yang berada di tempat ini.

Sekian, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai memohon untuk berucap selama 15 minit. Saya luluskan dan harap ikut janji. Selesaikan dalam masa 15 minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya, saya bangun untuk menjunjung terima kasih ke atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merangkumi keseluruhan kehendak rakyat dan prihatin di atas kehendak rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh barisan Kabinet kerana telah begitu ketulusan dari segi membangunkan negara ini dan juga dari segi begitu *transparentnya* tentang subsidi minyak yang kita *absorb* tetapi kita gunakan balik subsidi itu kepada rakyat. Jadi ini telah menunjukkan bahawa kerajaan bukan hendak mencekik rakyat, kerajaan bukan hendak menyusahkan rakyat tetapi dijangka masa yang panjang, kita akan dapat lihat rakyat akan memahami hasrat kerajaan untuk menggunakan subsidi harga minyak yang patut diberi kepada minyak itu diberi untuk membangunkan infrastruktur dan juga pengangkutan di negara kita ini.

Kita tidak dapat elak dari segi kenaikan harga minyak kerana pasaran dunia sedemikian rupa. Saya berharap rakyat akan memahami dan saya berharap pihak pembangkang tidak akan mengeksploitasi isu ini kerana kalau mereka terus mengeksploitasi isu ini melemparkan kata-kata yang tidak benar kepada kepimpinan negara, maka seolah-olah mereka tidak memahami dan kalau mereka tidak memahami mereka tidak mengetahui ekonomi dunia, mereka tidak mengetahui politik dunia dan mereka tidak mempelajari keadaan kos harga bakar ini di pasaran

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tidak puas hati, bukan tidak memahami.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kena ikut Peraturan Mesyuarat, kalau hendak cakap, minta laluan dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak bercakap juga Yang Berhormat. Hendak bercakap perlu bangun minta kebenaran sini juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua beri laluan baru boleh cakap dengan saya. Yang Berhormat ini agak ketinggalan sedikit, tidak apa, tidak apa terima kasih. Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap dan menekan tentang alam sekitar. Ini dunia alam Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sedikit boleh? Sebelum Yang Berhormat pergi alam sekitar, fasal kenaikan minyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya.... tidak apa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini tentang kemungkinan kenaikan harga barang. Penguat kuasa kita tidak banyak, kita bermasalah. Apakah Yang Berhormat setuju, kalau penghulu dan ketua-ketua kampung ini yang banyak dilantik diberi kuasa menjadi pemantau untuk memastikan kenaikan harga barang yang mungkin diambil kesempatan di atas kenaikan harga minyak ini, membantu dari segi penguat kuasa yang ada mungkin tidak ramai, diberikan elaun khas kepada mereka ini supaya mereka ada kuasa, diberikan satu kuasa untuk membantu penguat kuasa dalam pemantauan ke atas kemungkinan mana-mana pihak yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang. Ini mungkin boleh melegakan orang ramai dan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat? Kalau kita buat aduan *complain* pun, mereka tidak diambil tindakan ini akan boleh lebih mendorong kepada kurang minat kepada masyarakat untuk membuat *complain*.

Jadi untuk membantu kerajaan, masalah penguat kuasa ini apakah pandangan supaya cadangan dilantik penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung ini yang merupakan agensi kerajaan di peringkat mukim diberikan autoriti untuk bersama-sama membantu kemudian diberikan satu elaun khas, apa pandangan Yang Berhormat tentang cadangan ini? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu pandangan yang baik, tetapi elaun khas itu tidak usahlah kot, ini akan menambah kos kepada kerajaan. Jadi, kita macam ini, maknanya rakyat boleh pergi *complain* dekat JKK, *complain* dekat Tok Penghulu, kedai mana yang naik harga dan sebagainya kemudian Tok Penghulu dan ini boleh buat laporan terus. Jadi kita dalam keadaan ini, kita kena sukarela dan kita pula kena macam Perdana Menteri kata, hidup kita kena berubah. Kurang makan di luar lebih makan di rumah. Suami isteri bekerja itu, kena bangkit awal sedikit, buat *breakfast* apa semua pi kerja. Jangan semua makan di luar. Makan di luar Tuan Yang di-Pertua, roti bubuh kaya dengan *butter* pun, dia bakar sedikit, dua keping dekat RM5. Kalau di rumah beli roti Gardenia RM5 boleh tahan tiga empat hari. Yang itulah berhemah. Dan orang tua-tua dahulu rajin masak di rumah. Orang ... ini maklumlah kerja sibuk, isteri pun sibuk, suami pun sibuk dua-dualah pakat masak apa salahnya.

Zaman baru-baru nikah dahulu boleh masak dua-dua di dapur kenapa sekarang sudah tidak boleh sudah ada cucu. Jadi ini kita kena ubah. Jadi menjimatkan kos. Kuranglah sedikit melepak di kedai-kedai 24 jam ini, tidak ada faedah. Minum teh tarik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah teh tarik, air kosong pun cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air kosong, minum air kosong bagus. Teh tarik kencing manis buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi jimat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jimat cermat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lah, Tuan Yang di-Pertua saya lima belas minit Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Boleh minta tambah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okeylah jiran hendak buat macam mana, walaupun pembangkang tetap jiran.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang ekonomi rumah tangga makan di luar ini Yang Berhormat, saya rasa kalau suami dan isteri sahaja ada, dia hendak masak di rumah, hendak kena beli ikan, beli sayur, beli bawang, beli apa. Kalau banding dengan dua orang hendak makan di luar saya rasa lebih untung berbanding daripada masak di rumah. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah Yang Berhormat kena belajar sedikit tentang ekonomi rumah tangga. Yang Berhormat ketinggalan ekonomi rumah tangga, tanam jagung Yang Berhormat cakap Yang Berhormat doktor. Kita beli sayur sekilo berapa duit? Kita makan sepinggan sayur berapa duit? Telur ayam goreng sebiji berapa duit, kalau dua biji seorang laki sebiji bini sebiji baru dua biji telur. Tetapi kalau kita pergi makan di kedai, harga sebiji telur berapa ringgit? Kita beli sedozen telur berapa duit? Jadi kita kena kos tolak dengan gas apa semua untung. Ini kadang-kadang sampai tidak tahu suami isteri ini tidak pernah rasa makan di rumah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam guru bercakap dengan murid. Sekarang bahas atau beri ceramah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Saya pasal.....kita hidup macam itu Tuan Yang di-Pertua, la ini saya hendak pergi pada alam sekitar. Alam sekitar....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Allah. *[Ketawa]*. Tidak bagi pun yang ini kepala angin Tuan Yang di-Pertua ini.

[Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Sebelum dia hendak pergi ini, saya hendak tanya kementerian hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai, apa sudah jadi ini? Kita sudah berjanji dengan orang bahawa kerajaan akan bagi subsidi kepada bas ekspres, hendak bagi subsidi kepada nelayan. Ini saya datang tadi Tuan Yang di-Pertua, rombongan daripada Persatuan Bas-bas Ekspres mengatakan sampai hari ini mereka tidak dapat *fleet* Card. Telefon kepada

Kementerian Dalam Negeri, sekejap kata ini sekejap kata itu, ini apa sudah jadi ini? Hari ini sudah berapa hari bulan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi dalam ucapan Yang Berhormat bagi Jerai.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia sudah cakap, saya menegaskan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai tidak sebut tentang harga minyak macam mana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya menegaskan lagi sini ini yang sudah kita janji ini, kita kerajaan sudah janji hendak mengatasi masalah ini, kalau tidak ada dia orang naikkan harga besok Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak balik Kedah bas ekspres naik. Yang ini kita hendak bagi subsidi sampai la ni tidak dapat apa cerita ini, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya simpati. [Ketawa]. Nanti saya bagi tahu dekat Menteri, saya tidak boleh buat apa, saya pun lebih kurang Yang Berhormat. Saya tidak boleh buat apa, tetapi memanglah mungkin dari segi jabatan. Jadi saya harap pegawai-pegawai yang duk ada ini, tolong percepatlah. Kasihan dekat rakyat, kasihan dekat tauke bas dan sebagainya.

Alam sekitar Tuan Yang di-Pertua, tuhan apabila Allah SWT, apabila dia cipta dunia ini, dia bagi cukup serba-serbi indah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang sama Yang Berhormat sudah sepuluh kali cakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Fasal cakap beberapa kali pun duk macam itu. Jadi bercakaplah, bercakaplah, bercakaplah sampai depa buat. Jadi saya bercakap dan kadang-kadang manusia menyalahkan Allah SWT menyalahkan alam. Sedangkan dalam Al-Quran empat kali Allah SWT berfirman, ini saya baca surat khabar ini, bagus ini Encik Zulkifli bin Bakar daripada *Utusan Malaysia*, tajuk dia '*Jangan Salahkan Alam*', *Utusan Malaysia* 03.03.06. Alam cukup baik, Tuhan buat bukit-bukau, cukup elok dah Tuhan buat sungai, bagus. Tuhan buat segala-gala bagi sungai besar sungai kecil sungai macam-macam Tuhan buat apabila Dia cipta dunia ini Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, manusia ini rakus, manusia ini kejam kerana mencari keuntungan. Yang Berhormat bagi Kepong apasal? Duk jegil dengan saya? [Ketawa]. Apabila rakyat berniaga mengejar keuntungan, bukit-bukau habis di potongnya dan bukit-bukau dalam ini, Allah berkata bahawa.... tidak mahulah, sibuk sudah tadi. Allah berfirman ini, jadi kita hendak ambil firman ini. Allah berfirman dalam Al-Quran, Allah sudah tegaskan dalam Al-Quran, sesungguhnya Dia menjadikan gunung dan bukit sebagai pasak kepada bumi, itu paku.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Berjalan masuk ke Dewan].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini satu orang lagi masuk, 10 minit hilang. *[Ketawa]*. 10 minit masa saya hilang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Senang saja, tidak payah layan dialah Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak layan pun, dia kaki pukul Tuan Yang di-Pertua, nanti saya keluar, dia pukul saya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tengok kita jangan pergi jauh, kalau kita hendak masuk Kuala Lumpur, tol kita kena bayar. Saya tahu bukit itu dulu, bila saya mai adalah bukit batu, tetapi manusia kerana pembangunan kononnya dirobohkannya bukit batu, dia buat rumah. Kita pergi di Sri Hartamas, dulu bukit, diletupkannya bukit, dia buat rumah atas bukit, dijual beratus-ratus ribu sampai berjuta.

Segala bukit-bukau ditebang, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, bila hujan turun, bukit dan tadahan-tadahan air ini tidak sempat lagi menapis air yang begitu kuat, akhirnya akan jadilah kebanjiran. Dan, akhirnya rakyat menanggung kesusahan di atas kesenangan beberapa orang *developer-developer* ataupun pemaju-pemaju perumahan. Akhirnya, kerajaan terpaksa mengeluarkan duit berbilion ringgit untuk membuat pembedung dengan menggunakan duit rakyat dan kesenangan nikmat oleh segolongan orang-orang yang menjadi pemaju dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil, dan kita dapat lihat pencemaran dan saya berharap kepada kerajaan-kerajaan negeri, Kementerian Alam Sekitar, kerajaan-kerajaan tempatan, kena tanggung amanah ini, ini amanah Allah, amanah Tuhan Tuan Yang di-Pertua. Bukan boleh main-main. Tengok guruh pun berbunyi masa saya bercakap. *[Ketawa]*. Ini tiap-tiap petang Kuala Lumpur hujan, tidak sampai setengah jam air naik dua kaki, hujan sejam air naik empat kaki. Hujan malam, empat-empat kaki naik, macam mana? *[Disampuk] [Ketawa]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gombak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa kena mengena, ini doktor, saya alam. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai kerana memberi laluan kepada saya. Jadi, soal pembangunan tadi nampaknya Yang Berhormat bagi Jerai bukan mempersalahkan pembangunan tetapi perancangan manusia yang tidak betul dalam membangunkan sesuatu. Kita tahu bahawa dalam sesuatu pembangunan itu sebelum dijalankan, sesuatu projek itu sebelum dijalankan, tentunya ada jawatankuasa, berbagai-bagai jawatankuasa yang mana diduduki oleh berbagai-bagai pakar dan orang daripada berbagai-bagai bidang.

Jadi, setelah diadakan mesyuarat dan sebagainya, bagaimana perancangan pembangunan yang tidak terancang masih lagi berlaku? Boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kerana Yang Berhormat Gombak, ketidakcekapan, ketidakamanahan, dan kerana mengejar keuntungan, mereka sanggup hendak merosakkan alam dan juga manusia yang akan hidup di dunia ini. Sebab itu Tuhan duga, dulu mana pernah dengar tsunami? Ha! Itu dia, dia mai, ribut-ribut macam mana? Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bila kawasan kena ribut, dia angkat bumbung apa semua, kasihan. Kalau kena banjir Tuan Yang di-Pertua, habis dalam rumah tu, TV, peti ais habis berjalan, lingkup habis. Tapi yang untung siapa? Jadi, janganlah kerana keuntungan, rakyat menanggung penderitaan.

Biarpun kita mahu pembangunan tapi janganlah pembangunan itu menyusahkan rakyat. Ini macam RRI tadi ini, tanah dok elok-elok tang tu, biar pi kat dia lah. Tetapi hendak buat pembangunan, jadi buat pembangunan naik rumah lagi, hendak buat bangunan lagi, RRI hendak hantar pergi hutan mana pula? Tidak lama bila hutan itu di *develop*, RRI pindah lagi sedangkan RRI ini banyak berjasa kepada kita. Getah hasil kita satu ketika dahulu, hari ini harga getah naik pula, jadi saya bangkang.

Jadi pegawai-pegawai di EPU apa semua hendak buat swasta, ingat sama jangan kira projek-projek-projek sahaja, pembangunan, pembangunan, pembangunan. Lama-lama apa jadi?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mambong, ya, haiya. *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kedah ini amat berbahaya, Yang Berhormat bagi Jerai. Sebelum tahun 83, banjir memang jarang berlaku di Kedah tetapi sejak tahun 83, di Kedah banjir teruk lima kali sejak tahun 83, sudah lima kali berlaku. Apakah sebab banjir teruk berlaku di Kedah ataupun di negeri Perlis dan Pulau Pinang? Sebab pembangunan tidak lestari, pembangunan tidak mengira perancangan rapi tentang alam sekitar, bukit digondolkan, hutan ditebang. Apa pandangan Yang Berhormat? Sebab selepas ini mungkin 10 kali banjir di Kedah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang inilah yang saya dok bersyarah tadi Mambong. Mambong, yang inilah yang saya dok kata tadi. Macam Yang Berhormat bagi Padang Rengas, rambut pendek kalau dijirus kepala, terus turun, sejuk kepala. *[Ketawa]*

Tapi macam saya ini lambat nak turun ke bawah pasal ada rambut, begitu juga bukit ini. Ha! Mambong, lebih kurang macam itulah. *[Ketawa]*. Minta maaf Yang Berhormat, ya, tapi dia sejuk Yang Berhormat. Sebab itu orang rambut pendek ini Tuan Yang di-Pertua, dia *very cool*, dia sejuk, dia sabar pasal rambut dia pendek.

Jadi, saya minta pihak kerajaan dan pegawai-pegawai supaya ambil tahu hal ini, makin sehari, makin teruk dunia. Di Kedah itu bukan lima kali Yang Berhormat bagi Mambong, empat kali. Yang Berhormat tambah sekali, tak bolehlah, empat kali.

Lagi satu Yang Berhormat, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, para 3 dan para 36 dan juga ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada ucapan tambahan saya, jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga daripada teriakan-teriakan, pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira terubat sedikitlah perasaan pasukan Polis Diraja. Terbelalah nasib pasukan Polis Diraja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 4.30.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan mesyuarat*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Baru lima minit, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*. Terubat sudahlah luka hati pasukan Polis Diraja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan, saya berharap janganlah isu hak asasi manusia itu diperalatkan untuk menindas kerajaan dan juga agensi-agensi kerajaan. Saya hendak beritahu kepada NGO-NGO ini, badan-badan sukarela dan juga pembangkang-pembangkang ini. *[Disampuk]* Jangan cuba hendak mempergunakan perkataan hak asasi manusia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, untuk meminda peraturan-peraturan yang telah dianjurkan oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan menjadi alat kepada Barat, agenda hak asasi manusia ini diideakan oleh Israel.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai: Mana ada. Hey!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan, hari ini kita cuba terbawa-bawa, terikut-ikut atas pembelaan hak asasi manusia konon.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya, sekejam manakah Kerajaan Malaysia ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekejam manakah Kerajaan Malaysia ini yang melihat rakyat menderita? Tunjukkan kepada saya, mana dia rakyat kita yang menderita? Mana rakyat yang terseksa? Mana rakyat yang tercicir?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ipoh Timor, duduk, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Takut?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini peluang saya hari ini, jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya, bila Yang Berhormat berdiri, minta penjelasan saya beri. Kenapa kali ini takut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, NGO-NGO ini ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau hendak memperjuangkan hak asasi manusia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tanya dia, penjelasan boleh atau tidak? Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:kenal perjuang dengan ikhlas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sikit, sikit, sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan berselindung di balik hak asasi manusia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, sikit, sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kemudian kita memperalatkan pasukan polis, menghina pasukan polis, menghina kerajaan, mengkritik kerajaan sehinggakan seolah-olah dunia melihat Malaysia sebuah negara yang begitu zalim, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan sikit, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sikit pun tidak bolehlah, saya tidak ada masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Takutkah? Jangan takut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan takut, ini orang tidak ada takut punya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, bagi penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini orang takut sama Tuhan saja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang takut, kalau tidak bagi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap bahasa Cina].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap bahasa Cina].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai. Cukuplah Yang Berhormat. Jerai, sila habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap bahasa Cina].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk. Habiskan ucapan Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap bahasa Cina].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dua hari saya tengok, Ahli Parlimen Barisan Nasional takut Perdana Menteri, minta penjelasan takut. Itulah kenapa mahu memberontak terhadap Perdana Menteri? Itulah yang sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha! Oleh kerana Perdana Menteri sudah buat pendirian, prinsip

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih kepada Perdana Menteri untuk mengadakan suruhanjaya ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *We can see our revolt in the House.* Mereka semua pemberontak-pemberontak in the House.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta Ahli Yang Berhormat tengok perangai Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *They are the pemberontak-pemberontak,* itulah malu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lihatlah perangai Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor sudah keliru.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap bahasa Cina].*

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, habiskan ucapan, 4.30 sudah sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pemberontak-pemberontak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 4.30 sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap bahasa Cina].*
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey. Jerai habiskan ucapan terima kasih, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, lagi satu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, 4.30 sudah. Kita ada usul, kita ada usul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua orang yang kurang tertib mengambil masa saya, saya teraniaya Tuan Yang di-Pertua. Hak ni hak asasi manusia Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini hak asasi saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ucapan Yang Berhormat sudah habis sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi okay saya gulung Tuan Yang di-Pertua saya tutup ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat masa sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menganjurkan suruhanjaya ini untuk mengkaji dan apabila kita beri pendapat dan kita harap setelah pendapat-pendapat ini diberi kepada kerajaan, kerajaan akan buat tapisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini bukan bermakna kita menentang, ini kita memberi pandangan, ingat tidak betul ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai cukup, Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya berharap pihak-pihak yang kurang pemikiran ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup ya. Teresa sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:tidak cuba menyalahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Dan akhir sekali ini hendak terima kasih dekat Agong Tuan Yang di-Pertua jangan berhenti Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan akhir sekali saya berharap Tuan Yang di-Pertua kita.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jangan kacau dia cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:dia orang kacau saya Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap juga kerajaan akan membuat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:dari segi tanaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai kena hormati masa lah. Cukuplah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Menteri Pertanian sudah ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah kita kena berhenti 4.30.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak saya dia bagi 15 Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat, cukuplah sila duduk ya. Ya setiausaha.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya akur kehendak Tuan Yang di-Pertua kerana saya seorang Ahli Parlimen yang berwibawa [Ketawa] tidak semacam Ahli Parlimen pembangkang yang tidak ketahuan hala. Terima kasih. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

ANCAMAN VIRUS AVIAN - LANGKAH PENCEGAHAN GAGAL

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, suatu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul itu. Seperti yang telah diputuskan tadi pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sila kemukakan.

4.32 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengawal Avian virus di Malaysia perlu diberi keutamaan dengan segera sebelum dia menjadi *pandemic*. 'Perebakan' bird flue dikatakan hanya berlaku di negeri-negeri jiran tetapi ini semua telah berubah dengan berlakunya kes pertama di Kampung Pasir di Setapak pada 29 Februari. Selepas itu pada 9 Mac virus itu telah merebak ke Bukit Merah Lake Resort Eco Park. Semalam *out break* berlaku di Kampung Permatang di Kepala Batas. Kita diberitahu bahawa lebih dari 200 pegawai veterinar dan lain-lain agensi dari kerajaan terlibat dalam proses mematikan ayam-ayam. Dalam keadaan ini apakah situasi burung-burung *migratory* yang datang ke Malaysia? Apakah tindakan yang perlu dan sedang diambil dan apakah situasi di zoo-zoo di negara kita? Di Eropah dikatakan kucing-kucing merupakan pembawa utama virus ini dan apakah situasinya di Malaysia? Menteri Pertanian dan Asas Tani berkata situasi sekarang nampaknya menunjuk tanda tidak berapa baik memandangkan virus influenza belum lagi bebas dari Gombak tetapi telah merebak ke tempat-tempat lain. Sesuatu tempat hanya bebas dari virus H5N1 selepas tiga ke enam bulan dan dari mulanya virus itu dikenal pasti. Menteri Pertanian juga telah lawat Eco Park di Bukit Merah semalam dan ke Gopeng lepas itu beliau juga mendapat penerangan di Pejabat Veterinar di Ipoh. Tetapi Tuan Yang di-Pertua untuk tiga hari sebelum ini sebelum Menteri ke Ipoh ke Pejabat Veterinar ke Ipoh pegawai-pegawai sana bukan sibuk untuk membasmi atau mencari jalan mengatasi virus avian di mana-mana di negeri Perak tetapi membuang masa, membelanjakan sebanyak lebih dari RM200,000 untuk mengecat dan menyediakan pejabat yang bersih untuk Menteri lawat dan tengok pejabat tersebut untuk mendapat penerangan. Dan ini adakah nampaknya keseriusan kerajaan dan Menteri tersebut sendiri.

Hari ini beberapa ayam kampung dikenal pasti dapat sakit virus ini di Titi Gantung di Parit di Perak hari ini, juga dikenal pasti bahawa kematian beberapa burung merpati di seluruh tempat lapangan terbang di Sultan Azlan Shah di Ipoh. Nampaknya perebakan virus ini lebih teruk setiap hari. Kita baru tahu bahawa pengimportan ayam dan itik ke Singapura telah diberhentikan oleh Singapura dan ini akan mengakibatkan kerugian sebanyak RM4.5 juta kepada penternak-penternak di negeri Perak. Apakah situasi kepada mereka? Apakah pertolongan yang akan diberi oleh kerajaan untuk mereka-mereka yang akan mengalami krisis kewangan? Dan hingga hari ini beberapa orang telah dimasukkan di hospital di merata-rata tempat di negara ini. Pada Jumaat lalu seorang budak dari Bukit Merah berumur 17 tahun telah dimasukkan di Hospital Ipoh dan bukannya di Hospital Batu Gajah. Dan lagi satu orang juga telah dimasukkan di Hospital Ipoh dikatakan *suspect* dengan virus ini. Dan saya difahamkan di beberapa hospital di seluruh negara perkara ini wujud tetapi kementerian tidak ingin mengakui perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua World Health Organisation telah mengadakan beberapa kriteria yang tertentu. Saya ingin tahu dan seluruh rakyat di Malaysia ingin tahu apakah kriteria-kriteria

yang sedang digunakan untuk mengatasi masalah ini? Adakah *authority-authority* di Malaysia mengetahui bahawa kriteria yang dicadangkan iaitu *pandemic influenza* dalam satu draf protokol *for rapid respond and commitment* yang telah diadakan pada 6 hingga 8 Mac, adakah Malaysia telah terlibat dalam perkara tersebut. Saya ada draf tersebut di mana di antaranya 70 pakar-pakar dalam seluruh dunia telah menghadiri mesyuarat tersebut dan mengeluarkan lebih kurang 20 *pages* mukadimah di mana, di manakah situasi, apakah cara untuk mengatasinya? Adakah Malaysia telah menghantar pegawai-pegawainya untuk menghadirinya dan apakah yang kita telah pelajari dalam hal tersebut. Dan di antaranya yang direkomendasikan oleh 70 pakar-pakar ini adalah dengan izin, dalam *in the areas of operational planning out break respond logistic, epidemiology, laboratory diagnosis, infection control, held legislation ethic, social mobilization and public and media communication*. Ini adalah di antara perkara-perkara yang telah dibincang dan kenal pasti dalam World Health Organization yang telah mengadakan mesyuaratnya pada 6 hingga 8 Mac. Dan sehingga ini avian influenza telah mengakibatkan lebih kurang 100 kematian di seluruh dunia dalam lima tahun kebelakangan ini. Tetapi yang mustahak Tuan Yang di-Pertua virus ini H5N1 adalah satu *strength* virus yang telah mengakibatkan kematian lebih dari 600,00 orang pada tahun 1918 di United States di Amerika. Dan ini adalah H5N1 adalah virus yang sama jadi ini adalah perkara yang menakutkan rakyat di negara ini. Dan saya bukan saya katakan dengan tidak berasas, perkara yang ini telah dilaporkan di Buletin of the Atomic Scientists satu publication di Chicago, America. Dalam situasi Malaysia adakah kita stamina, *seriousness* dan dedikasi untuk mengatasi perebakan virus ini. Adakah kerajaan telah *end list* atau mengambil pandangan dari pakar-pakar dalam hal ini terutamanya pakar-pakar dari universiti, dari akademi dan juga doktor-doktor pakar dalam hal ini.

Dan juga adakah ia sihat, adakah kerajaan boleh memberi pengisytiharan bahawa untuk memakan daging ayam dan daging-daging lain begitu sihat untuk rakyat untuk *consumenya*, dan setakat manakahini betul jikalau Singapura tidak ingin mengambil daging-daging ayam dan daging-daging lain dari Malaysia? Kenapa pula satu situasi yang boleh dibenarkan di mana pengeluarannya dari Malaysia boleh dimakan oleh rakyat Malaysia bukannya ia akan *endangered* rakyat Malaysia? Ini adalah tanda-tanda tanya yang sangat mustahak dan yang perlu kita mengambil tahu dan di antara faktor yang baru, yang kita ketahui adalah di negeri Perak. Dikatakan bukan sahaja di tempat-tempat ini tetapi di banyak tempat telah merebak *avian flu* ini akan tetapi kita tidak ada kakitangan-kakitangan atau perkara-perkara atau mekanisme yang tertentu untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini telah pun merebak di seluruh ruangan di negara-negara jiran di rantau ini, apakah sebab kita terlambat mengambil *action* yang tertentu. Salah satu di antaranya ialah di mana baru sahaja semalam disuarakan oleh Menteri Besar Negeri Perak, bahawa itik-itik perlu ada *special net* supaya tidak ada *migratory birds* untuk menyebabkan *avian flow* ini. Bukankah ini perkara yang patut dibuat lebih kurang dua tahun

dahulu. Juga majlis-majlis tempatan baru sahaja mengambil tindakan untuk menghapus pembelaan ayam-ayam dan binatang-binatang lain di rumah-rumah, di taman-taman. Apakah perkara ini baru perlu dibuat walhal perkara ini telah wujud lebih dari 2 tahun dahulu. Ini adalah di antara perkara-perkara saya rasa yang mustahak manakala kerajaan perlu berproaktif dan mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebelum itu kita ada usul, Yang Berhormat Menteri sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) saya sebagai Menteri ingin mencadangkan supaya mesyuarat hari ini tidak ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini".

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah kita menerima Usul seperti yang dibentangkan sebentar tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pendang.

4.43 ptg.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan berhubung dengan isu yang telah dibawa oleh Ipoh Barat ini. Sebagaimana yang kita tahu selesema burung ini ataupun *bird flu* ini adalah penyakit yang disebabkan oleh *Avian Influenza Virus*. Virus selesema ini berlaku

secara naturalnya dalam burung dan burung-burung liar ini selalunya membawa virus di dalam *intestine* mereka tetapi mereka tidak sakit kerananya tetapi *Avian Influenza Virus* ini menjadi cukup berjangkit, dan apabila menjangkiti ternakan seperti ayam, itik dan ternakan lain seumpamanya mungkin boleh menyebabkan ternakan itu boleh mati dengan kadar yang segera. Jangkitan yang teruk atau 'helipotergenic' dengan izin oleh *Avian Influenza Virus* ini kepada ternakan boleh menyebabkan kerosakan kepada organ dalaman haiwan tersebut dan kadar kematian adalah antara 90 hingga 100 peratus. Selalunya dalam masa 48 jam, penyebaran dalam unggas ini boleh melalui air liur, bendalir hidung dan juga najis sama ada melalui bekas makanan ataupun tempat hidup mereka seperti mana sangkar ataupun tempat najis itu tercemar. Selalunya virus ini tidak menjangkiti manusia tetapi semenjak tahun 1997 sudah lebih daripada 177 kes manusia dijangkiti virus ini sudah dilaporkan. Jangkitan kepada manusia berlaku apabila ada hubungan rapat ataupun *close contact*, di mana unggas yang tercemar ini dengan manusia berlaku ataupun sentuhan dengan permukaan yang tercemar dengan produk seperti najis haiwan ini. Kalau dahulu kita sering dengar ayam mati satu reban, daripada satu reban ke satu kampung sehingga ketiadaan lagi kokokan ayam di waktu pagi, kerana habis mati disebabkan oleh sampar. Itu tidak menjadi hal kepada kita di masa dahulu, tetapi sekarang apabila berlaku satu kes selepas itu burung ini habis satu negara menjadi panik. Ini disebabkan oleh selepas itu burung yang berlaku sekarang sudah mula menjangkiti manusia, itulah yang menyebabkan panik terjadi di seluruh negara. Kes terbaru di kampung Cangkat Tualang, Gopeng, Bukit Merah, Eco Park, Lake Town di Taiping yang mana mempunyai banyak burung-burung yang berharga mahal sehingga RM8,000 seekor. Beribu ekor ayam, itik dan juga unggas lain telah terpaksa dimusnahkan. Kita memang perlu berasa panik dan risau dengan penyebaran terbaru di Taiping ini, kerana ia merupakan satu kawasan yang sering dilalui oleh penumpang dan juga pemandu yang melalui Lebu Raya Utara Selatan, yang menjadi tempat persinggahan ramai dan tempat rekreasi popular di Utara Semenanjung. Ia juga menjadi tempat persinggahan burung-burung liar yang melepaskan najis di atas pokok mengenai kereta yang diparking di tempat R&R di situ, dan ini sudah tentu secara terus ataupun tidak akan menyebabkan kita terdedah kepada najis burung tersebut dan boleh menyebabkan terkenanya masalah *Avian Influenza Virus* tadi ini.

Walaupun mungkin menghapuskan unggas liar ini sukar dilaksanakan tidak seperti menghapuskan ayam ataupun itik di dalam reban yang diternak, tetapi kita berharap sesuatu dapat dilakukan oleh pihak berkuasa, sama ada pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab untuk menjauhkan burung-burung liar ini daripada mendekati kawasan tersebut, seperti mana menghapuskan tempat bertelur ataupun *breeding site*, dengan izin dengan membuang dahan ataupun pohon-pohon yang menjadi tempat burung liar ini bertenggek dan membiak. Wabak ini sudah pun merebak dan menjangkiti banyak negara Afrika, Asia dan juga Eropah dan juga menyebabkan kerugian berbilion dollar akibat kematian manusia, dan juga

pemusnahan unggas dan manusia menjadi takut untuk makan ayam dan juga produk hasil ayam seperti telur dan juga *nugget* dan sebagainya.

Influenza A H5N1, virus influenza A ini sebenarnya hanya menjangkiti burung, ia berjangkit di antara burung dan boleh menyebabkan kematian, walaupun H5N1 ini tidak selalu menjangkiti manusia, tetapi beberapa *outbreak* telah pun berlaku kerana adanya sentuhan langsung ataupun dekat dengan hasil ternakan tersebut. Walaupun begitu apa yang membimbangkan semua adalah kebolehan virus ini untuk berubah ataupun mutasi sehingga ia boleh pula menjangkiti manusia dan menyebarkan dari manusia kepada manusia lain. Daripada jumlah jenis avian virus yang menjangkiti manusia H5N1 adalah yang paling serius dan yang paling ramai menyebabkan kematian. Di Asia kini lebih daripada separuh yang terkena jangkitan virus ini menemui ajal. Kebanyakan kes berlaku kepada kanak-kanak dan dewasa yang sihat. Jangkitan paru-paru dan kegagalan banyak organ dalaman boleh menyebabkan kematian disebabkan oleh virus ini.

Setakat ini di sebelah Asia Timur dan Pasifik, negara seperti Kemboja, Cina, Indonesia, Thailand dan Vietnam telah dijangkiti oleh *Avian Influenza Virus* ini, dan kini Malaysia menjadi tambahan kepada jumlah negara-negara tersebut. Boleh dikatakan hampir keseluruhan dunia sekarang ini wabak ini sudah merebak. Pakar kesihatan amat bimbang kerana *epizootic* ataupun *element of break* di Asia dan sebahagian di Eropah ini dijangkakan tidak akan berkurangan dengan begitu mudah dalam masa yang singkat kerana sesetengah kawasan jangkitan H5N1 ini sudah menjadi endemik. Oleh itu sentuhan di antara manusia dan hasil ternak tercemar ini sudah pasti akan sentiasa berlaku. Cuma yang boleh menyenangkan hati kita adalah jangkitan antara seorang yang dijangkiti dengan seorang yang lain ataupun *person to person contact* jarang berlaku, dan kalau berlaku pun tidak boleh menjangkau melebihi seorang, *not beyond one person*. Persoalan di sini, apakah kita sudah bersedia menghadapi suasana ini kerana rawatan dengan anti-virus sudah tidak berkesan lagi kerana berlaku di Vietnam dan juga Thailand, di mana '*Amantadine* dan *Rimantadine*' sudah memberi kesan *resistant* kepada virus ini.

Apakah kita akan beralih pula kepada Osetal Mivir dan Zana Mivir dan sebagai alternatif kalau situasi yang sama berlaku di negara kita ataulah kita sudah mempunyai stok vaksin yang mencukupi untuk menghadapi suasana yang membimbangkan semua pihak ini.

Langkah-langkah pengharaman pengimportan unggas dari negara yang ada jangkitan perlu diteruskan sama ada yang hidup ataupun yang mati. Begitu juga dengan pengimportan bulu unggas ini untuk apa jua tujuan dari negara yang terkena penyakit ini. Apakah penerangan yang sudah cukup kita berikan melalui media massa sama ada cetak ataupun elektronik dan lain-lain agar rakyat tidak perlu bimbang untuk menggunakan produk unggas ini asalkan ia dimasak dengan sempurna.

Vaksin untuk influenza yang telah diberikan kepada mereka yang menunaikan haji pada tahun 2005 yang lepas, apakah ia masih ataupun mempunyai sedikit kekesan untuk melawan virus ini ataupun mempunyai antibodi untuk virus ini.

Penguatkuasaan terhadap larangan ternakan unggas berhampiran dengan kediaman patutlah dilaksanakan. Penggunaan baja daripada hasil najis unggas ini perlulah dihentikan dengan serta-merta. Pemusnahan burung-burung liar, misalnya gagak di Lembah Klang ini perlu kita laksanakan dengan berterusan dan serius tidak hanya menunggu masa ataupun ketika tertentu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

4.51 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penyakit selesema burung yang melanda di banyak negara telah membawa banyak kejutan dan kebimbangan. Ia bukan sahaja menyebabkan kerosakan dari segi ekonomi bahkan kehilangan nyawa manusia. Dengan penemuan penyakit selesema burung pertama di Genting Klang, Selangor, Bukit Merah dan Gopeng, Perak, ini juga berlaku di Permatang Boga Tenaga, Seberang Perai Utara iaitu di kawasan Parlimen Kepala Batas.

Negara kita sepatutnya telah banyak bersiap sedia untuk menghadapi ancaman penyakit ini kerana penyakit ini telah lama wujud dan berlaku di negara-negara lain sejak satu tahun dahulu. Penyakit ini melanda negara kita adalah dalam jangkaan. Memandangkan negara kita mengeksport banyak ayam dan itik ke pasaran dunia, khasnya Singapura dan Jepun, kini aktiviti pengeksportan telah tergendala dan banyak ladang penternak akan mengalami kerugian besar dan gulung tikar.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apa bantuan untuk mengatasi kemelut ini sekiranya ladang-ladang tersebut dilanda penyakit ini? Saya difahamkan bahawa kerajaan akan memberi pampasan RM10 bagi seekor ayam atau itik yang dimusnahkan di kawasan-kawasan penyakit berlaku, tetapi sekiranya berlaku di ladang penternak yang besar mungkin tidak dapat pampasan daripada kerajaan. Sebab itulah Persatuan Penternak-penternak Malaysia bercadang menghantar satu memorandum kepada kerajaan merayu supaya pampasan diberi sekiranya ternakan ladang penternak secara besar-besaran perlu dimusnahkan.

Memandangkan industri penternak menyumbang bekalan yang cukup dalam negara dan juga membawa banyak keuntungan kepada pertukaran wang asing, pampasan yang dipohon adalah munasabah. Industri pelancongan juga turut mengalami kemerosotan dan setahu umum, Pulau Pinang bergantung banyak kepada industri pelancongan. Apakah langkah-langkah yang diambil dan penjelasan-penjelasan diberi oleh kerajaan supaya dapat menarik keyakinan pelancong-pelancong asing agar terus mengunjungi Pulau Pinang?

Dalam hal menarik keyakinan rakyat terus memakan daging ayam dan itik, ada banyak pemimpin politik turut menganjurkan majlis makan daging ayam secara terbuka dan percuma.

Apa gunanya sekiranya penyakit selesema burung berlaku di selatan tetapi majlis makan ayam diadakan di bahagian utara? Ada juga yang berkata daging ayam selepas dimasak adalah selamat dimakan. Saya bercadang burung-burung yang ditawan atau ditangkap di kawasan-kawasan berlakunya penyakit jangan ditanam dan membazirkan tetapi dimasak dan disajikan kepada wakil rakyat kawasan berkenaan [*Tepuk*] yang menganjurkan majlis makan daging ayam.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagan dululah, Yang Berhormat bagi Bagan cuba dahulu.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Awak beranikah Yang Berhormat bagi Sri Gading? [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini barulah memberi keyakinan bahawa ia adalah selamat dimakan dan juga menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

Akhir sekali, saya juga sependapat dengan wakil rakyat dari Pendang iaitu saya ingin menanya kerajaan sama ada burung gagak juga satu-satunya pembawa virus penyakit selesema burung ini. Adakah kerajaan juga ingin menawan dan memusnahkan sejenis burung ini yang banyak membawa kekacauan dalam kehidupan harian? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak.

4.56 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan ini. Pertama kita tahu bahawa selesema burung yang bermula di Asia dan di Asia ini banyak negara yang mana kita tahu bahawa wabak ini telah melibatkan banyak ayam dan itik yang telah terkena dengan wabak selesema burung ini tetapi juga telah menjangkau keluar ke Benua Asia masuk ke benua-benua lain seperti di Benua Afrika, Benua Eropah dan sebagainya.

Jadi kita tahu bahawa perebakan penyakit ini begitu pantas dan itulah yang saya percaya menjadi sesuatu yang amat merisaukan juga dalam keadaan negara kita di Malaysia contohnya, kalau di Malaysia pada tahun lepas kita mempunyai wabak ini di kalangan haiwan. Kemudian tahun ini ia ada berlaku di Genting Klang yang mana disalah laporkan oleh surat khabar sebagai yang berlaku di Gombak, kemudian diikuti pula di Perak dan kemudiannya di Pulau Pinang.

Jadi salah satu perkara elemen yang paling penting dalam persediaan kita melawan wabak ini ialah koordinasi. Saya lihat pada hari ini ada dua menteri iaitu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Menteri Kesihatan. Ini adalah pada saya satu contoh teladan koordinasi yang baik yang ditunjukkan oleh pihak pemerintah di dalam menangani wabak ini.

Baru-baru ini, dua minggu lepas saya menghadiri satu persidangan antarabangsa berkenaan dengan penyakit *infection disease* di Philippine. Pada masa perbincangan tersebut ada dibentangkan berkenaan dengan menangani wabak influenza ini. Jadi saya sungguh berasa bangga apabila salah seorang penceramah daripada *World Health Organization* ada menyatakan

bahawa mereka tidak begitu risau tentang wabak yang berlaku di Malaysia kerana kecekapan kementerian-kementerian di Malaysia dalam koordinasi dan terutama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang memusnahkan haiwan-haiwan yang terinfeksi dengan selesema burung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati bahawa sahabat-sahabat saya dari pembangkang banyak juga membawa fakta-fakta yang salah. Contohnya dikatakan tadi bahawa dalam tahun 1918 yang terjadi yang menyebabkan wabak selesema itu ialah H5N1. Yang sebenarnya itu tidak betul. Ia ialah H1N1. H5N1 ini baru sahaja muncul. Jadi yang menyebabkan wabak pada tahun 1918 ialah H1N1 iaitu *human influenza*, bukan selesema burung. Selain daripada itu dikatakan juga yang banyak meninggal ialah di kalangan kanak-kanak tetapi kalau kita lihat wabak dalam tahun 1918 banyak membunuh mereka yang berumur di antara 20 tahun ke 50 tahun. Ini adalah golongan yang *reproductive*. Jadi saya rasa ini juga satu perkara yang penting yang kita harus ingatkan.

Selain daripada seperti mana yang saya katakan tadi, koordinasi di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kesihatan adalah amat penting sekali dalam persediaan kita menangani wabak ini. Cuma pada saya mungkin kalau kita lihat, wabak yang berlaku di Jalan Genting Klang yang mana surat khabar melaporkan wabak itu berlaku di Gombak – yang sebenarnya berlaku di Jalan Genting Klang – hanya dilaporkan setelah dua, tiga minggu ayam-ayam itu mati. Jadi kita tahu bahawa pada sebelum itu di Kelantan di mana wabak-wabak selesema ini berlaku di kalangan ayam dan burung, walhal sepatutnya komunikasi diberitahu kepada penternak-penternak iaitu sekiranya terdapat kematian kepada haiwan-haiwan ternakan hendaklah dilaporkan dengan segera.

Itulah yang saya khawatirkan, oleh kerana laporan yang diberi agak lambat, ini menyebabkan bahawa virus ini boleh menular dan boleh disebarkan ke tempat-tempat lain. Saya rasa perkara ini harus kita perkuatkan lagi, yang mana harus diberikan penerangan kepada penternak-penternak ayam jika berlaku kematian, harus dibuat laporan dengan segera. Selain daripada itu, kita lihat bahawa di dalam dunia pada masa ini telah berlaku kematian lebih 22 juta ayam dan itik dan burung-burung ternakan ini. Tetapi didapati bahawa kes di kalangan manusia kurang dari 200 orang.

Ini menunjukkan walaupun ada transmisi di antara haiwan kepada manusia, tetapi kadarnya adalah kecil. Kita tahu bahawa 22 juta yang kena infeksi di kalangan haiwan ternakan. Tetapi manusia yang terkena infeksi ini kurang dari 200 orang. Dan, juga dilaporkan di dua tempat, dua kes, tanpa *konformasi biological* iaitu di Hanoi dan juga di Thailand, berlaku transmisi di antara manusia kepada manusia. Dilaporkan melalui kajian yang dibuat, tetapi tanpa konformasi daripada makmal. Jadi, itulah dalam persediaan kita melawan wabak ini, perkara ini harus kita fikirkan bahawa ada peluang untuk berlakunya transmisi di antara haiwan kepada

manusia dan juga di antara juga seperti mana yang dilaporkan di Thailand dan Vietnam iaitu transmisi di antara manusia kepada manusia.

Jadi, kita semua rakyat juga bertanya-tanyakan apakah persediaan yang sebenarnya dilakukan oleh kementerian, contohnya Kementerian Kesihatan, kita ingin tahu bahawa walaupun banyak persidangan-persidangan, perbincangan-perbincangan di kalangan pegawai-pegawai kementerian di dalam menyediakan persediaan bagaimana melawan wabak ini, tetapi kita juga ingin tahu bagaimanakah pengawasan penyakit ataupun penyakit *influenza* ini pada masa sekarang? Dalam lain perkataan, bagaimanakah tentang perkara berkenaan dengan *surveillance* penyakit *influenza* ini? Adakah *surveillance* penyakit *influenza* ini berlaku secara sistematik, secara teratur di negara kita? Yang kedua, kita ingin tahu bahawa berapa banyakkah makmal di Malaysia ini yang berupaya membuat diagnosa terhadap virus *influenza* ini?

Selain daripada itu, kita tahu bahawa sekarang ini sudah diketahui umum bahawa wabak selesema burung ini hanya berada di keadaan ambang. Berlakunya wabak yang sebenar. Kalau kita ikut kepada kriteria yang dikeluarkan oleh *World Health Organisation* bahawa kita sekarang berada dalam kedudukan fasa ketiga, iaitu fasa ketiga ialah fasa yang dipanggil sebagai *Pandemic Alert*. Jadi, bila masuk ke fasa empat, itu masih lagi *PandemicAlert*. Lima dan enam ialah fasa kita sebenarnya menghadapi *pandemic* tersebut. Kita ingin tahu bahawa apakah pendidikan kesihatan secara agresif, secara lebih banyak telah diberikan kepada *grass root*, kepada orang-orang bawahan? Kerana mereka ingin tahu, apakah *symtoms* ataupun gejala-gejala selesema burung, *influenza* ini, dan juga selain daripada itu, apakah langkah-langkah pencegahan yang harus mereka ambil dalam menghadapi situasi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Selain daripada itu kita tahu bahawa di kalangan penternak-penternak ayam dan itik ini, mereka ini adalah mereka yang *at risk*, atau dalam keadaan bahaya. Ini kerana seperti mana yang kita tahu bahawa boleh berlaku transmisi di antara haiwan kepada manusia. Jadi, adakah mereka ini dilindungi? Kita tahu bahawa salah satu daripada punca wabak boleh berlaku apabila berlaku percampuran genetik virus iaitu genetic *re-assortment* di antara H5N1 dalam haiwan, juga dengan *influenza* manusia yang ada pada badan manusia. Adakah ini dilakukan, diberikan suntikan kepada mereka yang *at risk*?

iaitu mereka penternak-penternak ayam dan juga *health care workers*. Mereka yang bertugas di dalam memastikan bahawa dalam memusnahkan ayam-ayam tersebut. Jadi, kita memang dapati bahawa banyak usaha-usaha daripada Kementerian Kesihatan, juga Kementerian Pertanian, terdapat koordinasi yang cukup baik di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian.

Itulah sebabnya pada hari ini kita dapati bahawa belum lagi perebakan kepada manusia walaupun perebakan di kalangan haiwan masih lagi dapat dikawal. Jadi, saya harap persediaan koordinasi ini akan terus dapat diperkuatkan dan kita mahukan bahawa negara kita ini dengan

persediaan yang begitu rapi dapat melindungi negara kita daripada wabak selesema burung yang amat ditakuti. Kita tahu bahawa dalam tahun 1918.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Sikit lagi, ada satu minit lagi. 1918, impak penyakit *influenza* ini, *attack* ratenya ataupun kadar serangannya adalah 35% daripada penduduk. Di Malaysia ini kalau 35% daripada penduduk Malaysia ini diserang oleh wabak ini, bermakna hampir 10 juta orang akan masuk hospital. Dan, dia punya *fatality* ratenya adalah di antara 1% ke 3%. Bermakna hampir 300 ribu orang akan meninggal. Ini kalau kita melihat dari segi sejarah. Jadi, itulah yang kita mahukan, apakah persediaan-persediaan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian, dan kita mahu persediaan-persediaan ini diperkuatkan dan diperketatkan lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Oleh kerana ada dua kementerian yang terlibat, saya jemput dahulu Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

5.08 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, terutamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang telah membawa usul ini, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Bagan, dan juga Yang Berhormat bagi Gombak yang telahpun memberikan perhatian yang saya fikir cukup penting berkenaan dengan isu selesema burung yang kita hadapi sekarang ini.

Saya ingin tegaskan di sini, saya dan rakan saya Yang Berhormat Datuk Dr. Chua Soi Lek, Menteri Kesihatan, sama-sama dipertanggungjawabkan oleh Kabinet di bawah satu jawatankuasa untuk menangani wabak ini dan penyakit ini, semenjak ianya tercetus pada tahun 2004, di Tumpat, Kelantan. Langkah-langkah yang telahpun kita ambil di sana telah dapat kita selesaikan dalam satu tempoh yang singkat dan bagaimana yang disebutkan Yang Berhormat bagi Gombak tadi, segala prosedur dan protokol yang telah kita guna pakai untuk menyelesaikan masalah yang di Tumpat, sekarang ini kita guna pakai untuk kawasan-kawasan lain, sudah diiktiraf sebagai satu pendekatan yang terbaik dan Alhamdulillah, sehingga hari ini, tidak ada suatu pun jangkitan kepada manusia yang berlaku di negara kita.

Oleh sebab itu, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah satu perkara yang sebenarnya sudahpun di dalam perhatian kita. Saya sendiri secara peribadi mengambil perhatian yang berat, apalagi fenomena yang terkini ialah seolah-olah ada *trend*, yang meningkat dalam tempoh masa yang terdekat ini. Isu ini sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bukanlah isu yang hanya dihadapi oleh kita, sudah hampir 40 buah negara di dunia yang sudah dijangkiti dengan penyakit ini, menghadapi masalah yang sama berat seperti di Malaysia ini. Tetapi Alhamdulillah, kita tidak berdiam diri.

Semenjak daripada apa yang tercetus di Gombak, langkah-langkah yang wajar telahpun kita ambil. Sehingga hari ini, sebagaimana yang disebutkan tadi, apa yang telahpun kita ambil di Gombak, telahpun dapat kita kawal dan tidaklah ia merebak di kawasan sekitar, kawasan indeks yang telahpun kita tetapkan. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, dalam usul telahpun menyatakan bahawa kerajaan gagal untuk mengadakan kempen-kempen, langkah-pencegahan termasuk imunisasi dan pembersihan kawasan di mana terdapatnya penternakan ayam.

Saya kira ini tidaklah tepat. Ini kerana sebagaimana yang telahpun saya sebutkan tadi, semenjak peristiwa pertama berlaku pada tahun 2004, sudah banyak penjelasan dibuat. Malahan termasuk risalah-risalah yang telahpun kita edarkan hampir di semua kawasan dan juga kita memberikan penerangan kepada pimpinan-pimpinan masyarakat di kampung, termasuklah masyarakat penghulu dan juga ketua kampung untuk mereka mengetahui tentang bahaya penyakit ataupun wabak ataupun *virus H561* ini.

Oleh sebab itu, kita akan terus mengambil tindakan begini, malahan akan kita pertingkatkan berpandu kepada segala protokol yang telahpun ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Antarabangsa ataupun *OIE*, iaitu langkah yang kita ambil ialah untuk memusnahkan unggas dalam lingkungan satu kilometer *radius* daripada kejadian penyakit dan juga *surveillance* yang rapi, yang kita adakan dalam lingkungan 10 kilometer *radius* daripada kejadian penyakit ini untuk kita takrifkan dan kita fikirkan tindakan yang paling sesuai untuk kita tangani dan menghapuskannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Menteri, saya memang mengalu-alukan tindakan sementara ataupun *temporary measures* yang diambil oleh pihak kementerian. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita daripada Gombak ini, virus ini daripada mana? Yang Berhormat bagi Gombak memang berminat dengan hal ini mungkin kerana dia berminat virus berlaku di kawasannya. Tadi Yang Berhormat Gombak walaupun kita setuju kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Kementerian Kesihatan - itu perlu. Tapi bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai ekologi burung-burung ini daripada mana dan bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini kerana kita pun bingung juga. Di Gombak, di situ, di Bukit Merah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:di Taiping dan sebagainya macam mana ini boleh berlaku dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada kita perlu masukkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga untuk mengetahui ekologi ini kerana ini satu masalah global.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana kita dapat kerjasama dengan negara-negara yang lain untuk mengatasi masalah ini kerana global *problem*.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak terangkan juga dalam jawapan saya ini menyentuh perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sememangnya kita mengambil perhatian untuk pastikan di manakah punca virus ini datang daripada mana. Sebenarnya kita sukar untuk hendak memastikan umpamanya dalam kes di Gombak bila dibuat ujian klinikal di makmal kita dari segi kaedah *sequencing* yang telah pun dibuat oleh pihak *urologist* kita, didapati bahawa hampir kesamaan dengan virus yang terdapat di Indonesia dan kebetulan di kawasan itu terdapat juga pendatang-pendatang tanpa izin daripada Indonesia.

Jadi kita membuat andaian kemungkinan ia disebabkan adanya penyeludupan ataupun ayam-ayam sabung ataupun bahan ayam yang dibawa daripada negara jiran kita. Tetapi ini tidak dapat kita pastikan. Demikian juga apabila berlaku di Tumpat di mana apabila kita buat satu klinikal *test* di sana dan *sequencingnya* dimaklumkan oleh pihak VRI kita di Ipoh, ia bersamaan dengan apa yang terdapat di negara jiran kita di Siam. Apakah disebabkan ada penyeludupan ataupun ada kes ayam sabung yang dilakukan oleh orang-orang Kelantan, walaupun dihukumkan haram dibawa ke sana dan dengan sebab itu membawa masuk apa yang dikatakan virus daripada negara jiran.

Apa pun Yang Berhormat saya fikir isu punca, dan di mana ia bermula sukar untuk kita tentukan dalam kes-kes tertentu seperti mana yang berlaku sekarang ini di Perak ataupun juga yang sekarang ini yang berlaku di Pulau Pinang. Yang penting sekarang ini apakah langkah yang perlu kita buat untuk menangani masalah ini. Selain daripada kita hendak memperkukuhkan umpama tindakan penguatkuasaan di sempadan supaya tidak akan dapat ditembusi oleh penyeludup-penyeludup yang membawa barangan ayam secara haram.

Di samping itu kita juga sedari umpamanya juga berlaku di Eco Park. Kawasan itu kawasan yang terkawal, bersih dia ada *vatnya* sendiri tetapi juga dijangkiti oleh kuman yang sama ataupun virus yang sama. Apakah ia disebabkan oleh kerana penyeludupan? Tentunya tidak. Apakah kemungkinan oleh kerana *migratory bird* yang disebutkan tadi - kemungkinan ya.

Jadi sebab itu kita tidak dapat hendak pastikan. Yang penting sekarang ini ialah apa tindakan yang kita buat untuk mengawal dan ini yang saya hendak sebutkan telah pun kita ambil berdasarkan protokol yang telah pun ditetapkan oleh OIE di peringkat kesihatan binatang dan WHO di peringkat kesihatan manusia, langkah-langkah ini sudah pun mula kita laksanakan. Umpamanya macam kes di Gombak ini kita telah pun memusnahkan semua 3,754 ekor unggas dan 1,539 biji telur dan ini melibatkan semua anggota 185 orang bekerja siang dan malam kerana kawasan yang terlibat itu bukanlah daripada kawasan ternakan secara komersial tetapi secara kampung, secara terbuka dan sukar untuk kita kawal. Demikian juga di Perak umpamanya 111 orang anggota jabatan kita telah pun kita kerah bekerja siang dan malam dan

berjaya dalam tempoh tiga hari memusnahkan 42,000 lebih ekor itik dan ayam di kawasan yang terbabit.

Sekarang ini dengan langkah yang kita ambil di kawasan luar 10 km radius kita menemui lagi secara *sampling* yang telah pun dibuat oleh pihak VRI kita di Ipoh kes yang positif di kawasan yang berkenaan. Jadi ini terbukti bahawa tindakan *surveillance* dan juga ujian makmal yang kita lakukan dapat kita kesan dan dengan cara itu dapat usaha kita membendunginya dengan langkah untuk kita memusnahkan ternakan unggas di kawasan-kawasan yang berkenaan. Di Seberang Prai semalam sebagai contoh 30 orang pegawai saya bekerja siang malam dan hari ini telah pun selesai memusnahkan 472 ekor ayam di kawasan yang terlibat tadi.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah pun mengatakan, mengapa tidak di *immunizekan*. Isu pemvaksinan ini adalah masih didebatkan di peringkat forum antarabangsa. Adakah ini langkah yang terbaik ataupun langkah secara pemusnahan yang kita buat secara kali ini yang terbaik. Di Malaysia, mengikut kaedah sekarang ini kita dapati langkah untuk memusnahkan bagaimana yang telah dilakukan ini agaknya cukup berkesan. Tetapi walaupun begitu, di peringkat kementerian kita sedang meneliti kaedah yang diguna pakai seperti di negara Perancis yang telah juga memperkenalkan sistem pemvaksinan. Tetapi ini tidak akan menjamin 100% virus ini tidak akan menjangkiti unggas ataupun ternakan ayam di kawasan-kawasan yang tersebut.

Ini adalah perkara-perkara yang sudah pun kita ambil kira kerana kita bimbang kalau wabak ini terus berlaku secara lebih meluas, apakah langkah yang terbaik untuk kita tangani dari segi jangka panjangnya tadi. Yang Berhormat juga telah pun menyentuh bahawa kerajaan tidak proaktif, saya kira tidak tepat. Saya bersama dengan Kementerian Kesihatan telah pun terlibat secara begitu cepat dan pantas. Ini seperti yang disebut tadi, bagaimana Yang Berhormat Gombak sebutkan tadi telah pun diiktiraf pendekatan Malaysia paling berkesan. Tapi tidak ada jaminan mengatakan kita akan bebas ataupun terhindar kerana tidak siapa yang boleh dapat bukti daripada sumber manakah ataupun bagaimanakah ataupun virus AI ini didatangi untuk kita menyekat dan menghalangnya masuk ke negara kita.

Beberapa perkara yang telah pun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang saya hendak jelaskan secara ringkas berkenaan dengan tindakan pegawai saya yang memberi taklimat kepada saya di Ipoh baru-baru ini, iaitu dua hari lepas, saya kira tidak wajarlah untuk menuduh pegawai ini tidak bertanggungjawab. Dia bekerja siang malam Yang Berhormat. Kalau tidak kerana mereka mengambil sampel-sampel *surveillance* ini mungkin kita tidak dapat pasti bahawa apakah H5N1 sudah berlaku seperti kawasan di Ipoh Barat ataupun di kawasan Perak dan tempat-tempat lain. Jadi sebab itu saya fikir tidak adil untuk menuduh bahawa pegawai kita ini bersikap sambil lewa, buang masa dan sebagainya. *It is not fair.*

Yang keduanya Yang Berhormat, tentang masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak kita. Saya bersimpati, semua pihak bersimpati. Banyak yang menangis melihat itik

mereka yang berpuluh ribu terpaksa dimusnahkan kerana mereka lihat sihat. Tetapi antara soal isu kesihatan manusia dan kesihatan binatang kita terpaksa memberikan keutamaan kepada kesihatan manusia dan sebab itu mahu tidak mahu kita terpaksa memusnahkan binatang ataupun unggas-unggas di kawasan yang berkenaan.

Tetapi alhamdulillah Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini bahawa tidak ada seorang pun daripada penternak, orang kampung yang bangkit membantah. Bermakna mereka tahu dan faham ini adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan dan mesti dilaksanakan walaupun mereka menanggung kerugian. Tetapi soal kerugian ini Yang Berhormat, sebagaimana yang telah disebutkan tadi kerajaan sudah buat keputusan sejak tahun 2004, kita bagikan bayaran sagu hati bukan pampasan. Istilahnya "sagu hati" kerana kita tidak fikir wajar kerajaan menanggung beban untuk membayar segala kos kerugian yang ditanggung oleh penternak baik kecil atau besar. Dan ini telah sedikit sebanyak mengurangkan beban.

Cuma masalah jangka panjang apakah yang wajar kerajaan lakukan selepas peristiwa ini agaknya dapat kita selesaikan. Saya fikir kita boleh berikan kerjasama membantu penternak-penternak ini untuk pulihkan semula perniagaan mereka mungkin dengan sistem perbankan Bank Pertanian yang kita ada, kita boleh bincang dengan penternak-penternak ini bagaimana kita boleh bantu supaya pengurusan mereka ini dapat dihidupkan semula selepas masalah H561 ini dapat kita selesaikan. Ini saya fikir jaminan yang kerajaan akan berikan.

Tuan M. Kula Segaran: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sementara itu bayaran sagu hati bagi saya setakat ini ialah untuk mengurangkan beban kerugian yang ditanggung ini saya fikir adalah wajar. Kita sudah bayar dah dan di Perak mungkin kita akan bayar RM231 ribu dalam tempoh seminggu yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung hendak bagi peluang kepada Menteri Kesihatan. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat sedikit sahaja mengenai lawatan Yang Berhormat ke *veterinary* Ipoh. Adakah beberapa arahan Yang Berhormat telah memberitahu bahawa bangunan itu patut dicat, di siap sedia, bersih kerana ini di kawasan saya jadi saya berada di sana, saya nampak dengan sendiri, saya kenal pegawai-pegawai tersebut saya hairan. Dia kata oh kerana menteri datang kita perlu cat, RM200 ribu dan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad ini yang dijadikan oleh mereka. Adakah ini arahan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya fikir itu isu yang tidak berkaitan dengan soal yang kita bincangkan di sini. Soal jabatan hendak membaiki, hendak mengurus, hendak mengecat ini kebetulan sahaja Yang Berhormat, tidak menjadi masalah. Saya fikir tidak perlu hendak dijawab..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bermakna itu betullah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak perlu dijawablah itu tadi, kalau Ipoh Barat mati itu isulah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya hendak menyatakan di sini untuk menggulungkan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak akan mati.....

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh]: ...segala langkah yang perlu kita buat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa Sri Gading cakap saya tidak pernah tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You don't say that kind I think.* Saya mungkin tetapi Ipoh Barat tidak akan. Tetapi Yang Berhormat soalan susulan mengenai perbincangan. Setakat ini ada berapa banyak yang telah di janji dibayar kerana saya khuatirlah perkara ini saya telah bangkit dahulu pun mengenai *put the amount this disease* mengenai kerbau dan lembu. Hingga hari ini sudah lebih kurang enam bulan pampasan belum lagi dibayar. Jadi saya khuatir mengenai ayam-ayam dan binatang-binatang yang lain, kadar yang sama. Jadi bila, apakah jangka masa yang pendek sekali di mana bayaran pampasan akan dibuat?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ini soal kerbau lembu tidak masuk kepada perbincangan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya bagi contoh macam di Gombak kita sudah bayar RM26,732 kepada lebih 153 orang yang terlibat. Di Perak kita sudah buat anggaran RM231,000 akan dibayar dan arahan sudah dibuat untuk dibayar dalam tempoh cepat yang mungkin.

Soal isu pampasan tidak harus berbangkit Tuan Yang di-Pertua kerana ini jaminan kerajaan kerana kita bimbang kalau tidak ada bayaran sugu hati mereka tidak sanggup hendak ke depan memberikan maklumat dan boleh menjadi masalah bagi kita hendak mengawal penyakit ini daripada merebak sebab itu kita telah buat keputusan sejak tahun 2004 yang lalu.

Soal yang akhirnya, soal berkenaan dengan boleh makan atau tidak boleh makan yang mana ini sudah ada pun insurans diberikan oleh pihak Jabatan Kesihatan dan jabatan kata kalau di goreng dan masak atas 70 *Celsius* serta selama setengah jam dijamin boleh di makan. Tadi Yang Berhormat bagi Bagan cabar kita, saya juga boleh cabar Yang Berhormat, kita boleh goreng semua ayam yang ada di kawasan yang terlibat dan kita sama-sama makan, saya boleh beri jaminan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagus, semua Ahli Parlimen makan Ipoh Barat, ajak Ipoh Barat makan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat, Bagan ajak makan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sri Gading pun boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun kena makanlah. Ipoh Barat makan, saya pun makanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah. Saya rasa saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

5.23 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan dalam usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, berkaitan dengan penyakit *Hand Foot Mouth Disease*. Satu usul sebenarnya telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada minggu yang lepas maka Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memberi maklumat tambahan kerana usul tersebut telah di bincang dan jawapan panjang lebar telah diberikan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek [Labis]: Dan saya hanya hendak memberi tambahan sedikit maklumat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat? Ya, sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat gembira tengok Yang Berhormat hadir di sini tetapi kenapa berat sebelah sahaja? Semasa *Hand Foot Mouth Disease* dibahaskan dalam Dewan ini minggu lalu, Yang Berhormat tidak ada di sini hanyalah Timbalan Menteri datang untuk menjawab dan pada hal *Hand Foot Mouth Disease* sudah mengaut enam, lapan nyawa kanak-kanak di Sarawak. Adakah nyawa itik-itik dan ayam-ayam di *west* Malaysia sini lebih penting daripada nyawa kanak-kanak di Sarawak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nyawa Bandar Kuching pentinglah. Bandar Kuching punya nyawa penting.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...dua orang menteri datang jawab, bila *Hand Foot Mouth Disease* dilibatkan tidak ada menteri jawab. Panggil Timbalan Menteri, ini tidak boleh ini tidak tahu. Ini adalah berat sebelah, tidak patut dilakukan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat memilih untuk membodohkan diri maka saya tidak ingin menjawab. Apabila saya hadir ini, ini tidak memberi makna saya berat sesiapa, saya sayang Yang Berhormat bagi Kuching bersama-sama dengan saya sayang Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tetapi *you* kena faham kadang kala saya terpaksa menghadiri mesyuarat yang lain dan kerana itu Timbalan Menteri yang mewakili kami dan janganlah buat taksiran kerana saya tidak datang maka kita menghina atau mengecilkan Bandar Kuching, bukan. So kalau *you* buat taksiran macam itu, saya malas hendak jawab.

Mengenai dengan wabak "*avian influenza*," adakah Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut garis panduan yang diperakukan oleh WHO? Jawapan kami ialah kami mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh WHO. Sebenarnya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Gombak, hasil dan lanjutan daripada kerjasama yang baik dan rapi antara agensi-agensi kerajaan termasuklah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian, kita perhatikan pada hari ini di Malaysia walaupun ada banyak unggas yang dijangkiti oleh H5N1 tetapi tidak ada seorang manusia pun dijangkiti oleh H5N1.

Itulah menunjukkan kemungkinan kita bukan hanya sekadar mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh WHO bahkan kita buat lebih daripada yang ditetapkan. Maka adalah tidak tepat mengatakan pada hari ini ada pesakit di merata tempat di hospital di Semenanjung Malaysia.

Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, hanya hospital-hospital tertentu adalah hospital yang sesuai dan dikenal pasti. Pada hari ini ada 21 buah hospital dikenal pasti sesuai untuk menerima dan memberi rawatan kepada *suspect* pesakit-pesakit *avian influenza*. Kami sebut demikian kerana hospital tersebut kena mempunyai kemudahan wad asing, kena mempunyai peralatan perlindungan diri, kena memerlukan tenaga yang pekerjaanya telah dilatih dalam soal apa yang dikatakan *infectors control*, dengan izinnya.

Maka tidak tepat mengatakan kita sembunyi, kita bohong dengan rakyat Malaysia kerana kami menghayati dan mengamalkan saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam kes ini kita *transparence* dan telus dan sebenarnya kalau kita perhatikan juga dalam kes ini Yang Berhormat Tan Sri sendiri mengadakan *press conference*, kami sendiri yang uruskan *press conference* boleh dikatakan sering kali kita berjumpa dengan *press*. Bukan hanya dengan *press* bahkan kita jumpa dengan semua exco negeri yang bertanggungjawab dengan portfolio kesihatan termasuk kalau tidak silap dengan Kelantan juga. Begitu juga kita mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil kedutaan dan juga wakil-wakil perniagaan.

Tidaklah tepat bahawa mungkin atau konon ada pesakit dimasukkan ke hospital kerajaan dan pihak kami yang menyembunyikan maklumat itu daripada rakyat jelata. So itu adalah tidak tepat dan kami ingin hendak menegaskan di sini, hingga hari ini tidak ada jangkitan H5N1 yang melibatkan manusia.

Berkaitan dengan tindakan yang seharusnya dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan sebenarnya segala aktiviti yang dilakukan ini dilakukan dengan kerjasama, agensi-agensi kerajaan dan boleh dikatakan tindakan kesihatan di mana kami buat *surveillance*. *Surveillance* boleh digariskan kepada *surveillance* yang aktif seperti yang dilakukan kebelakangan ini di Gombak, di mana kami sampai kepada tiap-tiap rumah dalam lingkungan 300 meter daripada indeks rumah.

Ini satu kerja yang dikatakan susah, satu kerja yang rumit dan tidaklah patut mengatakan kakitangan kerajaan *relax* sahaja. Ini termasuklah kakitangan Kementerian Kesihatan. Dia sampai kepada tiap-tiap rumah dan sesiapa yang menunjukkan tanda-tanda atau gejala demam, selesema, batuk, mereka dinasihatkan supaya dirujuk kepada hospital yang telah ditetapkan. Di hospital tersebut ujian akan dijalankan dan keputusan ujian akan diperolehi dalam 24 jam dan IMR telah dikenal pasti mempunyai makmal yang dikatakan canggih yang boleh membuat ujian ini, dan bagi keputusan dalam masa 24 jam.

Di samping itu, kami sudah menyediakan, seperti yang telah saya sebutkan tadi hospital-hospital yang mempunyai kemudahan untuk memberi rawatan. Kami sudah mula stok failkan vaksin, walau pun ada yang mengatakan 'Tami Flu' ini dan 'Lorenza' ada *resistant* tetapi hingga hari ini itulah yang kita ada.

Kita sudah stok failkan vaksin, ubat-ubatan yang diperlukan dan juga pendidikan kesihatan dan penyebaran maklumat sering dilakukan. Dengan kata-kata itu, kami yakin kalau kita dapat kerjasama yang baik bukan hanya daripada agensi kerajaan tetapi juga daripada penternak-penternak unggas, termasuklah wakil-wakil Rakyat daripada parti pembangkang, kita sama-sama akan berjaya menangani wabak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan yang demikian saya tutup perbahasan ini.

[Perbahasan disambung semula atas masalah Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong.

5.32 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang ini untuk membahaskan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka penggal Parlimen kali ini pada 13 Mac. Saya meneliti Titah Ucapan Tuanku di perenggan 17 teks ucapan Tuanku yang menegaskan budaya mencintai alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat perlu berterusan. Ini bermakna penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Alam sekitar yang bersih dan indah memberi keselesaan kepada rakyat jelata untuk didiami.

Namun, penguatkuasaan Undang-undang Alam Sekitar adalah amat penting bagi mengawal dan mengawasi pencemaran yang kian bertambah akibat pelupusan haram sisa-sisa industri dan sampah sarap dan pembuangan air kumbahan ke dalam sungai. Pelupusan haram sisa toksik semakin menjadi-jadi di negara kita ini dan seolah-olah di luar kawal pihak yang berkuasa. Apakah penyebabnya sehingga masalah tersebut kini semakin menular dan menjadi parah yang diibaratkan sebagai bom jangka yang menunggu masa untuk meletak?

Kesan dan akibat dari pencemaran sisa toksik ini sudah banyak diperhebohkan dan janji-janji bagi mengatasi ataupun mengawal permasalahan ini sudah muak dan jelik untuk didengar. Kenapa dan kerana apa? Jika kita semak rekod-rekod lama, keratan akhbar dan klip visual yang telah dirakamkan oleh Rangkaian Televisyen Malaysia, cerita pencemaran alam sekitar hanya panas seketika dan waktu itu berbagai-bagai pihak akan menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan yang tinggi untuk bertindak untuk mengatasi masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Boleh, jangan lama sangatlah Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat terutama sekali tentang yang berlaku baru-baru ini di Selangor tentang isu *ammonia* yang melibatkan sebuah agensi yang terlibat dengan pemprosesan air iaitu *water treatment*, di mana seolah-olah syarikat ini menjadi mangsa di atas kesilapan kerana tidak ada penyelarasan daripada badan-badan tertentu seperti PBT dan juga agensi-agensi yang lain.

Contohnya Syabas, mereka menuding jari seolah-olah Syabas yang menjadi punca berlakunya kes yang saya sebutkan tadi. Apakah Yang Berhormat setuju supaya masalah ini diteliti terutama dari semasa ke semasa bukan apabila sudah berlaku sesuatu projek itu, mereka membiarkan projek-projek lain yang boleh mencemarkan sungai seperti penyembelihan khinzir, ternakan khinzir dan sebagainya. Ini akhirnya yang menjadi mangsanya ialah syarikat yang tidak langsung dituduh terlibat secara langsung. Sedangkan sebagai contoh, saya ambil Syabas sebagai contoh, sendiri sanggup menurunkan tarif air semata-mata untuk memberi penjelasan bahawa janganlah hanya dilihat kepada Syabas, seolah-olah perkara ini yang berlaku. Apa

pandangan Yang Berhormat bagi Mambong? Apakah berlakunya tidak ada penyelarasan di peringkat aktiviti dan juga agensi-agensinya yang berkenaan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya pihak Jabatan Alam Sekitar memang memonitor Sungai Klang dan Sungai Selangor. Sudah lama mereka memonitor dan saya berpeluang melihat satu trend pencemaran di Sungai Selangor di dalam laporan Jabatan Alam Sekitar .

Semenjak tahun 2001, saya melihat kandungan *ammonia* di Sungai Klang adalah di tahap 7.1 miligram setiap satu liter. Ini bermakna terlalu tinggi. Memanglah mereka mengawasi sungai ini. Tetapi tiga minggu yang lepas, sistem *telemetry* untuk mengawasi berterusan kualiti air di Sungai Selangor ini telah rosak dan itulah sebabnya mereka tidak tahu apakah kandungan *ammonia*.

Syarikat yang seharusnya bertanggungjawab ke atas ini adalah syarikat dari mana *ammonia* itu mengalir. Syarikat apa? Jabatan Alam Sekitar haruslah menguatkuasakan undang-undang dan membuat *investigation* syarikat manakah yang bertanggungjawab dan mereka ini boleh didenda di bawah Seksyen 34.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Sedangkan mengikut laporan bahawa ada pembuangan najis ternakan khinzir di tempat yang dijadikan sungai untuk memproses *water treatment*. Bagaimana ini boleh berlaku? Apakah Yang Berhormat melihat seolah-olah tidak adanya keprihatinan daripada agensi yang berkenaan tentang kawasan ini yang sepatutnya dikawal, sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat. Seharusnya penternakan khinzir tidak boleh dilakukan di kawasan tadahan air dan pihak manakah yang bertanggungjawab yang meluluskan penternakan khinzir di kawasan tadahan air di Sungai Selangor. Ini adalah suatu permasalahan dan mereka yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang haruslah tahu dan jika mereka dapat tahu, mereka ini yang menternak khinzir haruslah didenda kerana mereka yang bertanggungjawab.

Yang kedua, syarikat Syabas seharusnya sebelum mengambil air itu, air mentah untuk dirawat mereka mesti memeriksa kualiti air sebelum dirawat.

5.40 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja, yang *last*. Terima kasih. Kalau boleh kita cadangkanlah supaya ternakan khinzir ini ditentukan di tempat yang tidak langsung terlibat dengan projek-projek lain. Terutama sekali yang melibatkan *water treatment*, tadahan hujan dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat, bersetuju supaya kita gazetkan tempat untuk pembuangan khinzir ini, ternakan khinzir ini hanya ditentukan pada tempat-tempat tertentu yang tidak terdedah? Jadi apakah pandangan Mambong dalam

perkara ini, janganlah kita hanya menuding jari pada mereka yang tidak terlibat dalam perkara ini? Mungkin dia buat secara haram, kita tidak tahu.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kalau mereka menternak khinzir secara haram mereka patut didenda. Kalaulah ada jabatan yang meluluskan penternakan khinzir di tadahan air Sungai Selangor, jabatan ini seharusnya memindahkan mereka kerana kita tidak boleh menternakkan khinzir ataupun haiwan-haiwan yang lain di kawasan tadahan air. Kita menggunakan air ini, air mentah ini digunakan untuk minum, untuk membasuh dan sebagainya. Mana boleh menternak khinzir di kawasan tadahan air.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri Jasin Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Mambong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik, terpanggil apa yang telah diceritakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Mambong, tapi saya tengok dalam televisyen baru-baru ini pendedahan yang dibuat oleh TV3, sepanjang Sungai Selangor yang menjadi pusat pembekalan air. Ternakan khinzir yang berlesen, tidak berlesen tidak kurang daripada lima. Lepas itu tempat penyembelihan khinzir pun satu berlesen satu yang tidak berlesen. Kemudian itu pula di hujung sana ada satu pusat sisa pepejal dan kalau mengikut dari apa yang kita dimaklumi, ditaklimat oleh SPAN yang akan kita bincangkan akhir bulan ini bahawa punca air adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan SYABAS yang tukang memproses ambil air yang mengalir sahaja. Kalau kita lihat dengan apa yang didedahkan oleh Karam Singh Walia, minta maaf, air yang dekat Selangor ini *is not fit for consumption* apatah lagi orang-orang beragama Islam. Walaupun telah *ditreated* oleh SYABAS, soalnya sekarang projek-projek ini telah diluluskan dulu lagi. Adakah kita terpaksa mengubah balik dan memindahkan segala-galanya untuk kepentingan ramai. Apa pendapat Mambong?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, saya memang setuju memindah semua dan mengasingkan mereka ini yang menternakkan khinzir di kawasan tadahan air. Ini memang tidak boleh dibuat. Sedangkan negeri lain tidak berbuat demikian walaupun bahan air mentah ini, di dalam sungai ini dan ladang-ladang penternakan di kawasan tadahan yang diluluskan sebelum *water treatment plant* diwujudkan di situ. Kita mesti memindah, terpaksa untuk memindah. Jangan membenarkan mereka di kawasan tadahan air.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, apabila keadaan kembali normal, pihak yang berwajib akan berterusan mengamalkan pengurusan seperti biasa menunggu bilakah lagi kuburan haram sisa toksik yang lain ditemui. Bekerja seperti reaktif dan tidak bekerja secara proaktif. Mengapa? Jika diteliti dengan betul dan dikaji punca permasalahan dengan mendalam, kita dapati sudah mencukupi perundangan yang tersedia bagi mengawal masalah pencemaran

ataupun pelupusan haram ini. Cuma sistem pengurusan perlu di wujudkan. Adakah sistem inventori nota *consignment*...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tunggu sekejaplah, saya hendak habiskan perenggan ini. Sistem notifikasi, sistem menjejakkan sisa toksik yang berlandaskan kepada konsep *cradle to grave* dan sistem pendaftaran pengangkutan yang membawa sisa toksik ketapak pelupusan yang sah di Bukit Nanas. Sudah wujud? Jika sistem pengurusan dan protokol tertentu sudah terbentuk, mengapa masih banyak permasalahan pelupusan haram sisa toksik? Jikalau sudah ada sistem yang berupaya untuk memantau pergerakan sisa toksik yang terjana dari industri, apakah pula faktor atas sebab yang lain? Apakah kekurangan dalam Jabatan Alam Sekitar? Ya, Larut *last*. Ini memang *last* sekali ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Mambong, kita pujilah usaha alam sekitar ini menterinya telah turun ke padang. Melawat kawasan-kawasan yang telah dilaporkan. Kita harap berterusan. Bukan hanya menunggu laporan kes-kes tertentu tapi berterusan. Yang Berhormat tadi ada mengatakan kita ada perundangan kita. Tapi yang jadi masalah kenapa ini masih berlaku lagi? Adakah mereka yang terlibat tidak peka dengan undang-undang yang ada. Jadi saya minta pandangan sedikit Yang Berhormat, apakah undang-undang yang ada ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana *loophole* ataupun kekurangan dalam melaksanakannya. Sila bagi penjelasan Mambong yang pakar dalam alam sekitar ini.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Undang-undang alam sekitar ini memang sudah banyak. Termasuk akta dan peraturan. Sudah banyak lebih daripada 20 peraturan dan satu akta di bawah Jabatan Alam Sekitar yang harus dikuatkuasakan. Tetapi di dalam negara kita yang membangun seperti sekarang, mereka di dalam industri sememangnya mencari keuntungan yang berlebihan. Jika mereka berbuat demikian, maka mereka akan mencabar undang-undang kita. Apatah lagi jika Jabatan Alam Sekitar yang menguatkuasakan undang-undang tidak proaktif untuk turun ke padang dan melihat apa yang akan dan telah berlaku. Ini adalah satu permasalahan di dalam menguatkuasakan undang-undang. Kita harus mengenal pasti tapak dan tempat di mana sisa-sisa toksik ini dibuang dan di kubur.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, Jasin lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Mambong semua orang tahu bahawa *compound* ataupun denda yang dikenakan oleh alam sekitar ini adalah tinggi. Malangnya pada hari ini kita lihat bahawa penguatkuasaan undang-undang ini kurang berjalan dengan licin. Kemungkinan Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai kakitangan yang cukup. Tetapi kenapa tidak diturunkan kuasa kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang selalu *on the ground*. Mengapa tidak turunkan kuasa ini? Dan kita laksanakan undang-

undang ataupun akta-akta ini, saya penuh yakin dan percaya pengusaha-pengusaha tidak mengambil kesempatan dan pengusaha-pengusaha pun takut hendak langgar akta-akta dan undang-undang ini. Apa pendapat Mambong?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, saya memberi satu gambaran, pada tahun 2004, lebih daripada 400 *compound* yang telah pun diturunkan kepada mereka yang bersalah. Satu *compound* adalah dua ribu ringgit. Itu yang pertama. Yang kedua, kes mahkamah pada tahun 2004 adalah hanya empat pada tahun 2004, ini bermakna mereka yang menguatkuasakan undang-undang dan mereka yang menjadi penjenayah alam sekitar ini, mereka ini ada kemungkinan suka lagi membayar *compound* kerana murah hanya dua ribu.

Ini bermakna mereka yang menguatkuasakan undang-undang dan penjenayah alam sekitar ini, mereka ini ada kemungkinan suka lagi membayar kompaun kerana murah, hanya RM2,000. Kalau kita lihat kes-kes yang tertentu yang seharusnya di kompaun adalah kalau salah label sahaja, yang lain kalau simpan sisa-sisa toksik di belakang kilang, itu satu kesalahan yang seharusnya tidak di kompaun, tetapi adalah satu kes mahkamah. Adakah kes kompaun ini kesemuanya berkaitan dengan label sahaja? Ini adalah satu *loophole* di dalam undang-undang. Saya memohon agar kementerian melihat perkara ini dan menutup *loophole* yang sudah banyak wujud sekarang.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, silakan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Seingatan saya kalau tidak silap, Persidangan Bumi di Rio de Jenerio tentang masa depan bumi ada menyebut tentang satu bahaya yang dialami oleh dunia iaitu tentang satu gas yang dihasilkan oleh *incinerator*. *Incinerator* ini dikatakan melahirkan satu gas *dioxin* yang dikatakan di antara racun yang paling bisa di alam ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dan berpandangan bahawa penggunaan *incinerator* ini seharusnya dihindarkan daripada dunia, khususnya di Malaysia? Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kalau saya mengimbas kembali Persidangan Rio kerana saya yang membuat *negotiation*, kami tidak ada membincangkan tentang *incinerator* tetapi kami berbincang tentang *global warming* dan sebagainya. Walaupun demikian, kegunaan *incinerator* ini jika ada teknologi yang dapat menghapuskan gas *dioxin*, mengapa tidak kita menggunakannya. Tetapi kalau *incinerator*, teknologi yang ada sekarang masih mengeluarkan gas *dioxin* itu memang tidak betullah. Seharusnya tidak diguna pakai *incinerator* yang seperti itu.

Saya yakin bahawa teknologi sudah wujud kerana di Tokyo, *incinerator* ini memang bertapak di kawasan-kawasan bandar, di kawasan-kawasan komersial dan kawasan-kawasan perumahan. Bahkan di Aqua City, taman baru di Tokyo, mereka yang menduduki pangsapuri

tidak perlu membawa sampah sarap mereka ke bawah. Mereka hanya membuang melalui satu *chute* ataupun paip - *rubbish chute* yang mana sampah ini terus berjalan ke *incinerator*.

Sekiranya ada teknologi seperti ini saya boleh menyokonglah. Walaupun demikian, sekiranya masih lagi teknologi yang lama saya harap kerajaan mengkaji dan membuat analisis tentang teknologi yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengingat berita akhbar yang begitu hangat ketika kejadian pelupusan sisa toksin secara haram di Kampung Sungai Gatong, Labis ialah seperti 'anjing menyalak bukit'. Ia hanya *a tip of the iceberg*. Tidak keterlaluan jika dikatakan begitu kerana ini bukan kejadian yang pertama pelupusan haram sisa toksik berlaku, malahan sudah beberapa kali dipaparkan oleh media massa.

Namun pihak berkuasa yang bertanggungjawab seolah-olah memekakkan telinga bila berdepan dengan isu keselamatan dan kesihatan orang awam kerana sisa toksik sememangnya boleh mengganggu keselamatan dan kesihatan orang awam. Nyawa 300 orang penduduk di Kampung Sungai Gatong ketika itu yang diancam pelepasan gas ammonia akibat daripada tindak balas sangga *aluminium oxide* ataupun *aluminium dross* dengan air tidak diketahui oleh Jabatan Alam Sekitar pada permulaan kejadian sehinggalah dipaparkan oleh media massa.

Mengapa Jabatan Alam sekitar, sebuah badan kerajaan yang seharusnya memantau dan mengawal pelupusan sisa toksik tidak dapat menjejak dan mengesan *consignment* dari sebuah kilang yang sepatutnya tiba di tapak pelupusan kualiti alam, di Bukit Nanas, Negeri Sembilan? Ada atau tidak satu sistem jejukan (*tracking system*)?

Dengan adanya sistem jejukan, maka mencari dan mengesan pihak yang bertanggungjawab memanglah mudah sekali. Selepas mendapati identiti pihak yang bertanggungjawab, semua kos pembersihan haruslah dibiayai oleh mereka.

Di dalam kajian Kampung Sungai Gatong, Kerajaan Negeri Johor menggunakan wang kerajaan berjumlah RM3.5 juta bagi membiayai kerja-kerja pembersihan, sedangkan kos pembersihan sepatutnya ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab dan kejadian pelupusan haram tersebut. Jika begini, Jabatan Alam Sekitar seharusnya mengesan pihak yang bertanggungjawab dengan secepat mungkin dan mengenakan Peraturan 34(B) di bawah Akta Alam Sekeliling yang mengarahkan dengan izin, *prohibition against placing, deposit, etc. of schedule waste*.

Seterusnya kenapa tidak menggunakan Tabung Alam Sekitar (*Environmental Fund*) yang diwujudkan di bawah peruntukan 36(B) Akta Alam Sekeliling? Berkaitan dengan tabung ini, sumbangan kewangan kepada tabung seharusnya dibuat oleh pihak industri yang berkaitan dengan *the production, movement, distribution or storage of environmentally hazardous substances* - peruntukan di bawah 36D(b).

Manakala penggunaan wang daripada tabung boleh diguna pakai di bawah peruntukan 36E(b) untuk *recovering of waste or removing, dispersing, destroying, cleaning, disposing of or*

mitigating pollution. Ini memang jelas bahawa Tabung Alam Sekitar sememangnya boleh digunakan bagi kerja-kerja pembersihan seperti kejadian di Kampung Sungai Gatong.

Saya ingin bertanya berapakah wang yang telah dikutip di dalam Tabung Alam Sekitar ini? Namun sejak akhir-akhir ini banyak pihak telah mempersoalkan keberkesanan serta kecekapan agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat di dalam menguatkuasakan akta-akta dan perundangan-perundangan yang berkaitan dengan kawalan pencemaran serta perlindungan alam sekitar dan sumber asli negara.

Kejadian pelupusan haram sisa toksik, pelupusan haram sampah sarap dan domestik, penerokaan hutan simpan, penggondolan tanah tinggi, penyeludupan haiwan yang dilindungi dan sebagainya mencerminkan kegagalan agensi-agensi penguatkuasaan di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang sewajarnya sejajar dengan keperluan akta-akta dan peraturan-peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Banyak persoalan yang timbul seperti:

- (i) sejauh manakah program-program penguatkuasaan ini benar-benar dilaksanakan mengikut acuan perancangan yang tersusun dan terancang;
- (ii) Apakah indikator prestasi yang diguna pakai bagi mengukur keberkesanan program penguatkuasaan tersebut;
- (iii) Apakah petanda aras yang diguna pakai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya gulung sekarang. yang diguna pakai bagi menunjukkan program penguatkuasaan yang telah dilaksanakan mencapai sasaran. Bagaimanakah peruntukan belanjawan tahunan agensi tersebut diagihkan kepada program penguatkuasaan dan bagaimana pula prestasi output yang dihasilkan olehnya. Bagaimana pula dengan bilangan perjawatan yang telah diluluskan oleh kerajaan? Adakah benar-benar telah digunakan secara optima? Maklumat-maklumat tersebut penting bagi menunjukkan sejauh manakah keberkesanan program penguatkuasaan yang telah dijalankan bagi memasti pematuhan terhadap perundangan yang dikuatkuasakan bagi menilai semua kepincangan perundangan ataupun program yang telah dilaksanakan bagi mengukur prestasi penambahbaikan terhadap faktor-faktor kualiti alam sekitar yang tertentu serta memberi justifikasi dan kredibiliti yang sewajarnya terhadap program penguatkuasaan itu sendiri. Tanpa maklumat-maklumat tersebut banyak pihak tidak dapat menilai ataupun menghargai sumbangan kejayaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan yang terbabit. Saya memohon menyokong usul Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang.

6.02 ptg

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun jam telah pun melewati pukul enam, walaupun Dewan telah kosong, saya tetap berdiri di sini untuk mencatatkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana ada kosong?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana ada kosong Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Di dalam ucapan saya menjunjung kasih ke atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan penggal ketiga Parlimen ke-sebelas pada 13 Mac yang lalu. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai anak Johor ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada kerajaan yang telah pun membuat keputusan untuk meneruskan pembinaan jambatan bagi menggantikan tambak Johor. Saya yakin seluruh rakyat Johor dan kalau boleh saya andaikan termasuklah haiwan dan ternakan, termasuklah ikan-ikan dan kehidupan laut. Menyokong pembinaan jambatan tersebut dan bolehlah saya andaikan sekiranya keluarga-keluarga kehidupan laut termasuk ikan-ikan yang selama ini dipisahkan oleh tambak Johor, merekalah makhluk Allah yang paling gembira kerana akan dapat melepaskan rindu dendam sekian lama yang telah terpisah sejak tahun 1919 ataupun tambak Johor tersebut siap pada tahun 1924. Persoalan di sini ialah Tuan Yang di-Pertua, soal alam sekitar. Saya menyebut alam sekitar kerana dengan terbinanya jambatan baru dan dengan robohnya tambak Johor, akan dapat memulihkan alam sekitar;

- (i) sistem kitaran air di Selat Johor dijangka lebih baik dan mampu mempertingkatkan kualiti air;
- (ii) sistem kitaran air yang baik mampu memelihara lebih banyak kehidupan laut dan
- (iii) memperbaiki keadaan persekitaran sepanjang Selat Tebrau

Banyak lagi kepentingan-kepentingan lain ataupun faedah-faedah lain dengan terbina jambatan tersebut dar segi trafiknya licin ke selatan kedua-dua belah pihak negara terkawal, pelancongan menggalakkan ekonomi berkembang. Soalnya Tuan Yang di-Pertua ialah ini adalah soal kepentingan bersama. Sama ada soal alam sekitar, soal ekonomi dan lain-lain. Tidak ada kena-mengena dengan syarat-syarat lain sekiranya ada kerana Tuan Yang di-Pertua, surat khabar Utusan Malaysia pada hari ini mencatatkan di muka dua bahawa pihak Singapura menuntut pula sejumlah pasir yang besar, iaitu tidak kurang daripada 50 juta meter padu setahun selama 20 tahun yang saya ingat adalah sebesar tidak kurang sebuah Pulau Temasek. Satu

jumlah yang besar yang boleh menampung tidak kurang dua keturunan seluruh rakyat Singapura. Mengapa ada syarat-syarat yang sebegini?

Kepada saya isu pembinaan jambatan baru tidak ada kaitan langsung dengan syarat-syarat yang dikemukakan. Memang benar kita boleh berunding soal udara. Memang benar kita boleh berunding soal pasir. Memang benar kita boleh berunding soal-soal lain tetapi bukan dikaitkan dengan jambatan baru tersebut kerana jambatan baru tidak ada kaitan langsung dengan tuntutan-tuntutan lain kerana jambatan baru tersebut mempunyai kepentingan bersama seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira kerana sudah ada penyelesaian kepada jambatan tersebut. Jika pihak Singapura tidak bersetuju dengan jabatan yang tidak bengkok yang tegak, jika pihak Singapura tidak setuju jambatan kita sampai ke tanah mereka, kita sudah ada penyelesaian, kita sudah ada alternatif lain, kita sudah ada pilihan lain kerana dengan kebijaksanaan jurutera-jurutera yang mereka bentuk daripada pasukan JKR dan sebagainya, tercipta suatu jambatan yang akan dibina walaupun bengkok tetapi, hanya bengkok di atas kertas.

Apabila terbina, ia akan menjadi sebuah jambatan yang indah. Jabatan yang saya juga boleh tafsirkan sebagai jambatan yang pintar. Kenapa pintar, jambatan tersebut daripada aras yang tinggi turun bawah dalam bentuk yang landai, memang bengkok dan *landing*. Menyambung kepada tambak Johor di luar sempadan Singapura. Sebab itulah saya sebut tadi, jambatan pintar walaupun dia sebuah jambatan indah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita sedia maklum, kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Luar, dan kenyataan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Johor Bahru sebagai Tuan Pengerusi BNBBB masih konsisten. Masih tetap dengan pendirian bahawa mereka bersetuju, mereka mewakili seluruh rakyat bersetuju bahawa jambatan tersebut dibina dan tidak ada sebab mengapa jambatan tersebut tidak dibina ataupun ditangguhkan.

Selama ini pun apabila ditangguhkan untuk sekian lebih kurang dalam hampir setahun, kita telah pun rugi hampir RM70 juta Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh tersebut juga kita telah diugut dengan pelbagai syarat seperti yang saya sebutkan tadi, soal ruang udara, soal jumlah pasir dan sebagainya. Begitu juga saya difahamkan yang terkini Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka mahu menuntut pantai hadapan Pulau Singapura yang menghala ke tambak Johor sejauh 250 meter daripada keseluruhan tambak Johor di pihak Singapura sejauh 400 meter. Maknanya kalau mereka tambah ia akan menyebabkan sistem ekologi yang tercalar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sudah pun ada pilihan, oleh kerana kita ada pasukan jurutera yang cerdas, kita menyokong, jambatan yang bengkok tadi, jambatan yang pintar atau jambatan yang indah. Ini bukan kali pertama, ini bukan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat seronok mendengar sahabat saya Yang Berhormat bagi ledang yang Timbalan kepada Menteri Besar Johor dan saya kira kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang ini merupakan kenyataan seolah-olah rasmi daripada Kerajaan Negeri Johor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri Besar?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Timbalan kepada Menteri Besar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah kehendak orang Johor, sebagai jiran terhampir belah Utara Melaka, saya angkat tangan kepada rakyat Negeri Johor dan jangan pedulikanlah hendak runding-runding apa.

Kita sudah buat keputusan yang kita akan bina jambatan bengkok, *[Disampuk]* biar bengkok yang akan menjadi salah satu *wonders of the world*, dengan izin, nanti satu dunia datang hendak tengok jambatan bengkok kita itu. Oleh demikian, setuju atau tidak dengan saya Ledang bahawa sudah sampai masa dan ketikanya kerana kita hendak bangunkan jambatan ini belah Malaysia, tanah kita, rumah tangga kita, hak kita. Jadi harus kita mempertahankan, janganlah sampai hendakkan jambatan yang lurus, banyak benda-benda lain tergadai, yang mana anak cucu kita esok akan sentiasa menyebut kita. Dan, kita takut esok anak cucu kita akan menyalahkan kita lebih-lebih lagi kita di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat pada masa ini yang mana benda ini sedang dijalankan. Setuju atau tidak dengan saya Ledang? Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju yang kenyataan terakhir itu. Yang pertama itu, yang pertama tentang timbalan-timbalan itu, tidak ada kaitan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Timbalan Menteri Besarlah, ya?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada dalam *quote*. *[Sambil menunjukkan simbol kurungan]* Saya setuju dengan pendirian yang disebutkan oleh sahabat kita daripada Jasin dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jasin, yang saya juga yakin mewakili Ketua Menteri Melaka. *[Ketawa]* Yang merupakan jiran kita yang baik. Semalam baru kempen budi bahasa, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita kempen budi bahasa, kita mesti berbaik dengan jiran, bila kita ada jiran, jiran kita baik dengan kita, bila kita ada jiran, kita baik dengan jiran kita. Kalau jiran kita tidak menghormati kita, itu namanya Tuan Yang di-Pertua, bukannya budi bahasa malahan bolehlah saya sifatkan sebagai kurang ajar.

Tuan Yang di-Pertua, ini ...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jiran bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jiran, jiran.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Soalan, soalan. Singgah minum di kedai Kak Midah, setelah penat bekerja di ladang, jambatan lurus jambatan indah, yang mana satu pilihan Yang Berhormat Ledang? Sila jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jawab dengan pantun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dalam bentuk pantun, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tapi pantun dua kerat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Yang satu gemuk, yang satu kurus, tentulah jambatan yang lurus*, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terbina jambatan yang indah ini walaupun dia bengkok sedikit, ini bukanlah jambatan yang pertama bengkok dalam dunia. Jambatan pertama yang bengkok dalam dunia ialah jambatan di Santiago. Saya sudah tengok gambarnya Tuan Yang di-Pertua, indah. Dan, saya yakin Tuan Yang di-Pertua pun sudah tengok, kelmarin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ada dengarlah, Sri Gading pun ada, dia pun tahu. *[Ketawa]*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dalam erti kata lain, kita tidak bimbang. Maknanya yang saya cuba tekankan di sini ialah kita ada pilihan, tidak perlu kita berunding dengan pihak lain semata-mata kerana kita hendak menegakkan jambatan kita sedangkan kita yakin walaupun jambatan tersebut bengkok, akhirnya jambatan tersebut akan memberikan faedah yang paling maksimum kepada seluruh rakyat Johor juga rakyat Malaysia termasuk rakyat Melaka dan lain-lain lagi. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat di kawasan Parlimen Kulai juga sangat gembira sekiranya jambatan tersebut terbina kerana saya yakin rakyat Kulai juga akan menerima faedah yang maksimum daripada pembinaan jambatan yang indah tersebut.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, ini soal pembinaan jambatan, tidak boleh dikaitkan dengan tuntutan-tuntutan lain. Ia adalah kepentingan bersama, kita tidak mahu negara kita, maruah kita tergadai, ruang udara kita tergadai. Memang benar dari segi keselamatan ruang udara bukanlah sesuatu yang boleh lagi kita kawal, tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang saya bimbang ialah dari segi gangguan. Sekiranya ruang udara kita berikan kepada mereka, yang menjadi mangsa ialah rakyat Johor, yang menjadi mangsa juga adalah rakyat dalam kawasan Parlimen Kulai, masa nak *take off* nanti. *[Ketawa]*

Dengan ketinggian rendah itu akan menyebabkan kesihatan penduduk di sana terganggu. Kita juga telah pun berpengalaman, masyarakat di Pengerang, masyarakat di Tanjung Piai, mereka pernah mengalami suasana yang mencemaskan apabila kapal terbang luar terbang rendah di kawasan mereka, mengganggu. Malahan saya yakin haiwan dan ternakan dalam Johor juga terutama di kawasan selatan termasuk kawasan Parlimen Kulai juga terganggu dengan bunyi kapal terbang yang terbang rendah dalam kawasan atau ruang udara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Kita tidak mahu nanti ada pihak yang untung, hanya kerana *dollar and cent*, dengan izin, hanya kerana ringgit tetapi negara kita tergadai kerana dikaitkan dengan pembinaan jambatan tersebut yang sebenarnya adalah untuk kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pembinaan jambatan tersebut akan menguji, sebenarnya menguji integriti kita yang telah kita bina sekian lama, visinya ialah kita berpegang kepada Malaysia adalah negara kita, tanah tumpah darah kita dan kitalah yang menentukan masa depan negara kita. Sebenarnya kita telah banyak melakukan kerosakan di muka bumi ini, pembinaan Tambak Johor suatu ketika dulu memang benar tetapi merupakan satu kesilapan besar kerana tidak mengambil kira kerosakan ekologi laut Selat Johor. Kesilapan yang terpaksa kita bayar dengan kos yang mahal dengan membongkarnya semula.

Sebenarnya tajuk alam sekitar Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu tajuk yang mempunyai pengertian yang sangat luas, lebih luas daripada lautan yang merupakan 2/3 daripada bumi tetapi kita masih tidak cukup menghargai alam kita. Jika dulu menambak Selat Johor satu kesilapan, sekarang ini kita masih lagi melakukan kesilapan dan kesalahan sehingga menimbulkan banjir kilat, pencemaran, sama ada pencemaran udara, pencemaran sungai dan sebagainya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pontian bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, boleh atau tidak agaknya Yang Berhormat beri satu ungkapan terhadap pendirian sama ada oleh Kerajaan Singapura mahupun di sebelah pelaksana di negara kita sendiri apabila kita setelah 10 tahun Yang Berhormat, pembinaan jambatan ini tidak dapat dilaksanakan. Pasir kalau Yang Berhormat hendak kaitkan, adakah ianya bersangkutan dengan soal martabat atau maruah ataupun kalau Singapura beringinkan pasir dari sebelah Pengerang, dikatakan bahawa kadar *accumulation*, dengan izin, pasir di Pengerang tersebut adalah pada kadar 20 milion meter cube setiap tahun sedangkan negara Singapura hanya memerlukan lebih kurang 5 juta meter padu pasir. Ini bererti bahawa dari segi kesan alam sekitar ianya tidak menjejaskan.

Yang kedua, kalau kita kata membenarkan ruang udara kepada Singapura, kita difahamkan juga bahawa kedudukan pertahanan udara kita bermula dari Ipoh ataupun dari

negeri Perak, Pahang dan juga Selangor. Ini bererti bahawa dari segi strategi pertahanan udara, kalau misal kata Singapura memohon untuk menggunakan ruang udara Johor, ianya tidak menjejaskan pertahanan udara kita. Oleh kerana kita punya *defense* udara bermula daripada hampir sebelah tengah negara kita.

Jadi Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat memberi satu rumusan terhadap bantahan Singapura setelah saya nyatakan tadi, kalau kita anggap hendak berniaga dengan Singapura, kita boleh berniaga dengan mereka. Perkara ini sudah dibincangkan 10 tahun Yang Berhormat, bukan 10 hari ataupun setahun. Sudah 10 tahun lamanya kita berkesudahan dengan jambatan yang lurus, kemudian bengkok. Malu untuk menggunakan perkataan bengkok, kita terpaksa mencari istilah 'indah', jadi Jambatan Indah.

Kemudian dalam masa yang sama berbelanja tambahan sebanyak RM30 juta untuk laluan sementara, oleh kerana tidak mahukan Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin itu menjadi gajah putih. Jadi kalau Yang Berhormat boleh beri satu rumusan terhadap pendirian Singapura ini sebenarnya kerana Yang Berhormat, satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat apabila Singapura memperluaskan Pulau Tekong ianya telah menyempitkan laluan di Sungai Tebrau sehingga menyebabkan.....

Seorang Ahli: Selat Tebrau.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:Selat Tebrau, sehingga menyebabkan hakisan yang begitu ketara kepada pantai-pantai di sebelah timur Johor. Kita hanya sekadar meminta supaya Singapura mengemukakan laporan EIA supaya kita rakyat di Johor khasnya jelas terhadap kesan daripada pembangunan tersebut. Tetapi sebaliknya bila ingin melakukan sesuatu rakyat sudah bersetuju, saya kira rakyat Singapura juga sudah bersetuju supaya elok ditukar daripada tambak itu kepada jambatan. Yang Berhormat pun biasa di Johor Bahru, Yang Berhormat dapat melihat kalau misal kata Tun Dr. Mahathir waktu itu sebagai Perdana Menteri berselisih pendapat dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yu, Tambak Johor masih lagi sesak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah ambil alih.
[Ketawa]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:apa rumusan hendak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah ambil alih ini Ledang untuk berucap.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Untuk tambah Tuan Yang di-Pertua, untuk tambah. Johor ini kita sudah penat Tuan Yang di-Pertua, sudah tunggu lama. Jambatan kalau kita tidak buat sekarang Tuan Yang di-Pertua boleh sampai ke Kulai Tuan Yang di-Pertua, mula daripada Kulai jambatan jadi kita elok segerakanlah Tuan Yang di-Pertua ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya minta persetujuan daripada Yang Berhormat Ledanglah. Setuju ke Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya puji Yang Berhormat bagi Pontian ini. Semasa beliau menjadi Ketua Pemuda Johor dahulu semasa kita berdepan dengan krisis tanah Keretapi Tanah Melayu, beliau adalah Ketua Pemuda Johor yang mengajak kita naik kereta api hari-hari daripada Johor Bahru ke Singapura, inilah dia orangnya. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya berpendapat tadi hujah yang disebut oleh Ahli Parlimen Pontian ada asasnya. Saya hendak sebut di sini cetusan idea membina jambatan tersebut telah pun dilemparkan oleh bekas Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed sejak tahun 1996 lagi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:sejak tahun 1996 lagi. Sekejap sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rupanya macam perbincangan antara Ahli Yang Berhormat dari Johor.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit lagi, sekejap ya sekejap, sedikit lagi. Maknanya mereka telah pun bersedia. Saya yakin pihak Singapura telah pun maklum perkara ini, mereka lebih awal menghidu bau bahawa kita hendak bina jambatan. Soalnya sekarang sama ada soal pasir ataupun ruang udara kita menyebut tentang kebimbangan, tetapi jangan kita jadikan tuntutan itu sebagai suatu syarat untuk kita membina jambatan. Jangan kita kaitkan tuntutan demi tuntutan dengan jambatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Itu maksudnya Tuan Yang di-Pertua. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah berucap keluarkan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Ledang, saya tidak hendak ucap, yang penting dalam Dewan ini kita sebagai Ahli Parlimen rakyat Malaysia beritahu kerajaan, beritahu Perdana Menteri bina sahaja jambatan bengkok. Jambatan bengkok tidak ada syarat pasir dan ruang udara. Yang ada syarat ruang udara dan pasir kehendak Singapura kalau kita bina jambatan lurus. Sekarang kita tidak mahu jambatan lurus, kita mahu jambatan bengkok yang kita katakan Jambatan Indah kita hendak sampaikan kepada Perdana Menteri dan kerajaan tolak segala-galanya, kita hanya bina jambatan bengkok. Selesai masalah tidak payah panjang-panjang *full stop!* Kita hendak sampaikan maklumat ini kepada Perdana Menteri dan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap dengan cara ini kesihatan terjejas, siapa hendak jaga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya punya kesihatan lebih baik apabila bercakap begini kerana ini *exercise* bagi saya. *[Ketawa]* Lain orang lain cara dia. Ipoh

Timor pun dia macam itu, dia pun marah-marah juga itu fasal dia sihat dia panjang umur fasal dia cakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apa suatu hari nanti tanya dialah. Okey cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ha, ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju sangat dengan pandangan daripada kekanda Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya duduk di sini saya telah pun banyak mendengar tentang soalan ini. Umumnya Tuan Yang di-Pertua keseluruhan Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini termasuklah daripada pihak sebelah kanan saya bersetuju supaya jambatan ini diteruskan tanpa kita tunduk dengan mana-mana ugutan sama ada negara jiran ataupun yang lain-lain. Dalam erti kata lain kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebut tadi, kita memberikan kekuatan, kita memberikan kekuatan kepada kepimpinan negara bahawa jambatan boleh dibina mengikut acuan kita dan kita tidak perlu tunduk dengan mana-mana syarat sekalipun. Terima kasih kekanda daripada Yang Berhormat Sri Gading. So Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soal CIQ tadi sebab saya sebut Tuan Yang di-Pertua kita sudah ada CIQ, CIQ telah pun siap 95%. CIQ yang akan mengendalikan 69 juta orang setahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading hendak tanya lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak hendak keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak keluar baik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: 69 juta orang setahun lebih besar dari segi kendalian manusia berbanding dengan KLIA yang hanya mengendalikan 20 juta orang setahun. Lebih besar kendaliannya daripada Lapangan Terbang Changi Singapura sebanyak 40 juta setahun. Maknanya sekarang kita sudah ada CIQ dan kita tidak ada sebab dengan CIQ yang telah pun hampir siap, tetapi akan menjadi projek gajah putih sekiranya jambatan ini kita lengah-lengahkan. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sewajarnya dan tidak seharusnya tunduk kepada mana-mana pihak sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit tentang alam sekitar tadi. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun menitahkan supaya aspek pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar diberi perhatian penting. Dari segi dasar alam sekitar memang menjadi aspek penting sejak tahun 1980 lagi. Berbagai-bagai penekanan telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti pendidikan, promosi, pembangunan lestari, teknologi bersih, insentif pengurusan alam sekitar, pengukuran alam sekitar dan sebagainya. Sehingga ini Malaysia tersenarai di tangga kesembilan daripada 133 negara dalam indeks pencapaian alam sekitar yang dibentangkan di Davos, Switzerland pada 26 Januari yang lalu. Bagaimanapun dari segi realitinya Tuan Yang di-Pertua, masih banyak yang perlu dilakukan kerana pencemaran alam sekitar masih berleluasa. Buktinya seperti yang didedahkan oleh TV3, kita ucapkan tahniah

kepada TV3 lah. Pencemaran di Sungai Gatong tadi disebut, pencemaran di Sungai Selangor yang dicemari oleh sisa industri begitu juga di sungai-sungai lain yang tidak perlu saya sebutkan di sini termasuk yang berfungsi sebagai pembekal utama sumber air, iaitu sumber air mentah untuk dirawat dan diminum, seolah-olah berlaku pertindihan kuasa, kelemahan penguatkuasaan dan kekurangan dana untuk menyediakan kaedah dan sistem rawatan air sisa termasuk premis pertanian.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, air sisa dirawat menggunakan dua sistem iaitu secara individu dan berpusat. Di negara kita sistem rawatan berpusat hanya untuk air kumbahan premis kediaman, manakala air sisa industri diurus secara individu sedangkan di negara maju sisa industri dan pertanian dirawat pada tahap minimum dan disalurkan ke sistem rawatan berpusat air kumbahan dari premis kediaman yang kemudiannya disalurkan ke sungai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ulangi sekali lagi kerana ini kesimpulan jambatan menggantikan Tambak Johor, dan kita tidak perlu tunduk kepada mana-mana tekanan kerana kita ada alternatif iaitu Jambatan Indah.

Kedua, dalam dunia amanah Allah ini penjaga alam sekitar mengikut keperluan semasa dan terpaksa kita baiki apa-apa kesilapan dan kesalahan ke atas alam sekitar yang telah pun dilakukan pada masa-masa yang lalu. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kudat.

4.30 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan titah yang saya percaya mampu menjadi panduan dan kompas kepada kerajaan untuk memerintah dengan berkesan dan memenangi hati dan nurani rakyat jelata.

Ucapan tahniah juga kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri kerana walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran khususnya kenaikan harga minyak yang telah mencecah USD63 setong namun negara masih lagi mampu bertahan menghadapi cabaran ekonomi walaupun pihak pembangkang telah menggunakan kenaikan harga minyak guna ini sebagai *political survival* dan menjadi alasan untuk meruntuhkan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Apa yang tidak mereka beritahu kepada rakyat bahawa sebenarnya kenaikan harga minyak adalah fenomena global iaitu sesuatu yang tidak dapat dielak oleh semua negara dunia akibat kerakusan kuasa besar menimbulkan ketidakstabilan dan peperangan di negara di mana ianya menjadi

sumber pengeluaran minyak terbesar dunia. Jika *politics of oil* kuasa-kuasa besar tidak berlaku maka saya percaya dunia dan rakyat tidak akan tertekan seperti mana yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah bertitah bahawa betapa perlunya kerajaan negara kita menerokai bidang-bidang pertubuhan baru yang memiliki nilai tambah yang tinggi. Di abad ke-21 ini sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa bidang bioteknologi dan mikroelektronik adalah dua bidang yang harus dipacu bersungguh-sungguh kerana kedua-dua bidang ini adalah bidang yang telah berkembang pesat di seluruh dunia di mana negara kita tidak harus jauh ketinggalan. Cuba misalnya telah berjaya memacu industri bioteknologi dari *scratch level* ke tahap *world player* manakala Taiwan pada tahun 2004 telah berjaya meningkatkan nilai pengeluaran bioteknologi mencecah 16.1 bilion ringgit. Demikian juga India di dalam bidang *software engineering* khususnya di Bangalore telah menjadikan India pesat sebagai *outsourcer* yang terpenting di dunia hari ini.

Oleh itu, persoalan ini setakat manakah kemajuan sebenar yang telah kita capai di dalam kedua-dua bidang ini, apakah kemajuan yang telah dicapai oleh bioteknologi *development co-corporation* dalam usaha memajukan pertumbuhan di dalam bidang ini di Malaysia. Apakah yang sudah terjadi dengan projek *bio-valley* jika projek bioteknologi di kembangkan di luar Lembah Klang negeri manakah atau pusat manakah yang telah mencapai kemajuan substantive dan signifikan di dalam bidang ini khususnya dalam pengeluaran produk yang berdaya maju dan *world standard*.

MEC walaupun sedikit sebanyak telah mencapai kejayaan namun, apakah MEC yang sepatutnya yang menjadi *high technology power house* telah melaksanakan usaha untuk memperkasa *indigenous capacity* yang supaya kita tidak sepenuhnya bergantung pada pelabur-pelabur asing semata-mata. Walaupun syarikat tempatan dari segi kuantitinya memang kita ketahui adalah banyak tetapi dari segi nilai jualan dan penghasilannya, saya percaya ia dikuasai oleh pelabur-pelabur asing.

Di sektor *hardware* atau *manufacturing industry* pula kita ingin mengetahui setakat manakah negara ini telah bergerak maju daripada sekadar menjadi *host* kepada pelabur-pelabur asing kepada usaha untuk meningkatkan *indigenous capacity*. *Manufacturer* tempatan sepatutnya telah maju dan sudah mampu mengambil alih keupayaan syarikat-syarikat multinasional yang telah berdekad-dekad lamanya beroperasi di Malaysia dan mendapat ehsan daripada pelbagai insentif negara kita. Apakah *manufacturer* Malaysia telah berjaya melepasi tahap sebagai OEM atau *Original Equipment Manufacturer* kepada ODM atau *Original Design Manufacturer*. Bolehkah kita mengetahui setakat manakah *manufacturer* daripada kalangan syarikat *indigenous* Malaysia yang telah menguasai pasaran dunia dan membina jenama atau *brand* yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pelbagai usaha yang bersungguh-sungguh ini adalah untuk memperkukuhkan sektor ekonomi moden negara kita sesuai dengan cabaran

globalisasi yang semakin mengasak negara kita. Kita tidak mampu lagi beralih ataupun sekadar membangunkan sektor industri tradisional kerana bidang ini sudah tidak lagi kompetitif dan kita telah menghadapi persaingan yang hebat daripada negara-negara jiran. Suatu institut penyelidikan teknologi industri yang *dedicated* bagi mengumpul pakar-pakar penyelidikan perindustrian dalam pelbagai bidang haruslah diwujudkan. *Expert* ataupun pakar-pakar dan penyelidik-penyelidik tersebut haruslah terdiri daripada penyelidik tempatan dan luar negara yang tugasnya adalah untuk melahirkan penyelidikan teknologi terkini untuk kegunaan memajukan perindustrian negara kita. Kita harus bersedia membelanjakan wang yang banyak khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menjadikan pusat ini berprestij dan mampu melahirkan pelbagai *solution*, *invention* dan *innovation* yang berkualiti dan mampu melestarikan pembangunan pelbagai bidang industri negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengekalkan Malaysia sebagai pusat perdagangan ke-17 terbesar di dunia haruslah dibuat untuk memastikan Malaysia tidak tergelincir dari liga di dunia ini. Oleh itu saya mencadangkan suatu pusat perdagangan atau *Trade Center* haruslah dibina dan dibuat untuk membolehkan kita dapat mengadakan satu *round year exposition* yang lebih teratur dan lebih sistematik dan membolehkan pedagang-pedagang mengunjungi pusat ini setiap masa dan mendapat bukan sahaja risalah, maklumat tetapi juga dapat melihat barang keluaran Malaysia di dalam satu bumbung atau *one stop exhibition center* yang seterusnya akan membolehkan peniaga-peniaga untuk *conclude sales* di dalam pusat tersebut.

Pusat ini akan menempatkan *multilevel complex* bagi statik *exhibition* yang disediakan kepada pengeluar-pengeluar dan juga dilengkapi dengan kemudahan *schedule exposition* atau ekspo berjadual. Pusat ini haruslah dilengkapi dengan semua kemudahan-kemudahan perdagangan seperti *shipping* dan *packaging company*, bank, pejabat perdagangan Kastam bersekali dengan *convention center* yang akan membolehkan pedagang-pedagang dari seluruh dunia berkumpul untuk mendapatkan keperluan perdagangan di bawah satu bumbung. Saya percaya jika pusat ini dapat diadakan seperti yang terdapat dibanyakkan di negara-negara maju perdagangan dunia maka kita akan menjadi pusat perdagangan di rantau ini dan sudah tentu kita akan menjadi pusat bagi pembelian dan juga akan membantu industri di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apakah benar negara kita sedang menghadapi masalah persaingan ekonomi. Kajian telah dibuat mengenai subjek ini di antaranya oleh IMD iaitu *Institute of Management Development* dan *Geneva World Paste Economic Forum* Misalnya pada tahun 2005 menurut IMD *ranking* kedudukan Malaysia telah menurun kepada kedudukan tangga ke-28 berbanding tangga ke-16 pada tahun pada tahun 2004. Manakala WEF meletakkan Malaysia di tangga ke-24 dari 117 negara. Kajian ini berdasarkan kepada penganalisan terhadap empat faktor sektor utama iaitu pencapaian ekonomi, kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Di rantau Asia-Malaysia berada di tangga ke-5 selepas Taiwan,

Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Memanglah jika dibandingkan dengan negara-negara dunia ketiga OIC dan NAM negara kita memanglah adalah yang terbaik.

Petunjuk-petunjuk yang lain seperti *annual ranking* misalnya Malaysia terletak sebagai lokasi ketiga paling menarik bagi *offshoring of services activities* seperti IT, *business process* dan *core center* di belakang India dan Cina. Bagi teknologi Index pula kita berada di tempat ke-25. Apa yang perlu dilakukan untuk menjadikan Malaysia mampu berdepan dengan globalisasi dan ekonomi *competitiveness*, kerajaan harus bersedia untuk meningkatkan perbelanjaan yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang boleh diaplikasikan oleh segenap sektor ekonomi negara kita sama ada bidang perindustrian mahupun pertanian. R&D kita haruslah bersifat *applicable* dan *commercial* supaya tidak hanya menjadi bahan khazanah, makmal dan tidak membawa faedah maksimum kepada keperluan ekonomi negara kita.

Berbanding dengan Korea Selatan, Singapura dan Taiwan, ICT *penetration* kita juga masih rendah dan jika penambahbaikan dan insentif tertentu tidak dilakukan, negara kita akan terus terundur ke belakang. Hari ini *wireless network* seperti WyFy sedang berkembang pesat dengan ciri-ciri kecepatan, murah dan lebih canggih. Negara jiran kita sentiasa *keep a brace* dengan teknologi *brace development* dan kesannya mereka telah mampu menurunkan kos dan meningkatkan *output* ekonomi yang lebih tinggi dan sudah pasti mengancam persaingan dengan negara kita.

Seperkara lagi ialah negara kita mengeluarkan sedikit sahaja jenama dan hak cipta setiap tahun. Apakah ertinya ini? Ini bererti ekonomi kita menjadi kurang inovatif kita bergantung pada *low imigrant level* dari Bangladesh, Nepal, India dan Indonesia yang bersedia bekerja 12 jam sehari dengan kos yang secara *relatifnya* rendah.

Jika ini berterusan kita akan bermasalah kerana terlalu *complaisant* dan tidak ada keinginan meningkatkan keupayaan produktiviti dan kecekapan menggunakan teknologi baru yang lebih efisien kerana *over dependant* dengan buruh asing ini. Ahli perniagaan Malaysia, Malaysia *complacent* kerana hanya dengan menjadi pemilik ladang pengeluar *raw commodity* dan *immediate assembler* bagi produk-produk dan perkhidmatan orang lain sedangkan usaha meningkatkan *economic sophistication* berasaskan k-ekonomi yang akan menarik perniagaan bersesi *outsourcing* dan *high technology* akan tidak dapat keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, *competitiveness* negara kita juga tidak akan mencapai tahap maksimum jika sektor *delivery system* negara kita tidak mengalami pembaharuan yang keras dan cekap. Isu seperti *governance transparency* dan *efficient management* berasaskan kepada pembaharuan dan pemaksimuman penggunaan ICT dan penggunaan *red tape* akan membantu meningkatkan kecekapan. Tetapi apa yang lebih penting ialah wacana untuk membangkitkan jiwa dan kepercayaan penjawat awam ini sendiri tentang konsep kerja sebagai satu amanah di mana setiap yang beramanah harus melaksanakan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan bukan sahaja kepada manusia tetapi juga kepada penciptanya.

Sebagai contoh, di dalam sektor perkhidmatan yang semakin menjadi penting seorang pesakit yang ingin menemui doktor terpaksa menunggu sehingga 3 jam untuk mendapatkan *consultation*. Ada kes di mana pesakit yang sakit teruk diarah untuk mendapatkan *case note* di bangunan dan seksyen lain sedangkan sekiranya sistem ICT dilaksanakan, *case note* atau fail pesakit ini boleh diextract melalui komputer hanya dengan menekan butang. Pesakit ditolak dari seksyen ke seksyen yang lain akibat kurang tanggungjawab dan akauntabiliti kakitangan masih berlaku di hospital-hospital kerajaan.

Budaya kerja sektor swasta yang mengutamakan *cost benefit analysis key performance index*, kecekapan dan *bottom line concept* harus diterap sedikit sebanyak di dalam perkhidmatan awam walaupun kita percaya sememangnya terdapat *constrain* tertentu tetapi apa yang diminta oleh Perdana Menteri untuk melihat peningkatan dan kecekapan *delivery system* bukanlah satu permintaan dan arahan yang melampau kerana kita sering percaya bahawa *there are plenty of rooms for improvement* di dalam sistem penyampaian perkhidmatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kehendak Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang menginginkan keutamaan diberikan kepada membangunkan penduduk luar bandar, kita berasa harap usaha untuk merencanakan pembangunan luar bandar seperti yang diinginkan Perdana Menteri akan dapat dilaksanakan dengan lebih hebat. Pembangunan infrastruktur di luar bandar haruslah diperhebatkan khususnya di Sabah, Sarawak dan pedalaman Semenanjung supaya rakyat luar bandar sama-sama menikmati agihan ekonomi negara kita.

Apalah gunanya kita berbangga menjadi negara maju menjelang tahun 2020 jika pembangunan negara kita tempang. Luar bandar haruslah menjadi moden dan memiliki kemudahan asas yang setaraf dengan kedudukan kita sebagai negara contoh di kalangan negara dunia ketiga. Keadilan sosial haruslah berlaku supaya negara kita benar-benar tersohor dan dihormati.

Projek-projek pembangunan untuk menaik taraf kemudahan awam di luar bandar haruslah dipantau dan dinilai dengan lebih dekat dan teliti supaya projek-projek ini benar-benar menepati sasaran. Walaupun kita mempunyai obligasi untuk membangunkan kontraktor-kontraktor kecil tetapi aspek pelaksanaan dan penilaian kualiti kerja mereka harus dibuat supaya rakyat yang menggunakan kemudahan ini benar-benar berpuas hati dan memiliki kemudahan yang *durable*, berkualiti dan tidak menyebabkan kerajaan terpaksa melaksanakan perbelanjaan berulang dan menampung kos penyelenggaraan yang tinggi.

Penjimatan RM4.4 bilion daripada subsidi minyak haruslah bukan sahaja digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam tetapi lebih penting bagi meningkatkan kemudahan asas di luar bandar, khususnya jalan-jalan luar bandar, jalan kampung dan pelbagai kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, pengurusan hospital dan kesihatan awam di negara kita telah ditadbir dengan jayanya oleh golongan profesional iaitu

doktor perubatan dan doktor kesihatan awam. Ini adalah merupakan satu fakta dan kenyataan, *indicator* di dalam '*mordibility*', *morbidity* dan juga *mortality* telah meletakkan negara kita di antara yang terbaik berbanding dengan negara-negara lain di dunia ketiga.

Persoalannya di sini, apakah rasionalnya Kementerian Kesihatan merancang untuk menggantikan pengurusan di peringkat daerah ataupun kawasan diletakkan di bawah bidang tugas pegawai tadbir diplomatik serta pembantu perubatan dan jururawat. Saya percaya jika ini dilaksanakan, ini akan menjadikan doktor-doktor kita di hospital-hospital kerajaan dan pejabat-pejabat kesihatan kerajaan akan *dimotivated* dan saya telah ditemui oleh ramai daripada rakan-rakan doktor kerajaan yang menyatakan hasrat mereka tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan dan pada pendapat mereka adalah merupakan satu langkah yang terkebelakang.

Persoalan seterusnya ialah di Malaysia kerajaan hanya mengiktiraf doktor pakar dari kalangan doktor pakar klinikal dan tidak pula mengiktiraf doktor pakar kesihatan awam sedangkan di kebanyakan negara maju doktor pakar kesihatan awam yang merupakan *front liner* di dalam pencegahan kesihatan, khususnya penyakit seperti Malaria, *HFM Disease*, *Nipah Virus*, *Avian Flu* dan *Coxsackie* telah mengiktiraf kedudukan mereka sebagai doktor pakar yang setara dengan doktor pakar klinikal.

Seperti yang kita tahu, sektor kesihatan awam adalah amat penting di dalam menangani masalah kesihatan yang belum dan akan berlaku. Bak kata pepatah, "*prevention is always better than cure*". Oleh itu apakah perancangan Kementerian Kesihatan mengenai golongan profesion ini? Apakah Kementerian Kesihatan bersedia mengiktiraf profesion pakar kesihatan awam setara dengan pakar klinikal. Selain dari itu, kita juga mengharapkan supaya kerajaan menambah peruntukan kepada *health prevention*.

Pada masa ini *prevention budget* Kementerian Kesihatan hanyalah meliputi sekitar 20%. Sepatutnya jika bajet *prevention* dapat disediakan, maka kita akan dapat peruntukan yang disediakan lebih bagi menyediakan vaksin yang sangat diperlukan bagi pengawalan penyakit.

Isu selanjutnya ialah isu kekurangan doktor khususnya di Sabah dan Sarawak. Adakah kerajaan bersedia menimbang untuk melanjutkan persaraan doktor dari 56 tahun kepada 60 tahun bagi menampung kekurangan doktor di hospital-hospital kerajaan. Saya percaya perkara ini dapat difikirkan kerana sebagai golongan profesional, mereka tidak seharusnya dibiarkan bersara awal memandangkan kepakaran mereka adalah sangat diperlukan.

Doktor-doktor dari Sabah juga meminta supaya kerajaan mengkaji pemberian elaun perumahan yang terlalu rendah iaitu sebanyak RM220 berbanding dengan doktor dari luar Sabah yang menikmati elaun perumahan RM1,100 sedangkan sebagai negeri yang besar, mereka datang daripada pelbagai daerah yang jauh dan mereka juga terpaksa menyewa rumah di bandar-bandar di mana mereka berkhidmat. Mohon Kementerian Kesihatan dapat menimbang perkara ini dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman keselamatan, penyeludupan, *cross boundary terrorism*, pelanunan adalah merupakan ancaman yang sering berlaku di kawasan-kawasan sempadan negara kita, khususnya di negeri Sabah. Kawasan saya yang berkebetulan adalah merupakan satu kawasan yang terletak dengan sempadan selatan Filipina di mana ancaman keselamatan, penyeludupan, *cross boundary terrorism* dan pelanunan adalah merupakan satu perkara yang sukar untuk dielakkan. Walaupun tidak ada statistik tertentu, namun penyeludupan manusia dan barang-barang haram serta senjata adalah merupakan satu perkara yang memang berlaku.

Di tempat tertentu jarak ke pulau-pulau di selatan Filipina hanyalah lebih kurang perjalanan satu jam dengan bot-bot kecil dan kes-kes *piracy* memang pernah berlaku dan *rampant*. Nelayan-nelayan kecil di negara kita dirompok dan dalam keadaan tertentu, pembunuhan dan penculikan juga turut berlaku. Walaupun ini tidak dapat dinafikan, terdapat pos-pos kawalan, khususnya di Pulau Banggi dan Pelambangan yang berhadapan dengan selatan Filipina, namun saya percaya kawalan keselamatan ini masih tidak mencukupi.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya khususnya Kementerian Pertahanan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam soal-soal keselamatan supaya menubuhkan *military base* yang melibatkan *naval base* dan *air force base* di pulau tersebut dan seterusnya dapat memajukan pulau tersebut bukan sahaja sebagai pangkalan tentera tetapi juga dengan sendirinya akan memberikan bantuan kemajuan kepada kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA yang telah beroperasi selama 50 tahun dan berpengalaman luas di dalam pengeluaran komoditi, khususnya kelapa sawit haruslah melebarkan fungsinya bagi membantu membangunkan sektor pengeluaran pertanian berasaskan makanan, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan air tawar dan pelbagai lagi.

Mungkin bidang ini bukanlah bidang yang menguntungkan berbanding pengeluaran komoditi. Namun Felda haruslah melaksanakan tanggungjawab negara ataupun *national responsibility*. Dengan menggunakan agensi Felda dengan menambah fungsinya, kita tidak perlu lagi menubuhkan agensi-agensi atau syarikat pertanian negara yang baru kerana *resources* yang sedia ada sememangnya boleh digunakan, yang perlu hanyalah *deployment of resources* ataupun menambahkan *resources* bagi membolehkan agensi sedia ada berfungsi dengan segera dan mencapai matlamat dan objektif negara. Dengan keluasan beribu hektar tanah dan tenaga pakar pertanian yang cukup ramai, saya percaya Felda tidak memerlukan *stage trial and error*. Dan kecepatan ini akan menguntungkan pembangunan sektor pengeluaran makanan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Bank Negara baru-baru ini bahawa kadar inflasi adalah di tahap 3.1% bagi tahun ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Datuk Abdul rahim bin Bakri [Kudat]: Enam tahun berturut-turut, adalah satu perkara yang amat membimbangkan. Kenaikan ini diberitakan berpunca daripada kenaikan dalam kos pengangkutan, 4.6% dan makanan 3.8%. Iaitu merupakan keperluan asas bagi rakyat jelata.

Kadar inflasi ini melebihi kadar deposit perbankan yang hanya sekitar 3%, iaitu bagi mereka yang menyimpan wang di institusi kewangan, nilai wang mereka akan ditewaskan ataupun *overtaken* oleh kadar inflasi. Secara langsung akan menyusutkan pendapatan dan kuasa beli pengguna.

Pada pendapat saya, walaupun kenaikan harga minyak adalah merupakan satu yang tidak dapat dielakkan berkaitan kenaikan harga minyak di pasaran dunia yang mendadak. Namun masalah *profittering*, adalah merupakan satu masalah yang telah menyebabkan kenaikan kadar inflasi. Peniaga harus berkesempatan, mengambil kesempatan terhadap setiap kenaikan harga minyak sebagai alasan untuk menaikkan harga. Sedangkan di negara jiran kita, khususnya di negara-negara bukan pengeksport dan pengeluar minyak, seperti Thailand mereka masih mampu menjual barangan dengan harga yang berpatutan dan jauh lebih murah daripada barangan dan perkhidmatan yang dijual dari negara kita.

Oleh itu, kerajaan haruslah bertegas khususnya memantau harga barangan di luar bandar. Masyarakat luar bandar yang rata-ratanya adalah petani dan nelayan, tertekan dengan kenaikan harga di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak. Operasi pemantauan haruslah dilakukan dengan lebih kerap, dan setiap pejabat daerah haruslah menyediakan pusat aduan pengguna yang dipengerusikan oleh pegawai daerah, dan ini akan memudahkan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyiasat, memantau dan seterusnya mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang *profittering*. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

7.02 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, sempena perasmian Penggal Ketiga Parlimen. Kita tahu hari ini kita telah mendengar beberapa pembahas di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mana menyentuh berbagai-bagai aspek dan isu seperti yang berkaitan dengan isu minyak.

Isu kenaikan harga barang dan juga isu jambatan bengkok ataupun jambatan rendah. Tempat saya pun ada isu jambatan, antara Malaysia dengan Thailand. Tetapi isu ini telah selesai. Di mana kedua-dua Perdana Menteri telah merasmikan perletakan batu asas, pada tahun lepas dan sekarang ini projek jambatan Bukit Bunga ke Bukit Tar di Thailand telah pun berjalan dengan sempurna. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahu isu yang hangat diperkatakan, seperti isu minyak ataupun kenaikan harga minyak. Tetapi di tempat saya pun ada juga isu minyak, iaitu gajah turun minyak. [*Menyampuk*] Gajah turun minyak ini kerana kawasan habitat gajah ini diganggu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan untuk mencari keuntungan daripada pembalakan dan sebagainya. Dan kesan daripada ini menyebabkan penduduk menjadi resah, tidak dapat keluar untuk menoreh getah, walaupun harga getah pada hari ini mencecah hampir RM4.00 satu kilogram. Inilah yang mengakibatkan satu, hilang mata

pencarian orang kampung setelah perkara ini berlaku dan perkara ini perlu diambil berat kerana ini merupakan juga isu alam sekitar.

Sebagaimana Titah Ke Bawah Duli Tuanku supaya pemeliharaan alam sekitar perlu ditekankan untuk menjamin kesejahteraan, walaupun binatang liar ataupun manusia. Alam sekitar adalah penting kerana Allah S.W.T menjadikan makhluk di muka bumi ini berkaitan di antara satu sama lain. Di antara satu makhluk lain dengan makhluk manusia yang mempunyai akal fikiran. Itu yang bezanya, manusia dengan binatang. Jadi, hari ini, walaupun binatang tidak mempunyai akal, tetapi binatang ini mempunyai perasaan dan juga mempunyai kehendak kebebasan dan sebagainya. Kalaulah tempat-tempat tinggal binatang ini diganggu, sudah pasti ianya akan mencetus satu pemberontakan di dalam diri binatang ini dan mengakibatkan binatang ini, kalau yang ada minyak dia turunkan minyak.

Kalau yang tidak ada minyak, dia beli minyak. *[Menyampuk]* Ini yang susah. Beli minyak ini susah kerana maklumlah, apabila minyak ini hangat, dan kita pun kena ambil iktibar dengan apa yang berlaku pada hari ini. Kerana isu minyak bukanlah satu isu yang besar kepada kita, kalau kita pandai mengambil pendekatan tertentu untuk kita imbangi kenaikan harga minyak, yang mana kita tidak boleh elak kerana kenaikan harga minyak di pasaran dunia pada hari ini. Jadi keperluan minyak di dalam dunia adalah sebanyak 83 juta *barrel* sehari dan kemampuan pengeluaran minyak pada hari ini adalah 83.3 juta *barrel* sehari. Ini bermaksud, pengeluarannya dan juga penggunaannya hampir sama.

Dan negara kita Malaysia menggunakan antara 300 hingga 400 *barrel* minyak sehari. Dan sudah pastinya minyak ini dari semasa ke semasa, akan berkurangan dan apabila sampai satu peringkat, pengeluaran minyak tidak dapat menampung keperluan minyak harian dunia. Disebabkan oleh itu, maka kenaikan harga minyak tidak boleh dibendung, tidak boleh dikawal. Khususnya yang melibatkan negara kita. Hari ini negara kita menaikkan minyak oleh kerana mengurangkan subsidi kepada minyak. Subsidi yang diberi oleh kerajaan semenjak bertahun-tahun sehinggakan berbilion-bilion ringgit dibelanjakan untuk memberi kemudahan dan juga untuk memberi subsidi kepada minyak ini.

Hari ini, kerajaan terpaksa menaikkan harga minyak yang mana sudah pastinya telah menjadikan satu isu yang hangat diperkatakan dan kita sebagai wakil rakyat, sebagai Ahli-ahli Parlimen yang sepatutnya memberi pandangan yang baik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Perbahasan Yang Berhormat boleh disambung semula pada hari esok. Boleh tak?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi, hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.